

## KANDUNGAN

<b>JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN</b>	(Halaman 1)
<b>RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT</b>	(Halaman 13)
<b>RANG UNDANG-UNDANG:</b>	
Rang Undang-undang Kanun Tanah Negara (Pengesahan) 2003	(Halaman 13)
Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (2002) 2003	(Halaman 58)
<b>USUL:</b>	
Anggaran Pembangunan (Tambahan) ( Bil. 4) 2002	(Halaman 64)



**AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT**

Yang Amat Berbahagia Tuan Yang di-Pertua, Tun Dato Seri Dr. Mohamed Zahir bin Haji Ismail, S.S.M., P.M.N., S.S.D.K., S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Kewangan, Dato Seri Dr. Mahathir bin Mohamad, D.K.(Brunei), D.K.(Perlis), D.K.(Johor), D.U.K., S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P. (Sarawak), D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.M.N., P.I.S. (Kubang Pasu)

- “ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, D.G.P.N., D.S.S.A., D.M.P.N., D.J.N., K.M.N., A.M.N., S.P.M.S. (Kepala Batas)
- “ Menteri Pengangkutan, Dato' Seri Dr. Ling Liong Sik, S.P.M.P., D.G.S.M., D.P.M.P., D.P.M.S. (Labis)
- “ Menteri Kerja Raya, Dato' Seri S. Samy Vellu, S.P.M.J., S.P.M.P., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput)
- “ Menteri Perusahaan Utama, Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik, S.P.M.P., D.G.P.N., D.P.C.M. (Beruas)
- “ Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, Datuk Amar Leo Moggie anak Irok, D.A., P.N.B.S. (Kanowit)
- “ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Seri Rafidah Aziz, S.P.M.P., S.P.M.T., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar)
- “ Menteri Pertahanan, Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak, S.S.A.P, S.I.M.P., D.S.A.P., D.P.M.S., P.N.B.S., D.U.B.C.(T). (Pekan)
- “ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Dato' Seri Law Hieng Ding, P.N.B.S., K.M.N., P.B.S., P.B.J. (Sarikei)
- “ Menteri Luar Negeri, Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar, S.P.M.J., S.P.D.K., D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Kota Tinggi)
- “ Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin, P.I.S., B.S.I., S.M.J., P.S.M., S.P.M.J. (Pagoh)
- “ Menteri Kesihatan, Datuk Chua Jui Meng, D.I.M.P., S.I.M.P, S.M.J., P.I.S., (Bakri)
- “ Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Dato' Dr. Siti Zaharah binti Sulaiman, S.I.M.P., D.S.A.P., D.I.M.P. (Paya Besar)
- “ Menteri Penerangan, Tan Sri Dato' Seri Mohd. Khalil bin Yaakob, P.S.M., S.S.A.P., S.I.M.P., D.S.A.P., J.S.M., S.M.P. (Kuantan)
- “ Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Datuk Paduka Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir, P.G.D.K., D.S.D.K., A.M.K. (Kulim-Bandar Baharu)
- “ Menteri Sumber Manusia, Datuk Dr. Fong Chan Onn, D.M.S.M. (Selandar)
- “ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato' Seri Ong Ka Ting, D.P.M.P. (Pontian)
- “ Menteri Pembangunan Usahawan, Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz, D.M.S.M., A.M.P., B.K.T. (Chenderoh)

- Yang Berhormat Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato' Haji Azmi bin Khalid, D.P.M.P., S.M.P., P.J.K. (Padang Besar)
- “ Menteri Belia dan Sukan, Dato' Hishammuddin bin Tun Hussein, D.S.A.P., D.P.M.J. (Tenggara)
- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tan Sri Bernard Giluk Dompok (Kinabalu)
- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Utama Dr. Rais bin Yatim, S.P.N.S., D.S.N.S. (Jelebu)
- “ Menteri Pertanian, Datuk (Dr.) Mohd Effendi Norwawi, S.I.M.P., P.G.B.K., D.P.M.S., J.S.M., J.B.S., K.M.N., P.P.B. (Kuala Rajang)
- “ Menteri Pembangunan Wanita dan Keluarga, Dato' Seri Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil, D.G.P.N., D.I.M.P. (Lembah Pantai)
- “ Menteri Kewangan Kedua, Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis, S.I.M.P., D.I.M.P. (Rompin)
- “ Timbalan Yang di-Pertua, Dato' Haji Muhamad bin Abdullah, D.I.M.P., S.M.P., P.J.K. (Maran)
- “ Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Lim Si Cheng, P.I.S. (Senai)
- “ Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan, Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus, D.S.N.S. (Jempol)
- “ Timbalan Menteri Luar Negeri, Datuk Dr. Leo Michael Toyad, P.G.D.K., J.B.S. (Mukah)
- “ Timbalan Menteri Kesihatan, Dato' Seri Dr. Suleiman bin Mohamed D.P.M.S., S.S.S.A. (Titawangsa)
- “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Peter Chin Fah Kui, P.G.B.K. (Miri)
- “ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Kerk Choo Ting, D.P.M.P., D.G.P.N. (Taiping)
- “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato' Chan Kong Choy, D.S.A.P., D.P.M.S. (Selayang)
- “ Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato' S. Subramaniam, D.P.M.J., D.S.N.S., S.M.J. (Segamat)
- “ Timbalan Menteri Pertahanan, Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal, P.G.D.K. (Semporna)
- “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Douglas Uggah Embas, P.G.B.K., P.B.S., A.B.S., A.M.N. (Betong)
- “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato' Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh, D.S.S.A., S.M.S., S.S.A., K.M.N. (Kuala Langat)
- “ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato' Chor Chee Heung, D.S.D.K., A.M.N., J.P. (Alor Setar)
- “ Timbalan Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, Datuk Tan Chai Ho, P.J.N., K.M.N., A.M.N. (Bandar Tun Razak)
- “ Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato' G. Palanivel, D.S.S.A., S.S.A., P.J.K. (Hulu Selangor)
- “ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Datuk Ong Tee Keat, P.J.N., S.M.S. (Ampang Jaya)
- “ Timbalan Menteri Pengangkutan, Tan Sri Dato' Seri DiRaja Ramli bin Ngah Talib, P.C.M., S.P.C.M., A.M.N., J.P. (Pasir Salak)

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertanian, Dato' Seri Mohd. Shariff bin Haji Omar, D.G.P.N., D.M.P.N., P.P.T. (Tasek Gelugor)
- “ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Dato' Zainal bin Dahalan, P.J.K., K.M.N., J.S.M., D.P.M.S. (Sabak Bernam)
- “ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato' Zainal Abidin bin Zin, D.P.M.P., P.M.P. (Bagan Serai)
- “ Mulia Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tengku Dato' Seri Azlan ibni Sultan Abu Bakar, S.P.T.J., D.S.A.S. (Jerantut)
- “ Timbalan Menteri Kerja Raya, Dato' Mohamed Khaled bin Haji Nordin, D.S.P.N., P.I.S. (Johor Bahru)
- “ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, Datuk Anifah Aman (Beaufort)
- “ Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Dr. Tan Kee Kwong (Segambut)
- “ Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Dr. Tiki anak Lafe (Mas Gading)
- “ Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato' Dr. Ng Yen Yen (Raub)
- “ Timbalan Menteri Sumber Manusia, Dr. Abdul Latiff bin Ahmad (Mersing)
- “ Timbalan Menteri Pendidikan, Dato' Hon Choon Kim, D.S.N.S. (Seremban)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian, Dato' Abu Bakar bin Taib, D.S.D.K., S.D.K., B.C.K., K.M.N., P.J.K. (Langkawi)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Dalam Negeri, Datuk Seri Abu Zahar bin Isnin, D.G.S.M., D.M.S.M., A.M.N. (Jasin)
- “ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Hajah Khamsiyah binti Yeop, P.P.T., A.M.N., A.M.P., P.M.P. (Gerik)
- “ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Haji Noh bin Haji Omar, D.P.M.S., D.M.S.M., K.M.N., A.S.A., P.J.K., J.P. (Tanjong Karang)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan, Dato' Ir. Donald Lim Siang Chai (Petaling Jaya Selatan)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kerja Raya, Datuk Yong Khoo Seng, D.S.P.N., K.M.N. (Stampin)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan, Tuan Hashim bin Ismail, P.P.N., P.I.S. (Ledang)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, Tuan Chia Kwang Chye (Bukit Bendera)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Tuan Wong Kam Hoong, K.M.N. (Bayan Baru)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, Tuan S. G. Sothinathan (Telok Kemang)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi, Dr. Robia binti Dato' Kosai (Muar)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Dato' S. Veerasingam, P.M.P., A.M.P., A.M.N. (Tengah)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, Datuk Rizalman bin Abdullah, P.G.D.K., J.P. (Tenom)

- Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar, Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim, P.B.S., P.P.B. (Santubong)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pendidikan, Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir (Sungai Petani)
- ” Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Fu Ah Kiow, D.I.M.P. (Mentakab)
- ” Drs. Haji Abu Bakar bin Othman (Jerlun)
- “ Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron, S.M.K. (Rantau Panjang)
- “ Tun Abdul Ghafar bin Baba, S.S.M. (Batu Berendam)
- “ Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Haji Awang, D.S.S.S.M.T. (Marang)
- “ Datuk Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman, P.J.N. (Sungai Benut)
- “ Tan Sri Dato' Seri Dr. Abdul Hamid Pawanteh, P.S.M., S.P.M.P. (Kangar)
- “ Dato' Haji Abdul Kadir bin Annuar, S.P.M.J., K.M.N., P.I.S., B.S.I., A.M.N. (Pulai)
- “ Tuan Abd. Rahman bin Yusof (Kemaman)
- “ Tan Sri Datuk Patinggi Abdul Taib Mahmud, S.P.M.J., S.P.M.T., S.S.S.A., S.S.A.P., S.S.D.K., P.S.M., S.P.M.B., D.G.S.M., P.K.C., D.P. (Kota Samarahan)
- “ Dato' Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang)
- “ Datuk Wira Abu Seman bin Haji Yusop, B.K.T., J.P., D.M.S.M., K.M.N., D.C.S.M. (Alor Gajah)
- “ Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah, P.P.T., A.M.P. (Tambun)
- “ Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi, D.M.S.M., P.P.T., P.J.K. (Bagan Datok)
- “ Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar, D.S.A.P. (Larut)
- “ Tuan Alexander Nanta Linggi, A.B.S. (Kapit)
- “ Tuan Alwi bin Jusoh (Pasir Puteh)
- “ Tuan Haji Amihamzah bin Ahmad (Lipis)
- “ Datu Amirkahar bin Tun Datu Haji Mustapha (Marudu)
- “ Dato' Haji Badrul Hisham bin Abdul Aziz, D.P.M.S., A.S.A. (Hulu Langat)
- “ Tuan Billy Abit Joo, K.M.N. (Hulu Rajang)
- “ Datuk Bung Moktar bin Radin, P.G.D.K., A.D.K., A.S.D.K. (Kinabatangan)
- “ Tuan Chang See Ten, P.I.S. (Gelang Patah)
- “ Tuan Haji Che Ghani bin Che Ambak, P.J.K. (Setiu)
- “ Puan Chew Mei Fun (Petaling Jaya Utara)
- “ Puan Chong Eng (Bukit Mertajam)
- “ Tuan Chow Kon Yeow (Tanjong)
- “ Tun Dato' Daim Zainuddin, D.G.S.M., S.S.M., S.P.M.S., D.H.M.S., S.S.A.P. (Merbok)
- “ Tuan Fong Kui Lun (Bukit Bintang)
- ” Puan Fong Po Kuan (Batu Gajah)
- ” Tuan Goh Kheng Huat (Nibong Tebal)
- ” Dato Goh Siow Huat (Rasah)
- “ Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali, D.I.M.P., S.M.S. (Parit Buntar)

## Yang Berhormat Tuan Hassan bin Mohamed (Besut)

- “ Tuan Henry Sum Agong, A.K. (Bukit Mas)
- “ Tan Sri Dato' Hew See Tong, P.S.M., D.P.M.P., J.P. (Kampar)
- “ Dato' Ho Cheong Sing, P.M.P., A.M.N. (Ipoh Barat)
- “ Tuan Hoo Seong Chang (Kluang)
- “ Tuan Husam bin Haji Musa (Kubang Kerian)
- “ Tuan Haji Ismail bin Noh (Pasir Mas)
- “ Tuan Jacob Dungau Sagan, J.B.S., K.M.N., P.P.B. (Baram)
- “ Dr. James Dawos Mamit, P.P.B., P.P.S. (Mambong)
- “ Tuan Jawah anak Gerang (Lubok Antu)
- “ Tuan Jimmy Lim Donald (Sri Aman)
- “ Tuan Joseph Mauh anak Ikeh (Selangau)
- “ Datuk Seri Panglima Joseph Pairin Kitingan, P.G.D.K., P.N.B.S., S.S.A.P., S.P.D.K. (Keningau)
- “ Tuan Joseph Salang anak Gandum (Julau)
- “ Datuk Juslie bin Ajirol, A.S.D.K. (Libaran)
- “ Dato' Kamarudin bin Jaffar, B.C.M., D.S.N.S. (Tumpat)
- “ Tuan Kerk Kim Hock (Kota Melaka)
- “ Tan Sri Dato' Dr. K.S. Nijhar, P.S.M., S.P.M.J., J.M.N. (Subang)
- “ Tuan Kong Cho Ha (Lumut)
- “ Datuk Lau Ngan Siew, A.D.K., K.M.N., P.G.D.K. (Sandakan)
- “ Tuan Lee Kah Choon (Jelutong)
- “ Tuan Liew Teck Chan (Gaya)
- “ Puan Lim Bee Kau, A.M.K., B.K.M., P.J.K. (Padang Serai)
- “ Tuan Lim Hock Seng (Bagan)
- “ Tuan Liow Tiong Lai, S.M.P. (Bentong)
- “ Dato' Loke Yuen Yow, D.P.M.P., A.M.P. (Tanjong Malim)
- “ Tuan Mah Siew Keong (Teluk Intan)
- “ Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar (Pokok Sena)
- “ Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin (Arau)
- “ Tuan Haji Mat Basir bin Rahmat (Parit)
- “ Datuk Dr. Maximus Johnity Ongkili, A.S.D.K., J.P. (Bandau)
- “ Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz, P.N.J., S.M.J., K.M.N., P.I.S., B.S.I., A.M.N., P.P.N. (Sri Gading)
- “ Tuan Mohamad bin Sabu (Kuala Kedah)
- “ Tuan Mohamed Nasir bin Che Daud (Kuala Krai)
- “ Tuan Mohamed Sayuti bin Said, P.P.T., P.J.K., P.P.N. (Kuala Selangor)
- “ Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan, P.J.N., S.M.J., K.M.N., P.I.S., A.M.N., P.P.N. (Tebrau)
- “ Tuan Mohd. Amar bin Abdullah (Pengkalan Chepa)

Yang Berhormat Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad (Jeli)

- “ Datuk Seri Panglima Mohd. Salleh bin Tun Md. Said, P.G.D.K. (Kota Belud)
- “ Datuk Mohd. Sarit bin Haji Yusoh (Temerloh)
- “ Tuan Mohd. Yusoff bin Mohd. Nor, P.P.N., J.M.N. (Machang)
- “ Dato’ Mohd. Zain bin Omar, D.S.P.N., K.M.N., P.J.K., P.J.M. (Balik Pulau)
- “ Dato’ Ir. Mohd. Zin bin Mohamed, D.P.T.J., J.P. (Shah Alam)
- “ Tuan M. Shukrimun bin Shamsudin (Kuala Nerus)
- “ Tuan Muhamad bin Mustafa (Peringat)
- “ Tuan Haji Muhyidin bin Haji Abd. Rashid (Hulu Terengganu)
- “ Dato’ Mustafa bin Ali, D.P.M.T. (Dungun)
- “ Datuk Napsiah binti Omar (Kuala Pilah)
- “ Tuan Nasharudin bin Mat Isa (Yan)
- “ Tuan Ng Lip Yong (Batu)
- “ Datuk Osu bin Sukam, S.P.D.K., P.G.D.K., D.A. (Papar)
- “ Dato’ Othman bin Abdul (Pendang)
- “ Datuk Peter Tinggom anak Kamarau, P.P.B., P.P.C., K.M.N., P.N.B.S., J.B.S., A.M.N., P.B.S. (Saratok)
- “ Tuan Philip Benedict Lasimbang, A.S.D.K. (Penampang)
- “ Puan P. Komala Devi, P.P.T. (Kapar)
- “ Datuk Railey bin Haji Jeffrey, P.G.D.K., J.M.N. (Silam)
- “ Tuan Ramli bin Ibrahim (Kota Bharu)
- “ Mulia Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang)
- “ Tuan Richard Riot anak Jaem (Serian)
- “ Datuk Robert Lau Hoi Chew, J.B.S., (Sibu)
- “ Tuan Ronald Kiandee, A.S.D.K. (Beluran)
- “ Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad, D.M.S.M., P.I.S. (Parit Sulong)
- “ Tuan Saupi bin Daud (Tanah Merah)
- “ Datin Paduka Hajah Seripah Noli binti Syed Hussin, D.S.S.A (Sepang)
- “ Dato’ Shahnnon bin Ahmad, D.S.D.K., K.M.N. (Sik)
- “ Dato’ Shaziman bin Abu Mansor, A.N.S. (Tampin)
- “ Tuan Shim Paw Fatt, J.P. (Tawau)
- “ Tuan Haji Siam bin Haji Kasrin, K.M.N., P.I.S. (Batu Pahat)
- “ Datuk Song Swee Guan, P.G.B.S. (Bandar Kuching)
- “ Dato’ Suhaili bin Abdul Rahman, D.I.M.P., A.S.D.K. (Labuan)
- “ Puan Sukinam Domo (Batang Sadong)
- “ Tan Sri Datuk Seri Amar Dr. Haji Sulaiman bin Haji Daud, S.I.M.P., D.A., D.S.S.A., P.N.B.S., J.B.S. (Petra Jaya)
- “ Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi (Kuala Terengganu)

Yang Berhormat Tuan Taib Azamudden bin Md. Taib, J.B.S., A.M.N. (Baling)

- “ Tuan Tan Kok Wai (Cheras)
- “ Dr. Tan Seng Giaw (Kepong)
- “ Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew, D.S.S.A (Kelang)
- “ Puan Teresa Kok Suh Sim (Seputeh)
- “ Tuan Thong Fah Chong (Ipoh Timur)
- “ Dato' Dr. Ting Chew Peh, D.P.M.S., D.P.M.P. (Gopeng)
- “ Dato' Seri Tiong King Sing, D.S.S.A., J.P. (Bintulu)
- “ Dato' Tiong Thai King (Lanang)
- “ Datin Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail (Permatang Pauh)
- “ Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar, J.B.S., P.B.S. (Batang Lupar)
- “ Tuan Wan Nik bin Wan Yussof (Bachok)
- “ Tuan Wilfred Madius Tangau, J.P., A.D.K. (Tuaran)
- “ Dato' Yap Pian Hon, D.P.M.S., A.M.N., P.J.K. (Serdang)
- “ Dr. Yee Moh Chai (Tanjong Aru)
- “ Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob, P.G.D.K., A.D.K. (Sipitang)
- “ Datin Paduka Seri Hajah Zaleha binti Ismail, S.S.S.A., D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Gombak)
- “ Tuan Zawawi bin Haji Ahmad (Padang Terap)
- “ Dato' Zulhasnan bin Rafique, D.I.M.P., A.M.N. (Wangsa Maju)

#### **MENTERI/TIMBALAN MENTERI (SENATOR)**

- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Brig. Jen. (B) Datuk Abdul Hamid bin Haji Zainal Abidin, K.M.N., P.A.T., D.P.M.P., J.S.M., P.J.N.
- “ Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Tan Sri Datuk Kasitah Gaddam, P.S.M., P.G.D.K., J.S.M.
- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Pandikar Amin Haji Mulia
- “ Menteri Pendidikan, Tan Sri Dato' Seri Musa bin Mohamad, P.S.M., D.P.M.N., D.P.C.M.
- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tengku Dato' Adnan bin Tengku Mansor, K.M.N., D.S.D.K., D.I.M.P., D.S.A.P., P.J.N.
- “ Timbalan Menteri Pendidikan, Dato' Abdul Aziz bin Shamsuddin, D.M.S.M., D.P.M.S.
- “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk M Kayveas, P.J.N.
- “ Timbalan Menteri Penerangan, Datuk Zainudin bin Maidin, P.J.N., J.M.N., S.M.S., A.M.K.

**DEWAN RAKYAT****PEGAWAI-PEGAWAI KANAN**

**Setiausaha Dewan Rakyat**  
Datuk Mohd. Salleh bin Haji Hassan

**Ketua Penolong Setiausaha**  
Roosme binti Hamzah  
Zamani bin Haji Sulaiman

**Penolong Setiausaha**  
Ruhana binti Abdullah  
Riduan bin Rahmat  
Muhd Sujairi bin Abdullah

**PETUGAS-PETUGAS  
CAWANGAN DOKUMENTASI**

Azhari bin Hamzah  
Monarita binti Mohd. Hassan  
Hajah Shamsiah binti Mohd. Yusop  
Hajah Supiah binti Dewak  
Mohamed bin Osman  
Hajah Norishah binti Mohd. Thani  
Zaiton binti Yaacob  
Abd. Talip bin Hasim  
Jamilah Intan binti Haji Bohari  
Syed Azuddin bin Syed Othman  
Nurziana binti Ismail  
Noor Effarizan binti Mat Satib  
Taharah binti Mohamed  
Nik Elyana binti Ahyat  
Marzila binti Muslim  
Habibunisah Mohd. Azir  
Chong Lai Peng

**PETUGAS-PETUGAS  
CAWANGAN MESIN CETAK**  
Kamaroddin bin Mohd. Yusof  
Mohamed Shahrizan bin Sarif

**JURUBAHASA SERENTAK**

Hajah Paizah binti Haji Salehuddin  
Mazidah binti Mohamed  
Ungku Fauzie bin Ungku A. Rahman

**BENTARA MESYUARAT**

Lt Kol (B) Mohamed Nor bin Mohd. Darus  
Mejar (B) Zakaria bin Salleh  
Mejar (B) Kamaruddin bin Abdullah

**PETUGAS-PETUGAS  
CAWANGAN KOMPUTER**

Mohd Shah bin Rahman  
Sulaiman bin Sirad  
Azzahar bin Hashim

**PETUGAS-PETUGAS  
CAWANGAN PERUNDANGAN**

Mohd. Shariff bin Hussein  
Azmi bin Othman  
Zafniza binti Zakaria  
Mohd. Sidek bin Mohd. Sani  
Mazlina binti Ali  
Norlaila binti Abdullah Sidi  
Ropiah binti Tambi  
Alias bin Mohd. Nor

**MALAYSIA  
DEWAN RAKYAT**

**Isnin, 31 Mac 2003**

**Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi**

**DOA**

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

---

**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**

1. **Dato' Haji Zulhasnan bin Rafique [Wangsa Maju]** minta Menteri Luar Negeri menyatakan adakah dunia bersetuju dengan pendekatan yang diutarakan Malaysia dan Pertubuhan Negara-negara Islam (OIC) di dalam isu menentang keganasan antarabangsa dan sama ada negara-negara kuasa besar termasuklah Amerika Syarikat sanggup mengambil pendekatan sama bagi memastikan perang menentang keganasan tidak bertukar menjadi penindasan terhadap umat Islam seluruh dunia.

**Timbalan Menteri Luar Negeri [Datuk Dr. Leo Michael Toyad]:** Tuan Yang di-Pertua, Izinkan saya menjawab soalan Yang Berhormat dari Parit Sulong bersama-sama soalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Wangsa Maju yang kedua-duanya dijadual untuk dijawab pada hari ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Baiklah.

**Datuk Dr. Leo Michael Toyad:** Tuan Yang di-Pertua, Malaysia berpendirian bahawa takrif keganasan yang dipersetujui di peringkat antarabangsa adalah perlu sekiranya masyarakat antarabangsa ingin bekerjasama untuk menangani gejala tersebut secara lebih berkesan. Sehubungan dengan itu Malaysia sering menekankan bahawa masyarakat dunia harus berusaha untuk mengkaji isu keganasan secara komprehensif iaitu merumuskan satu takrif keganasan yang boleh dipersetujui, mengenal pasti punca-punca sebenar yang membawa kepada tindakan-tindakan keganasan - dengan izin - *root causes* dan mengambil langkah-langkah sewajarnya bagi mengatasi punca-punca tindakan keganasan.

Setakat ini Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu masih belum dapat merumuskan satu definisi universal bagi keganasan dan jawatankuasa *ad-hoc* yang ditubuhkan melalui satu resolusi perhimpunan agung PBB sedang membincangkan mengenai draf komprehensif berkenaan keganasan antarabangsa iaitu dengan izin, "*Comprehensive Convention on International Terrorism*".

Dalam merumuskan definisi keganasan, Malaysia berpendapat bahawa definisi itu perlu membezakan antara tindakan keganasan sebenar (*pure acts of terrorism*) - dengan izin - dengan perjuangan yang sah atau (*legitimate struggles*) iaitu tindakan menentang ancaman dari luar atau perjuangan rakyat menentang penjajah dan penguasaan asing bagi mencapai kemerdekaan atau menentukan sendiri masa depan mereka, dengan izin *self-determination*. Sekiranya perbezaan tersebut tidak diambil kira maka kuasa-kuasa tertentu boleh bertindak secara *unilateral* ke atas sesuatu kumpulan atau sebuah negara lain atas alasan memerangi keganasan. Selain itu Malaysia sering menggesa masyarakat antarabangsa agar tidak mengaitkan tindakan keganasan dengan sebarang bangsa kebudayaan atau agama.

Tuan Yang di-Pertua, kita telah menganjurkan sidang tergempar menteri-menteri luar OIC mengenai keganasan pada 3 dan 4 April tahun 2002 bagi menyatakan pendirian OIC mengenai isu ini. Malaysia dan negara-negara OIC mengutuk keganasan antarabangsa dalam apa jua bentuk dan manifestasi termasuk keganasan yang dilakukan

oleh sesebuah negara. OIC juga telah mencapai kata sepakat bahawa perjuangan rakyat Palestin untuk menuntut kemerdekaan bukanlah satu tindakan keganasan. Pendirian OIC adalah selaras dengan pendirian yang diambil oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu dan mesyuarat-mesyuarat antarabangsa dan di sidang kemuncak NAM, Malaysia juga telah memainkan peranan aktif dalam perbincangan isu keganasan dan Malaysia telah menekankan pentingnya untuk membezakan tindakan keganasan sebenar dengan perjuangan yang sah.

Tuan Yang di-Pertua, pendekatan Malaysia agar isu keganasan dikaji secara komprehensif pada dasarnya diterima oleh masyarakat antarabangsa. Namun demikian adalah sukar bagi masyarakat antarabangsa menerima pakai satu definisi keganasan yang juga merangkumi tindakan keganasan yang dilakukan oleh sesebuah negara disebabkan tentangan daripada beberapa buah negara tertentu. Tindakan keganasan Israel terhadap rakyat Palestin dan sikap dingin Amerika Syarikat untuk menyelesaikan isu ini adalah manifestasi betapa sukar bagi masyarakat antarabangsa dalam menangani isu keganasan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, Wangsa Maju.

**Dato' Zulhasnan bin Rafique:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri atas satu penjelasan yang jelas tentang isu perang menentang keganasan global termasuklah definisi-definisinya dan termasuklah punca atau untuk mencarikan *root causes* - dengan izin - di atas masalah yang begitu dahsyat ini.

Apa yang saya nampak percaturan dasar luar Amerika Syarikat seakan-akan satu perjudian untuk mempengaruhi geopolitik dunia. Ini diperakui sendiri dalam edisi terbaru *Times Magazine* bertarikh 14 Mac 2003, yang menyifatkan Bush Jr. sebagai - dengan izin - '*poker player*' atau pemain daun terup yang sanggup menjudikan nasib masyarakat dunia dengan percaturan dasar luar negara itu. Kalau kita bagi contoh, ada banyak contoh, 21 contoh. Di sini saya bagi 2, 3 iaitu satu daripadanya rampasan kuasa dengan bantuan CIA, mengguling Presiden Mossaddeq (Iran) tahun 1953, serangan tentera udara Amerika Syarikat ke atas pusat pentadbiran Muammar Gadaffi, di Libya 1989, pencerobohan ke atas Somalia 1992-1995.

Soalan tambahan: Apakah motif di sebalik keengganan Amerika Syarikat untuk mempelopori usaha dunia dalam mencari penyelesaian isu Palestin-Israel yang rata-rata diakui telah menjadi punca sebenar kemelut geopolitik di Timur Tengah? Dan mengapa ancaman keganasan global masih belum dapat dibendung? Apakah dasar luar Amerika yang lantang menghalang *state terrorism* - dengan izin - yang dilakukan oleh Israel dengan mengisytiharkan Baitulmuqaddis sebagai ibu negara Israel dan bersangkutan dengan serangannya terhadap Iraq walaupun telah terwujud 40 resolusi terhadap Israel di PBB dan telah di veto supaya tindakan resolusi PBB tidak dapat dilakukan kepada Israel?

**Datuk Dr. Leo Michael Toyad:** Tuan Yang di-Pertua, memang benar kita memandangkan dasar-dasar luar dan juga pendekatan yang diambil oleh Amerika begitu memberikan gambaran-gambaran yang telah disebutkan oleh Yang Berhormat tadi, tetapi yang penting di sini, kita sebagai sebuah negara yang berprinsip untuk mempertahankan supaya prinsip-prinsip kehormatan atau kedaulatan sebuah negara itu, dan juga tidak mewujudkan "*policy of might is right*" di mana kita ingin menyatakan pendirian kita ialah kita akan terus berusaha melalui *multilateral forum*. Dan pada masa kini juga menggunakan PBB, OIC dan NAM supaya perkara-perkara ini jelas. Dan punca sebenarnya nampaknya seperti saya kata awal tadi, dalam jawapan saya bahawa ini berasal dari tidak ada satu definisi yang universal yang dapat diterima dan ini menggalakkan di mana kuasa-kuasa yang besar dapat mengambil tindakan-tindakan mengikut definisi mereka sendiri, dan itulah sebabnya kita tidak dapat menyatakan apa sebenarnya sebab-sebab pihak-pihak Amerika Syarikat mengambil tindakan, dan ini adalah mereka sendiri yang dapat menjawab.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, Bachok.

**Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar:** [Bangun]

**Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad:** [Bangun]

**Tuan Wan Nik bin Wan Yussof:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan saya berkaitan dengan keganasan ialah isu yang melibatkan kepentingan umat Islam, satu daripada perkara yang saya yakin pihak Malaysia mempunyai satu definisi khusus dalam perkara ini sebab Malaysia salah satu negara yang mempunyai suara besar dalam OIC. Saya merujuk kepada isu yang berlaku iaitu perang di Iraq sekarang. Kita dapati ada tentera berani mati yang telah menggunakan pendekatan untuk *defensive* ataupun untuk menjaga maruah negara sendiri dalam menghadapi serangan tentera bersekutu Amerika Syarikat ataupun Britain ini. Dalam keadaan begini TV (CNN) telah menyifatkan serangan berani mati sebagai satu langkah keganasan sedangkan di dalam kes yang berlaku ialah mereka duduk pada tahap *defensive* dalam konteks maruah negara mereka yang telah diserang. Beranikah Malaysia - soalnya - membuat satu kenyataan balas bahawa apa yang disifatkan oleh TV (CNN) itu adalah suatu langkah yang tidak tepat dalam konteks fahaman negara kita apabila sesebuah negara itu diserang sebegitu rupa? Terima kasih.

**Datuk Dr. Leo Michael Toyad:** Tuan Yang di-Pertua, soalan ini timbul daripada apa yang saya katakan tadi tidak ada satu definisi yang jelas, dan universal yang diterima oleh semua masyarakat, dan bahagian kedua, itu bukan soalan yang mencari maklumat Tuan Yang di-Pertua.

2. **Dato' Dr. Hasan bin Mohamed Ali [Parit Buntar]** minta Menteri Sumber Manusia menyatakan:

- (a) jumlah semua pusat kemahiran kelolaan Majlis Latihan Vokasional Kebangsaan (MLVK) bagi setiap negeri; dan
- (b) jumlah peruntukan tabung pembangunan kemahiran di bawah MLVK mengikut negeri sejak tahun 2000 dan kemajuan yang telah dicapai setakat ini.

**Timbalan Menteri Sumber Manusia [Dr. Abdul Latif bin Ahmad]:** Tuan Yang di-Pertua, bilangan pusat bertauliah kelolaan Majlis Latihan Vokasional Kebangsaan (MLVK) mengikut negeri-negeri adalah seperti berikut:

<b>Negeri</b>	<b>Jumlah</b>
Selangor	344
Wilayah Persekutuan	246
Johor	206
Perak	155
Terengganu	149
Pulau Pinang	125
Pahang	98
Kedah	97
Sarawak	92
Kelantan	90
Negeri Sembilan	87
Sabah	55
Melaka	53
Perlis	8
Wilayah Persekutuan	3
<b>Jumlah</b>	<b>1,808</b>

Kemudian untuk jawapan soalan (b), kementerian tidak memperuntukkan pinjaman TPK ini mengikut negeri, pinjaman ditawarkan berdasarkan permohonan yang dikemukakan oleh peminjam melalui institut latihan atau penyedia latihan. Sejak Tabung Pembangunan Kemahiran mula beroperasi pada tahun 2001 sehingga sekarang sejumlah RM239,000,236 telah diberikan kepada peminjam seperti berikut: tahun 2001, bilangan peminjam 4,978 dengan jumlah peruntukan yang berjumlah RM24,201,688; tahun 2002, 36,658 peminjam yang melibatkan perbelanjaan berjumlah RM181,028,348; dan sehingga 28 Februari 2003 bilangan peminjam yang diluluskan adalah 6,800 peminjam melibatkan perbelanjaan yang diberikan sebanyak RM34 juta.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, Parit Buntar.

**Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya berminat tentang bidang ini bila saya membaca bahawa MLVK ini diwujudkan antara lain untuk membantu pelajar-pelajar, bekas pelajar-pelajar miskin dan sebahagiannya yang menyertai ini daripada kawasan FELDA. Tetapi apa yang mendukacitakan ialah bila pengurusan mengenai hal terutama yang melibatkan wang ini selalu terdapat kelewatan berlaku. Sebab itu pembekuan telah dibuat sementara tentang pengeluaran bantuan kepada pelajar-pelajar yang akan melibatkan 1,850. Itu angka yang saya ada pusat MLVK. 97,000 pelajar-pelajar iaitu anak-anak miskin dari FELDA ini dan 15,000 tenaga pengajar di seluruh negara.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, tiap kali kita diberitahu bahawa hal mengenai wang bantuan dan sebagainya biasanya lewat-lewat, ceritanya adalah lewat. Sebab itu saya tidak tahu yang pertama sekali kenapa timbul kelewatan itu, tertunggak yang begitu lama sehingga dibekukan buat sementara untuk diuruskan soal tunggakan yang masih menimpa kementerian itu.

Yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, tentang peruntukan kalau tak salah saya Gabungan Persatuan Pendidik Swasta (GPPS) meminta untuk tahun-tahun berikutnya RM500 juta lagi tambahan kerana dijangkakan pelajarnya akan meningkat menjadi 130,000. Tetapi kalau misalnya jumlah pelajar meningkat begitu tinggi, yang hendak diurus nanti begitu besar, kalau yang ini pun tak boleh diurus, bagaimana pula caranya kalau misalnya pinjaman dan jumlah pelajar yang meningkat. Saya harap kalau dapat diberikan juga gambaran bilakah pembekuan ini akan ditarik balik bagi membolehkan seterusnya permohonan diproses untuk tujuan ini. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Dr. Abdul Latiff bin Ahmad:** Terima kasih atas soalan tambahan daripada Parit Buntar. Tuan Yang di-Pertua. Ingin saya maklumkan di Dewan yang mulia ini, yang jadi lewat adalah disebabkan oleh banyak faktor, bukan sahaja dari pihak tabung tetapi juga adalah disebabkan oleh penyedia latihan sendiri. Umpamanya, kita beri kemudahan kepada penyedia latihan untuk menghantar nama-nama pelajar yang berminat untuk masuk ke pusat-pusat latihan yang dikelolakan oleh mereka tiga bulan sebelum pelajar masuk.

Ini adalah untuk memudahkan tabung memproses bukan sahaja dari segi sudut pengesan pihak MLVK tetapi juga memastikan yang pelajar-pelajar tersebut sudah pun menandatangani. Tetapi kebanyakan penyedia-penyedia latihan tidak berbuat demikian, mereka mengambil pelajar dahulu. Dan tidak saya nafikan ada juga penyedia-penyedia latihan yang mengambil pelajar terlalu ramai dan bila terlalu ramai sudah pasti proses untuk memastikan proses pembayaran itu berlaku, tidak berapa licin.

Soalan yang kedua yang diutarakan oleh Parit Buntar tadi adalah masalah berkaitan dengan bila - saya sudah jawab secara detail dalam jawapan sewaktu menjunjung kasih Titah Ke bawah Duli. Sekarang ini pun kita sudah pun memohon kepada Perbendaharaan untuk menilai semula dan kita juga menilai semula secara *vertical* dan juga *horizontal* kursus-kursus yang kita rasa wajar dan *marketable* untuk pelajar-pelajar lepasan universiti. Kita juga prihatin bahawa kita menjangkakan oleh kerana cara penyedia latihan dan juga kementerian mengiklan produk-produk kita begitu baik sehingga ramai penyedia latihan, pelajar juga yang ingin mengikuti kursus-kursus di bawah Majlis Latihan Vokasional Kebangsaan.

**Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Ternyata daripada jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi ada penyedia latihan yang mengambil kesempatan dari skim ini untuk mendaftar seberapa ramai pelajar ataupun pelatih tanpa mereka mengambil kira kemudahan yang ada. Jadi, adakah setakat ini pihak syarikat-syarikat ini diambil tindakan oleh kementerian berhubung dengan perkara yang telah dibangkitkan tadi? Terima kasih.

**Dr. Abdul Latiff bin Ahmad:** Memang tidak dinafikan bahawa ada penyedia-penyedia latihan yang mengambil kesempatan terutama mereka yang mengambil pelajar yang lebih ramai daripada kemampuan dalam dua bidang kategori iaitu dalam bidang ICT kerana dalam bidang ICT ini daripada 1,800 penyedia latihan yang diluluskan, 776 atau 43% daripada pusat latihan ini mengambil pelajar khusus dalam bidang ICT. Keduanya dalam bidang jahitan kerana *investment*nya tidak berapa banyak dan mudah dikawal selia.

Setakat ini kementerian sudah pun mengambil tindakan kepada satu syarikat yang awalnya bekerjasama dengan Kerajaan Negeri Terengganu, iaitu Yayasan Pembangunan Keluarga yang menggunakan lesen yayasan tersebut di mana sebahagian daripada pelajar-pelajar tersebut sudah pun dibiayai oleh Yayasan Pembangunan Keluarga tetapi syarikat yang berusaha sama dengan YPK ini telah mengambil kesempatan mendaftarkan sebilangan pelajar untuk mendapat pinjaman.

Dan syarikat juga telah didapati membuka banyak cawangan sehingga 17 cawangan dan bila pihak tabung melihat 17 cawangan ini rasa macam tidak lojik dan kita terus turun ke padang melihat sama ada kursus-kursus ini dijalankan dengan secara betul. Setakat ini kita bayar kepada syarikat tersebut. Oleh kerana ada isu penyelewengan yang berlaku di antara kerjasama syarikat tersebut dengan YPK maka kita bertindak supaya syarikat tersebut memulangkan lebih daripada RM1 juta daripada tabung yang dikeluarkan dan dikembalikan semula kepada tabung.

**[Soalan No. 3 - Y.B. Datuk Dr. Maximus Johnity Ongkili (Bandau) tidak hadir]**

4. **Datuk Juslie bin Ajirol [Libaran]** minta Menteri Pembangunan Luar Bandar menyatakan apakah kriteria perlaksanaan projek naik taraf jalan kampung dan berapakah peruntukan yang disediakan oleh kementerian setiap tahun untuk tujuan ini.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar [Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim]:** Tuan Yang di-Pertua, pemilihan projek menaik taraf jalan kampung hendaklah memenuhi syarat-syarat utama iaitu jalan-jalan kampung di kawasan luar bandar, jalan kampung yang terletak dalam kawasan bandar dan kawasan pihak berkuasa tempatan tetapi terhad kepada di luar kawasan operasi PBT atau kawasan yang dikenakan cukai harta PBT kecuali negeri-negeri kurang maju. Manakala kawasan perumahan atau penempatan yang diusahakan swasta tidak layak dipertimbangkan jalan kampung.

Di samping syarat di atas, bagi memastikan projek yang dibina memberi manfaat kepada penduduk luar bandar, ianya hendaklah juga memenuhi selepas kriteria berikut:

- (i) jalan-jalan yang dibina atau dinaik taraf memberi manfaat kepada lebih dari 100 orang pengguna di kawasan sekitarnya;
- (ii) jalan yang memberi kemudahan perhubungan kepada pusat-pusat kesihatan atau klinik, sekolah, masjid atau surau, pasar, pusat-pusat riadah dan kemudahan awam yang lain;
- (iii) jalan yang menyambungkan di antara sebuah kampung dengan kampung yang lain atau menghubungkan dengan jalan besar; dan
- (iv) jalan kampung yang menghubungkan pekan kecil, pusat kegiatan ekonomi, perniagaan, pusat industri kecil dan pusat pertumbuhan desa.

Daripada segi peruntukan, bagi tempoh tiga tahun pertama Rancangan Malaysia Kelapan untuk seluruh negara ialah seperti berikut:

Tahun	Jumlah (RM juta)
2001	246.20
2002	337.84
2003	550

**Datuk Juslie bin Ajirol:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Setiausaha Parlimen, soalan tambahan saya. Peruntukan naik taraf jalan kampung adalah ditentukan mengikut negeri. Apakah kementerian juga menentukan jumlah peruntukan disediakan di setiap kawasan Parlimen, keperluannya adalah berdasarkan luas kawasan atau kepadatan penduduknya.

Di kawasan saya di Parlimen Libaran, ada tiga jalan dipohon naik taraf iaitu Jalan Sungai Tiram sejauh 9 kilometer, Jalan SPS Dua sejauh 12 kilometer, dan Jalan Dandulit sejauh 13 kilometer adalah merupakan jalan-jalan kampung dan ramai penduduk. Soalan saya, adakah kementerian telah mengambil tindakan dan di Dewan ini saya memohon supaya kementerian dapat melaksanakannya dengan segera. Sekian.

**Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim:** Terima kasih Yang Berhormat. Mengenai permohonan-permohonan Yang Berhormat katakan tadi memang kita menerima semua permohonan, tetapi pada masa yang sama kita kena hantarkan semula senarai-senarai yang kita terima daripada wakil-wakil rakyat kepada kerajaan negeri untuk menentukan keutamaan. Sebab Yang Berhormat katakan tadi itu hanya untuk Parlimen Libaran. Tetapi daripada segi keutamaan kita juga memerlukan pandangan daripada kerajaan negeri untuk sama-sama kita memastikan bahawa segala senarai yang kita terima mendapat keputusan dari semua pihak.

Jadi, Yang Berhormat tadi memberitahu mengenai jalan-jalan yang dimohon ada tiga jalan. Saya berharap senarai ini sudah Yang Berhormat masukkan di dalam senarai yang telah diputuskan tahun lepas. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi tahun 2002 Libaran mendapat 7 projek yang panjangnya 12.8 km berjumlah RM0.967 juta. Terima kasih.

**Tuan Wilfred Madius Tangau:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Setiausaha Parlimen. Berhubung dengan soal naik taraf jalan kampung ini, saya ada satu persoalan khususnya di negeri Sabah. Kita ada Jalan Persekutuan, kita juga ada jalan negeri di bawah Jabatan Kerja Raya dan ada jalan kampung. Bagi jalan raya di bawah Jabatan Kerja Raya negeri Sabah, apa-apa yang dibuat dalam jalan ini hendaklah tertakluk kepada spesifik yang diberikan oleh JKR. Dan jalan-jalan inilah yang paling jauh, paling banyak dan yang paling penting sebab inilah jalan-jalan yang menghubungkan satu pekan ke satu pekan yang lain.

Apabila ada peruntukan daripada KPLB Persekutuan kita tidak boleh meletakkan peruntukan ke jalan-jalan ini sebab ia tidak memenuhi kriteria ataupun spesifikasi yang diberikan oleh KJR, sedangkan jalan-jalan ini yang paling penting untuk menghubungi satu pekan dengan pekan yang lain ataupun satu kampung ke kampung yang lain. Persoalan di sini ialah apakah peranan Kementerian Pembangunan Luar Bandar untuk menaik taraf jalan-jalan seperti ini. Terima kasih.

**Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim:** Terima kasih Yang Berhormat. Saya ingin membetulkan sedikit fakta Yang Berhormat. Sekarang ini Yang Berhormat iaitu selepas Rancangan Malaysia Ketujuh, kita telah mendapat beberapa maklum balas-maklum balas mengenai PJK ini. Jadi, oleh yang demikian, selepas penghujung Rancangan Malaysia Ketujuh, hendak masuk Rancangan Malaysia Kelapan, kita telah membuatkan satu spesifikasi yang berlandaskan standard-standard JKR. Jadi, PJK sekarang mempunyai *standard* JKR iaitu minimum JKR *standard* dengan izin, R1A, iaitu ia

boleh pergi maksimum ke 14 kaki dan di mana kita menggunakan *standard* ini supaya jalan ini juga boleh diselenggarakan oleh JKR. Terima kasih, Yang Berhormat.

5. **Datuk Seri Haji Abdul Hadi bin Haji Awang [Marang]** minta Menteri Luar Negeri menyatakan adakah beliau bersedia untuk menjawab pendedahan Menteri Luar Negeri Singapura di Parlimen mengenai surat perhubungan antara beliau dengan Lee Kuan Yew yang menunjukkan sikap berdolak-dalik Malaysia dalam menangani isu dua hala.

**Timbalan Menteri Luar Negeri [Datuk Dr. Leo Michael Toyad]:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menjelaskan bahawa surat-surat yang didedahkan secara selektif oleh Menteri Luar Negeri Singapura, Profesor S. Jayakumar di Parlimen Singapura pada 25 Januari 2003, itulah surat-surat di antara kedua-dua Perdana Menteri dan Menteri Kanan Lee Kuan Yew dan bukannya surat Yang Berhormat Menteri Luar Negeri dengan Menteri Kanan Lee Kuan Yew.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan berpendapat bahawa tindakan Singapura itu tidak mencerminkan hasil gambaran yang menyeluruh mengenai proses rundingan isu-isu dua hala termasuk isu air. Sebenarnya pertukaran surat-surat di antara pemimpin-pemimpin adalah bertujuan untuk menjadikan sebagai asas rundingan di peringkat Menteri dan pegawai kanan di antara kedua-dua buah negara. Surat-surat daripada pemimpin-pemimpin tersebut bukanlah merupakan satu keputusan yang muktamad tetapi ianya perlu dirundingkan dan mendapatkan persetujuan kedua pihak.

Seterusnya, saya ingin memaklumkan bahawa kerajaan tidak berhasrat mengikut rentak Singapura dengan mendedahkan surat-surat tersebut kerana kita menganggapkan bahawa surat-surat tersebut adalah merupakan sebagai dokumen rasmi kerajaan. Kerajaan juga berpendapat bahawa tindakan Singapura itu juga bukan jalan yang terbaik dalam usaha untuk mencari penyelesaian ke atas isu-isu dua hala.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai respons terhadap tindakan Singapura, pihak kerajaan telah mengambil tindakan sewajarnya seperti memberi gambaran sebenar kepada masyarakat umum mengenai pendirian Malaysia melalui kenyataan-kenyataan yang dibuat oleh pemimpin-pemimpin negara termasuk Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dan juga Yang Berhormat Menteri Luar Negeri kepada pihak media dari masa ke semasa.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menegaskan bahawa dalam rundingan dengan Singapura, Malaysia sentiasa konsisten dalam pendiriannya ke arah usaha mencari penyelesaian mengenai isu-isu dua hala. Sebagai contoh Malaysia secara konsisten telah menegaskan kepada Singapura bahawa ia bersedia untuk terus membekalkan air kepada Singapura selepas tahun 2061 tertakluk kepada syarat-syarat dan terma-terma yang dipersetujui kepada kedua-dua pihak termasuk formula penetapan harga berdasarkan harga kompetitif. Sebarang perubahan pendirian Malaysia di dalam rundingan sebenarnya adalah sebagai respons kepada cadangan-cadangan yang dibuat oleh Singapura, oleh itu dakwaan Malaysia berdolak-dalik seperti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Marang adalah tidak benar.

**Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Haji Awang:** Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana terdapat beberapa perjanjian dan persefahaman yang sudah tidak relevan berdasarkan kepada perkembangan semasa yang berubah, adakah dibuat satu kajian supaya dilakukan secara semangat kejiranan untuk melakukan perubahan kepada perkara yang tidak relevan ini? Sebagai contohnya, dalam masalah air, masalah ruang udara yang berkaitan dengan keselamatan Malaysia sendiri, ini yang perlu dikaji. Adakah perkara ini dibuat kajian? Dan, adakah perbincangan dibuat?

Yang kedua, oleh kerana Singapura menunjukkan satu sikap yang tidak ada semangat persaudaraan, kejiranan, sama ada dalam konteks Asean, ataupun dalam konteks NAM (sebagai contoh peperangan yang berlaku di Iraq sekarang, Singapura menunjukkan sikap yang berasingan daripada semangat NAM dan ASEAN), adakah satu tekanan perlu dilakukan oleh kerajaan dan kerajaan bersedia untuk menggunakan senjata

air kerana kerajaan pernah mencadangkan senjata minyak digunakan terhadap kuasa besar yang menekan negara Teluk? Perlu digunakan senjata minyak.

Adakah kita juga bersedia untuk menggunakan senjata air bagi menekan Singapura? Kalau senjata air ini telah digunakan oleh kerajaan hari Sabtu yang lalu terhadap pembangkang, yang mengadakan demonstrasi di KLCC. *[Disorak]* Dalam masa yang sama demonstrasi diadakan juga secara aman. Senjata air ini telah digunakan. Adakah hendak gunakan juga terhadap Singapura? Terima kasih.

**Datuk Dr. Leo Michael Toyad:** Tuan Yang di-Pertua, untuk menjawab soalan yang pertama. Mungkin Yang Berhormat sedar bahawa jawapan itu telah dibuat oleh Yang Berhormat Menteri sendiri dalam menggulung perbahasan atas Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Dan, bahawa dalam Asean kita membuat keputusan secara '*consensus*' dan kalau tidak kita merupakan pendirian yang berlainan, Singapura dan Filipina telah pun berasingan untuk menyatakan pendirian mereka dan seterusnya mengambil pendirian yang mereka percaya diambil atas situasi di Iraq pada masa kini.

Soalan kedua, kita telah beberapa kali menyatakan bahawa Malaysia tidak ada cadangan untuk berperang atau mengambil tindakan yang kasar, bahawa kita ini adalah sebuah negara jiran yang baik, dan sentiasa menghargai keamanan dan juga persaudaraan yang baik dan kuat, kerana dalam itu kita dapat lebih banyak manfaat dari perhubungan yang baik, yang erat khususnya dalam bidang ekonomi, sosial dan juga politiknya.

Kita akan terus mencari jalan untuk mendapatkan persetujuan. Dan, saya nyatakan tadi kita akan terus membekalkan air kepada Singapura mengikut perjanjian 2061. Apa yang kita ingin bincangkan di sini ialah harganya yang telah diberi dalam perjanjian dahulu bahawa kita dapat mengkaji selepas 25 tahun, di mana kita mengambil kira kuasa pembelian, wang dan harga pertukaran wang dan sebagainya mengikut nilai-nilai semasa. Jadi, Yang Berhormat bagi Marang, kita tidak ada cadangan untuk menggunakan air *[Ketawa]* untuk menyerang Singapura. Sekian, terima kasih.

**Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Tindakan Menteri Luar Singapura sebagai seorang gung-ho kepada pemerintah Singapura sekarang ini mendedahkan surat perhubungan dengan Malaysia, memperlihatkan bahawa dengan izin, *act of desperado* terhadap tekanan yang dirasakan oleh Singapura disebabkan oleh tidak ada lagi peluang untuk mereka bersilat bagi menjawab tuduhan-tuduhan yang munasabah yang dibuat oleh kita. Adakah Yang Berhormat setuju bahawa tindakan manusia yang *desperado* sebegini tidak langsung menjaga perasaan jiran dan tidak langsung tahu soal diplomasi yang harus dipertahankan di antara dua negara berjiran.

**Datuk Dr. Leo Michael Toyad:** Tuan Yang di-Pertua, saya memang setuju dengan pandangan-pandangan Yang Berhormat itu. Kemungkinannya telah menggunakan tafsiran bersilat itu kadang-kadang, kalau kawasan itu terlalu rumit untuk kita bersilat memang kita menjadi seorang *desperado*, kerana kita tidak dapat buka bunga-bunga dan lain-lainnya *[Ketawa]* untuk melancarkan silat kita itu. Walau bagaimanapun, kita berharap mereka sedar bahawa tindakan seperti ini memang tidak menguntungkan mana-mana pihak dalam perbincangan kita mengenai isu dua hala.

6. **Tuan Thong Fah Chong [Ipoh Timur]** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan apakah jumlah kes-kes jenayah di negara ini dan apakah peratusan daripada kes-kes tersebut adalah kes jenayah ringan dan kes jenayah berat.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Dalam Negeri [Datuk Seri Abu Zahar bin Isnin]:** Tuan Yang di-Pertua, untuk menjawab pertanyaan Yang Berhormat bagi Ipoh Timur, berikut adalah maklumat yang diperlukan iaitu sepanjang tahun 2002 sebanyak 149,042 kes jenayah indeks telah dilaporkan. Daripada jumlah tersebut, kes jenayah berat adalah sebanyak 13.98% iaitu 20,843 kes. Manakala jenayah ringan adalah sebanyak 86.20% iaitu sebanyak 128,199 kes. Terima kasih.

**Tuan Thong Fah Chong:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan. Adakah pihak Kementerian dan Polis Diraja Malaysia sedar bahawa banyak kes jenayah tidak dilaporkan kerana prosedur laporan rumit dan membebankan masa, terutamanya kes-kes jenayah ringan seperti ragut dan, dengan izin, *break-ins* di kawasan bandar seperti Ipoh Timur.

Masalah jenayah ringan yang berleluasa ini akan menjejaskan ketenteraman rakyat dan kepercayaan pelabur serta keyakinan pelancong ke negara kita. Berikut itu apakah usaha dan pendekatan pihak Kementerian dan PDRM dalam memastikan jenayah ringan dapat dikurangkan dan dikawal serta meringankan prosedur laporan jenayah agar memastikan kebajikan dan kepentingan rakyat sentiasa dijaga? Terima kasih.

**Datuk Seri Abu Zahar bin Isnin:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada soalan tambahan itu. Pihak polis sememangnya telah mempertingkatkan usaha-usaha mereka untuk cuba memperbaiki tugas-tugas mereka dari masa ke semasa. Dalam soalan kes jenayah yang tidak dilaporkan, itu adalah masalah individu yang kurang mahu mengetengahkan kes-kes jenayah walaupun jenayah ringan.

Saya berharap Yang Berhormat dapat memberikan nasihat kepada mereka supaya sebarang kes jenayah walaupun ringan hendaklah dilaporkan. Kalau ada kes-kes yang mana pihak polis tidak mahu menerima laporan oleh pihak-pihak *public* ataupun orang ramai, saya berharap Yang Berhormat dapatlah menulis terus kepada pihak Kementerian Dalam Negeri supaya tindakan-tindakan akan diambil terhadap mereka yang tidak mahu menerima laporan-laporan, walaupun kes jenayah yang ringan. Terima kasih.

**Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Setiausaha Parlimen. Daripada angka yang diberi sebentar tadi, purata 70 kes jenayah berat berlaku sehari dalam negara kita. 70 kes jenayah berat melibatkan pembunuhan dan sebagainya kerana hari-hari kita lihat dalam akhbar kita yang dilaporkan tidak kurang daripada 5 pembunuhan sehari. Begitu juga kita lihat bahawa berlaku rompakan-rompakan yang menggunakan senjata-senjata walaupun senjata tersebut diharamkan. Kita hendak tanya bagaimana sebuah negara yang aman sebegini rupa boleh berlaku 5, paling kurang boleh berlaku 70 kes jenayah berat sehari dan penggunaan senjata *illegal*, haram secara berleluasa dalam negara kita. Macam mana boleh berlaku sebegitu berat sekali? Terima kasih.

**Datuk Seri Abu Zahar bin Isnin:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingat fakta yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat bagi Jeli itu saya rasa tidak menepati sasarannya kerana kalau saya lihat daripada sini, kes jenayah bunuh adalah 518 iaitu 0.35% sahaja bagi tahun yang berkaitan iaitu tahun 2002. Jadi, kalau kata 75 kes sehari, tiap-tiap hari saya rasa tidak tepatlah. Cuba kalikanlah, bahagi kepada 511, bahagi dengan 365 hari setahun. Jadi, tidak sampailah 1½ ataupun 1.1 sahajalah. *[Disampuk]* Okey, itu sahaja. Sebagaimana yang saya nyatakan tadi, kita mempunyai kawasan yang luas. Walau bagaimanapun, kes-kes yang berat tidak menimbulkan satu masalah kepada negara di mana polis kita sentiasa berwaspada dengan keadaan-keadaan dan mereka juga telah banyak berjaya mengesan dan mengambil tindakan dengan cepat kepada kes-kes yang banyak berlaku. Terima kasih.

*[Soalan No. 7 – Y.B. Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad [Parit Sulong] tidak hadir]*

8. **Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]** minta Kementerian Kewangan menyatakan apakah masalah-masalah yang telah timbul dan masih belum diatasi ekoran daripada pembatalan skim pembelian komputer dengan caruman KWSP. Apakah tindakan yang telah diambil untuk mengatasinya oleh Kementerian.

**Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Chan Kong Choy]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Selepas pembatalan Skim Pengeluaran Pembelian Komputer pada 9 Ogos 2002, KWSP telah menerima 32 aduan di mana 24 aduan adalah mengenai kegagalan pembekalan komputer dan 8 aduan tidak berpuas hati dengan perkhidmatan yang diberikan oleh pembekal. Sebanyak 9 kes telah berjaya diselesaikan dan 23 kes lagi masih dalam

tindakan penyelesaian. Mengenai aduan pembekalan komputer, KWSP telah mengarahkan supaya pembekal membekalkan komputer ahli-ahli yang berkenaan. Sekiranya gagal berbuat demikian, KWSP akan mengarahkan pembekal mengembalikan amaun pengeluaran ahli kepada KWSP untuk dikreditkan semula ke dalam amaun ahli.

Sementara itu, bagi aduan mengenai perkhidmatan pembekal yang tidak memuaskan, KWSP meminta ahli merujuk aduan mereka kepada Tribunal Tuntutan Pengguna Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna. Satu daripada kes tersebut telah pun dirujuk dan dibicarakan di Tribunal berkenaan yang mana tribunal telah mengarahkan pembekal mengembalikan amaun pengeluaran ahli kepada KWSP untuk dikreditkan semula ke dalam akaun ahli.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli Yang Berhormat bagi Batu Gajah.

**Puan Fong Po Kuan:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih terhadap jawapan Yang Berhormat. Jawapan Yang Berhormat nampaknya hanya memaklumkan separuh kebenaran sahaja, bukan gambaran yang sepenuhnya. Keadaan yang sebenarnya ialah terlalu ramai pembekal komputer yang telah menghantar komputer tetapi tidak menerima bayaran, Tuan Yang di-Pertua. Jadi apakah tindakan yang akan diambil oleh pihak kerajaan sebab kempen ini dilancarkan oleh pihak kerajaan sebab ada pembekal komputer (ODA SAJA) yang dihutang dan tidak dibayar sudah melebihi RM900,000. Ini salah satu contoh yang saya beri. Jadi apakah tindakan akan diambil? Sama ada kerajaan akan memberi jaminan agar ODA SAJA tidak 'gulung tikar'? Apakah kerajaan akan menjamin akan membayar kepada mereka? Pohon jawapan dari Yang Berhormat.

**Dato' Chan Kong Choy:** Tuan Yang di-Pertua, apa yang saya laporkan kepada Dewan yang mulia ini adalah berdasarkan kepada aduan yang telah diterima oleh orang ramai atau mereka yang berkenaan kepada KWSP. Apa yang tidak diterima oleh pihak KWSP, saya tidak dapat melaporkan kepada Dewan yang mulia ini. Kalau sekiranya Yang Berhormat ada apa-apa fakta, bolehlah membuat aduan kepada saya atau kepada KWSP ataupun boleh berjumpa saya selepas ini supaya pihak saya dan juga kementerian dan juga KWSP dapat mengambil tindakan yang sewajarnya supaya dapat menyelesaikan kes-kes yang telah pun dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat. Saya memberikan jaminan kepada Dewan yang mulia ini bahawa kepentingan semua pencarum yang telah meminta mengeluarkan amaun untuk membeli komputer dapat dijamin oleh pihak KWSP dan juga pihak kerajaan. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli Yang Berhormat bagi Kluang.

**Tuan Hoo Seong Chang:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. KWSP memutuskan untuk membatalkan skim pembelian komputer adalah kerana masalah pembekal dan juga agensi yang mengendalikan atau mengeluarkan pinjaman tersebut. Pertamanya, selepas mengkaji masalah-masalah yang timbul, adakah kerajaan atau kementerian akan mempertimbangkan lagi sama ada ia akan membuka semula skim ini?

Saya percaya kalau melalui KWSP sendiri, kalau tidak melalui agensi-agensi dan juga pembekal-pembekal, cadangan saya, misalnya kalau KWSP sendiri membekalkan komputer tersebut kepada pencarum-pencarum KWSP, mungkin dapat kita mengelakkan daripada penyelewengan yang berlaku melalui agensi dan pembekal. Jadi saya percaya skim untuk pembelian komputer itu amat penting. Saya rasa pihak kerajaan harus menimbang semula atas keputusan yang telah dibuat supaya memberi peluang kepada pencarum yang ingin membeli komputer tersebut. Sekian, terima kasih.

**Dato' Chan Kong Choy:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Ahli Yang Berhormat bagi Kluang, setakat ini pihak kerajaan belum ada cadangan sekali lagi untuk menganjurkan program pembelian komputer melalui KWSP, oleh kerana penyelewengan bukan sahaja melibatkan pembekal dan juga agensi sahaja, ianya juga melibatkan beribu-ribu pencarum yang telah berpakat dengan pihak pembekal komputer dalam perkara ini. Memang susah bagi kita mengawal kalau sekiranya ia melibatkan beribu-ribu pencarum, maka kita tidak ada cadangan untuk memulakan sekali lagi. Walau bagaimanapun, cadangan Yang Berhormat ini kita akan memberikan perhatian. Sekian, terima kasih.

**[Soalan No. 9 – Y.B. Tuan Haji Husam bin Haji Musa [Kubang Kerian] tidak hadir]**

10. **Tuan Tan Kok Wai [Cheras]** minta Menteri Kerja Raya menyatakan hasil siasatan kepada punca-punca bekalan air minuman yang didapati tidak bersih yang telah menimbulkan rungutan pengguna.

**Menteri Kerja Raya [Dato' Seri S. Samy Vellu]:** Tuan Yang di-Pertua, kerajaan sememangnya sedar dan mengambil maklum mengenai terdapatnya banyak aduan dari orang ramai khususnya di Lembah Klang mengenai kualiti bekalan air yang mereka terima pada tempoh kebelakangan ini. Antara aduan yang lazimnya diterima oleh Pihak Berkuasa Air Negeri ialah air paip yang keluar dari warna kekuning-kuningan, merah, berkelodak atau kadang kala berbau masam.

**Beberapa Ahli:** Ya.

**Dato' Seri S. Samy Vellu:** Untuk makluman Dewan yang mulia ini, kualiti air mungkin menurun sedikit apabila ia melalui proses agihan sebelum sampai kepada pengguna lazimnya. Aduan para pengguna mengenai kualiti air berpunca daripada beberapa faktor, antaranya:

- (i) sistem paip agihan air yang telah usang dan berkarat;
- (ii) paip pecah; dan
- (iii) kerja-kerja baik pulih sistem bekalan air sedang dijalankan.

Kualiti air kebiasaannya akan kembali pulih selepas 24 jam kerja-kerja baik pulih dijalankan. Walau bagaimanapun, jika kualiti air yang diterima oleh pengguna menurun bagi satu tempoh masa yang berpanjangan yang mungkin disebabkan oleh paip jenis *galvanized iron*, dengan izin, yang dipasang di bangunan atau rumah kediaman telah mulai berkarat dan ia perlu digantikan dengan paip daripada jenis yang lebih tahan. Ingin saya menjelaskan bahawa kualiti bekalan air di negara ini dipantau oleh Kementerian Kesihatan Malaysia dengan berasaskan kepada Garis Panduan Kebangsaan mengenai kualiti air minuman yang telah diwujudkan sejak tahun 1983 lagi. Di negara ini kualiti bekalan air di rawat yang dihasilkan oleh loji-loji rawatan air adalah mematuhi tahap piawaian sebagaimana yang ditetapkan oleh garis panduan tersebut.

Sampel-sampel air mentah dan air yang telah dirawat akan diambil oleh Jabatan Kesihatan dan dianalisa oleh Jabatan Kimia bagi memastikan ia bebas dari sebarang kandungan bahan-bahan toksik. Pada masa kini kajian dan analisis kualiti air yang diperiksa itu dilaksanakan secara berkala. Walau bagaimanapun, jumlah kekerapan pemeriksaan akan ditingkatkan sekiranya terdapat potensi berlaku pencemaran sumber air jika sumber air didapati tercemar dan melepasi piawaian yang ditetapkan. Pihak Berkuasa Air akan dimaklumkan segera dan langkah-langkah pencegahan akan diambil dengan serta merta.

Tuan Yang di-Pertua, pada masa kini terdapat sepanjang 81,908 kilometer paip agihan air di seluruh negara di mana 49,837 kilometer atau 61% dari jumlah tersebut terdiri dari paip jenis simen asbestos manakala 1,455 kilometer lagi dari jenis besi tuang (*cast iron*). Paip-paip air dari jenis tersebut kebanyakannya telah melampaui tempoh had guna pakai dan mudah bocor serta berkarat.

Tuan Yang di-Pertua, program untuk menggantikan paip air lama di seluruh negara melibatkan kos yang sangat tinggi. Walaupun begitu, ia bukanlah alasan kerajaan untuk tidak melaksanakan program menggantikan paip-paip air lama di seluruh negara. Sehubungan itu, pada Rancangan Malaysia Kelapan (RMK-8) ini, kerajaan telah memperuntukkan hampir RM300 juta secara keseluruhan bagi meneruskan kesinambungan program paip-paip air lama yang dilaksanakan pada setiap Rancangan Malaysia Lima Tahun.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, Ahli Yang Berhormat bagi Cheras.

**Tuan Tan Kok Wai:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Pada beberapa bulan dahulu Menteri Perdagangan Dalam Negeri telah menunjukkan keprihatinannya dengan mengkritik Kementerian Kerja Raya atas masalah kekotoran air minuman. Tetapi Menteri yang sama juga iaitu Menteri Perdagangan Dalam Negeri, juga menunjukkan ketidakbertanggungjawabannya sebab ekoran kenyataannya, kami tidak nampak apa jua tindakan lanjut. Kemungkinan saya adalah silap. Soalan saya kepada Yang Berhormat Menteri ialah, apakah benar tidak ada sebarang perbincangan di antara dua orang Menteri mengenai masalah ini bagi mengatasi perkara ini? Dan jika ada, apakah muafakat yang telah dicapai di antara kedua-dua kementerian?

**Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Soalan!

**Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan:** Apa soalnya?

**Puan Fong Po Kuan:** Soalan!

**Tuan Tan Kok Wai:** Soalan tidak timbullah! [*Dewan riuh*]. Mengenai pemasangan semula atau pertukaran paip baru, saya ingin Yang Berhormat Menteri memberitahu - sebab air ini adalah di bawah jagaan Kerajaan Negeri - maka siapa yang mengeluarkan belanja, sama ada Kerajaan Persekutuan atau Kerajaan Negeri? Jika Kerajaan Negeri memberi *excuses* tidak ada wang, macam mana masalah ini dapat diatasi? Terima kasih.

**Dato' Seri S. Samy Vellu:** Tuan Yang di-Pertua, saya tidak tahu apa jawapan daripada Menteri yang mana [*Dewan riuh*]. Jikalau sesiapa yang kurang faham berkenaan kementerian saya, saya boleh bagi penjelasan. Saya tidak suka mengadakan apa-apa peperangan dengan mana-mana Menteri [*Dewan riuh*] [*Ketawa*] oleh kerana semua menteri bertanggungjawab bersama dalam apa-apa masalah kerajaan. Jadi saya percaya itu bukan penting, saya percaya yang penting hari ini ialah berkenaan dengan air. Berkenaan dengan air, perkara ini sudah ditimbulkan kepada Jemaah Menteri. Jemaah Menteri telah meluluskan RM500,000 pinjaman kepada negeri Selangor untuk memperbaiki keadaan paip. Tetapi negeri Selangor telah meminta pinjaman itu ditukar sebagai geran kepada mereka. Ini satu soalan yang belum diselesaikan lagi.

Selain daripada itu setiap negeri menghadapi masalah seperti ini, tetapi untuk mengganti paip baru mengambil perbelanjaan yang tinggi. Banyak di antara kerajaan-kerajaan negeri pada masa kini boleh membersihkan air dan boleh juga membekal, tetapi banyak air telah dibekal iaitu *revenue* atau hasil tidak sampai kepada apa yang dijangkakan oleh kerana beberapa perkara berlaku, di sesetengah tempat orang curi dan macam-macamlah. Kehilangan air di beberapa buah negeri sudah menjadi satu masalah besar sekarang.

Jadi, oleh kerana itu, saya telah meminta Kerajaan Negeri Selangor, untuk menjawab surat saya, surat saya iaitu saya minta jikalau mereka berhasrat untuk memperbaiki keadaan paip-paip yang sedia ada, Kerajaan Pusat boleh juga membantu mereka dengan memberi pinjaman, tetapi bukannya *grant*. Jadi, apabila kerajaan negeri bersetuju, saya percaya kerja-kerja memperbaiki dan juga menukar paip baru boleh dilakukan.

**Tuan Chang See Ten:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan: Bolehkah Yang Berhormat Dato' Menteri menerangkan sama ada kos rawatan air mentah meningkat, dan jika meningkat apa sebabnya? Apa langkah-langkah yang akan diambil oleh kementerian untuk menangani masalah ini dan adakah sistem pemantauan (*monitoring system*) untuk memantau paip-paip bocor kerana nampaknya bila paip bocor lambat dibaiki dan ini telah menyebabkan pembaziran air bersih? Ini adalah satu perkara yang mana saya harap pihak Kementerian Kerja Raya dapat mengambil tindakan yang lebih berkesan dan sama ada oleh kerana tiada perancangan awal menyebabkan banyak paip air yang sudah usang tidak ditukar menyebabkan banyak paip senang bocor. Sekan, terima kasih.

**Dato' Seri S. Samy Vellu:** Tuan Yang di-Pertua, walaupun air menjadi sebahagian tugas kementerian saya, tetapi sebenarnya air semua hak kerajaan-kerajaan negeri, mendapat air, membersihkan air, membekal air, mendapat hasil dan lain-lain.

Mereka tidak bertanggungjawab kepada Kerajaan Pusat. Kerajaan Pusat tidak boleh mengadakan apa-apa cadangan untuk mengambil alih bekalan air. Oleh kerana banyak di antara kerajaan-kerajaan negeri masih lagi memberitahu kepada kita, itulah satu hasil yang mereka dapat. Sepatutnya mereka bukan dapat hasil, mereka hilang sahaja, setiap negeri pun hilang sahaja dalam bekalan air.

Jadi, apa Yang Berhormat minta tadi, saya tidak mempunyai cop yang penuh oleh kerana kami tidak mempunyai kuasa. Mengapa saya jawab? Walaupun saya tidak mempunyai kuasa, mengapa saya jawab dalam Parlimen? Oleh kerana air menjadi sebahagian daripada tugas kementerian saya. Jawapan-jawapan untuk Ahli-ahli Yang Berhormat, saya minta bukti-bukti daripada negeri, saya jawab oleh kerana kami bertanggungjawab kepada Parlimen untuk menjawab apa-apa soalan berkenaan dengan air. Selepas itu, kami tidak mempunyai kuasa untuk mengarah kerajaan negeri hah, buat ini, buat ini, buat itu. Tidak. Terima kasih. *[Ketawa]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, masa untuk pertanyaan sudah selesai.

*[Masa untuk Soalan Jawab Lisan telah tamat]*

### **RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT**

#### **RANG UNDANG-UNDANG PENERBANGAN AWAM (PINDAAN) 2003**

##### **Bacaan Kali Yang Pertama**

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Penerbangan Awam 1999; di bawa ke dalam Mesyuarat oleh Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan [Dato' Donald Lim Siang Chai]; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

### **RANG UNDANG-UNDANG**

#### **RANG UNDANG-UNDANG KANUN TANAH NEGARA (PENGESAHAN) 2003**

##### **Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, "bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan bagi kali yang kedua sekarang". *[27 Mac 2003]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, saya memohon Ahli Yang Berhormat bagi Arau menyambung semula ucapan.

**11.05 pagi.**

**Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin [Arau]:** Tuan Yang di-Pertua, Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Ucapan saya tidak panjang lagi, Tuan Yang di-Pertua, saya rasa ada lagi lima minit, saya hampir menghabiskan ucapan saya pada hari Isnin yang lalu. Sebelum saya meneruskan ucapan saya, isu terakhir yang saya sebutkan pada hari Khamis lalu, iaitu perkara yang keempat mengenai pembangunan kampung baru. Sebelum saya masuk kepada isu yang kelima, saya ingin balik kepada isu pembangunan kampung baru.

Apabila saya bangkitkan isu ini, saya mendapat sokongan daripada ramai Ahli-ahli Yang Berhormat, mereka juga menyatakan pandangan mereka bahawa sepatutnya pembangunan kampung baru ini dapat kita lihat direalisasikan dan saya meminta kepada pihak kerajaan untuk membuat satu kajian yang serius dan juga mengadakan perundingan yang serius, untuk kita melihat pembangunan kampung baru ini.

Pandangan ini, saya lontarkan kerana kita faham bahawa Kuala Lumpur adalah merupakan bandar raya yang dihasratkan untuk menjadi pusat urus niaga kepada negara kita. Begitu juga Kuala Lumpur kita berharap akan menjadi sebuah bandar raya bestari yang akan dikendalikan dengan kemudahan-kemudahan multimedia. Di bawah Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancong, mereka sedang pesat menjalankan kempen untuk menjadikan Malaysia sebagai kawasan membeli belah di negara kita, dan ini juga memerlukan pembangunan Kuala Lumpur yang boleh menarik pelancong-pelancong untuk datang ke negara kita.

Saya melontarkan idea pembangunan kampung baru juga dalam kesedaran untuk melihat bagaimana tradisi orang-orang Melayu dapat kita bawa ke bandar, hari ini kita melihat jualan barang-barang keluaran orang-orang Melayu kita begitu juga dengan sajian, makanan yang merupakan tradisi orang-orang Melayu kita dan juga makanan-makanan yang ada, yang begitu enak daripada negeri-negeri dijual di pinggir-pinggir bandar, di jual di warung-warung, tidak ada satu tempat istimewa ataupun tempat yang boleh kita banggakan bagi masyarakat Melayu di Kuala Lumpur ini, yang dapat kita lihat dengan jelas.

Walaupun kita ada restoran Melayu, satu-satunya tempat yang menghidangkan makanan Melayu yang agak eksklusif, ada. Kita ada tetapi tempat itu tidak di satu tempat yang boleh kita perkenalkan, misalnya satu kawasan di kampung baru, jika kita bangunkan dapat kita pasarkan barang-barang keluaran daripada masyarakat bumiputera memudahkan pelancong-pelancong, apabila mereka datang hendak membeli barang-barang keluaran daripada bumiputera, menuju ke kampung baru dan di sana mungkin mereka dapat membeli barang-barang yang berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, dalam saya memperkatakan kampung baru, saya juga ingin menarik perhatian Dewan ini supaya kita juga tidak lupa bahawa tempat-tempat yang lain juga patut kita bangunkan, seperti Kampung Keramat, Kampung Pandan dan juga kawasan-kawasan lain yang di bawah pengawasan Dewan Bandaraya. Dalam memperkatakan pembangunan kampung baru, saya juga tidak mahu dilihat sebagai *racial* ataupun kita cuma memperjuangkan masyarakat Melayu. Dalam ucapan saya minggu lalu, saya juga menyebutkan pihak kerajaan supaya identiti yang telah sedia ada, misalnya jualan daripada barang-barang keluaran masyarakat kaum Cina di Petaling Street, di mana mereka yang ingin membeli barang-barang murah, barang-barang daripada masyarakat Cina, nampak sebagai gambaran di situ menunjukkan kita mempunyai masyarakat kaum Cina yang maju dalam perniagaan. Jadi Petaling Street dapat juga kita majukan.

Kalau boleh biarlah kebersihan-kebersihan tempat ini dapat kita beri perhatian, begitu juga dengan kaum India di belakang Masjid India kita dapati banyak keluaran barang-barang yang boleh diperlihatkan kepada pelancong-pelancong bahawa negara kita mempunyai masyarakat yang berbilang kaum. Perhiasan-perhiasan bagi kawasan-kawasan tersebut, di Petaling Street misalnya, saya memang suka melihat, Tuan Yang di-Pertua, *lantern* ataupun tanglong yang memang cantik kalau diletakkan begitu banyak di bandar kita, tetapi mungkin masyarakat kaum Cina boleh memikirkan bagaimana tanglong ataupun *lantern* itu dapat dilihat daripada perspektif masyarakat Malaysia, dari segi *design*nya mungkin dapat diubahsuai supaya ia tidak sahaja kelihatan seolah-olah tanglong yang ada di negara China dengan negara kita nampaknya sama, mungkin ada idea, ada pandangan yang boleh diperlihatkan bahawa ini adalah bandar masyarakat Cina yang ada di Kuala Lumpur, yang melambangkan masyarakat berbilang kaum.

Tuan Yang di-Pertua, isu yang akhir, yang ingin saya sebutkan di sini adalah mengenai tanah yang berkaitan dengan struktur dan *structure* tanah yang melibatkan pembangunan bangunan yang besar. Sebagaimana saya sebutkan dalam ucapan saya minggu lalu, saya merasa kesal apabila insiden Highland Towers yang berlaku di Hulu Klang, yang membunuh penduduk-penduduk Highland Towers begitu ramai, belum lagi kita lupa kepada insiden yang berkenaan, tiba-tiba sebuah banglo milik .....

**Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed:** Kejadian itu berlaku di Selangor.

**Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin:** Ya, ia berdekatan dengan kawasan Kuala Lumpur, sebab struktur tanah ini. Tuan Yang di-Pertua, walaupun di Selangor, tetapi *structure* dan struktur tanah sebenarnya di Selangor dan Wilayah Persekutuan tidak banyak bezanya, oleh kerana *materiahnya* dalam *range* ataupun dalam kedudukan yang sama mempunyai parameter yang sama.

Jadi, perkara ini berlaku di negara kita. Di Kuala Lumpur, walaupun ini berlaku di Selangor, di Kuala Lumpur juga kita melihat pembinaan bangunan-bangunan yang tinggi, mencakar langit, malahan kita mempunyai bangunan yang tertinggi di Malaysia, yang boleh kita banggakan. Tetapi setiap masyarakat ataupun rakyat kita, apabila berlaku insiden yang saya sebutkan tadi, mempunyai kebimbangan bagaimana kajian geologi di negara kita ini adakah sampai ke tahap yang boleh menampung pembangunan kebelakangan ini yang begitu banyak dan tidakkah berlakunya insiden begini memperlihatkan kepada kita bahawa kelemahan kita dalam membuat kajian mengenai struktur, *structure* tanah dan juga nasihat-nasihat daripada mereka yang berkepakaran untuk menentukan supaya pembangunan yang dibina itu selamat.

Saya juga ingin mendapat makluman daripada pihak kerajaan apakah pihak kerajaan mempunyai pakar-pakar *geology* yang mencukupi dan juga adakah pihak kerajaan juga mempunyai maklumat-maklumat *geology* yang mencukupi untuk kita menentukan supaya peristiwa ini tidak berulang di negara kita? Dan hari ini kita juga melihat, bukan sahaja pembangunan, struktur dibina di atas tanah tetapi sebagai sebuah bandar raya yang bertaraf dunia, kita juga mempunyai keinginan dan telah pun ada pembinaan-pembinaan yang dibuat di dalam tanah itu sendiri. Ini memerlukan kajian yang mendalam dan juga memerlukan penyelarasan di antara agensi-agensi kerajaan untuk menentukan supaya peristiwa yang buruk ini tidak berulang.

Tuan Yang di-Pertua, itu sahaja pandangan yang ingin saya sampaikan dalam Dewan yang mulia ini, dan saya amat menyokong Akta Kanun Tanah Negara 2003 yang dibentangkan. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Jeli.

**11.13 pagi.**

**Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad [Jeli]:** Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan Selamat Sejahtera. Ada pun tujuan rang undang-undang ini dibentangkan pada hari ini adalah untuk menyatakan bahawa Jawatankuasa Kerja Tanah Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur telah melaksanakan tindakan-tindakan berdasarkan kepada Kanun Tanah Negara walaupun sepatutnya pihak kerajaan boleh membawa rang undang-undang ini untuk dibaca bagi kali ketiga tahun 2002.

[Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Muhamad bin Abdullah) **mempengerusikan Mesyuarat**]

Tuan Yang di-Pertua, yang sebenarnya banyak masalah bila bersangkutan tentang hal tanah di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, banyak masalah-masalah yang dibangkitkan terutama sekali yang melibatkan hak milik strata, yakni bangunan bertingkat, kerana daripada rungutan yang dikeluarkan di dalam akhbar-akhbar, banyak sekali rungutan yang disuarakan, yang dibuat keluhan oleh persatuan-persatuan pemaju perumahan dan juga oleh pengguna-pengguna, sama ada melalui CAP - walaupun CAP di Penang, tetapi ia dianggotai oleh seluruh rakyat Malaysia - dan juga FOMCA itu sendiri. Kita dapati di Kuala Lumpur ini lebih banyak hak milik strata yang belum dibereskan atau yang belum diselesaikan daripada yang telah dibereskan, yang diselesaikan.

Malah alhamdulillah baru-baru ini Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi mengaku bahawa punca-punca mereka tidak dapat menyelesaikan masalah ini ialah kerana kekurangan pakar dan juga kekurangan kakitangan. Alhamdulillah satu pengakuan yang jujur oleh Yang Berhormat Menteri dan Yang Berhormat Timbalan Menteri yang kebetulan Yang Berhormat Timbalan Menteri merupakan salah seorang Ahli Parlimen bagi Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Ada pun yang menjadi masalah dan pertanyaan yang saya ingin kemukakan kepada menteri berkenaan yang boleh dikatakan sebagai Menteri Besar

Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan juga Menteri Besar bagi Wilayah-wilayah Persekutuan yang ada di tanah air kita sama ada Wilayah Persekutuan Putrajaya dan juga Wilayah Persekutuan Labuan. Kita boleh anggap menteri yang ada di Dewan hari ini sebagai Menteri Besar bagi Wilayah Persekutuan tersebut.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Tidak rasmi Yang Berhormat ya.

**Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad:** Boleh anggap.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Mmm..

**Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad:** Jadi, sekarang ini yang ada sedikit berbeza antara Wilayah Persekutuan dengan negeri-negeri lain ialah segala kelulusan tentang sebarang permohonan hendaklah melalui jawatankuasa kerja tanah yang dinamakan Jawatankuasa Kerja Tanah Wilayah Persekutuan. Saya difahamkan apakah benar ataupun tidak, saya minta pihak menteri memberi penjelasan bahawa Jawatankuasa Kerja Tanah Wilayah Persekutuan Labuan ini tidak dapat mengadakan mesyuarat sebulan sekali kerana syaratnya mesti kesemua anggota itu boleh hadir. Kalau mana-mana satu orang tidak boleh hadir maka dengan sendirinya Jawatankuasa Kerja Tanah Wilayah Persekutuan tidak dapat bermesyuarat. Kalau ini benar maka patutlah lebih banyak masalah yang tidak dapat diselesaikan daripada masalah yang diselesaikan. Ada pun Tuan Yang di-Pertua, seksyen-seksyen yang terlibat adalah seksyen-seksyen 42, yang mana seksyen 42 berbunyi,

“Pihak berkuasa negeri mempunyai kuasa;

- (i) memberi milik tanah kerajaan;
- (ii) merizabkan tanah kerajaan atau memberi pajakan untuk tanah rizab;
- (iii) mengeluarkan permit menduduki yakni TOL tanah ini (tanah kerajaan), tanah rizab dan juga tanah lombong;
- (iv) memberi permit mengeluarkan ataupun mengalihkan bahan-bahan kecuali daripada rizab hutan; dan
- (v) memberi permit penggunaan ruang udara setakat bangunan didirikan “

la juga melibatkan soal umpamanya Seksyen 92B dan 92C yakni hak-hak mengenai tanah bawah tanah (TBT) pada ketika pemberi milikan dan 92C pihak berkuasa negeri boleh memberi milikan *stratum* ataupun juga dipanggil bongkah TBT (tanah bawah tanah) di bawah mana-mana tanah kerajaan.

Kalau kita lihat bahawa banyak kali berlaku umpamanya Antah Tower. Antah Tower merupakan salah satu antara bangunan kondominium yang paling ulung dan di antara yang terawal kondominium mewah yang dibina sekitar Jalan Duta di *roundabout* Jalan Duta di mana telah dibina satu jalan melintasi ke Menara Antah ini. Oleh kerana Pejabat Tanah Wilayah Persekutuan kekurangan kakitangan atau sering kali bertukar kakitangan, ini menyebabkan tempoh yang dipohon untuk mendapatkan hak milik kekal bagi tanah berlanjutan. Kita tidak cerita lagi strata kerana strata tidak boleh diteruskan selagi mana tanah belum lagi dikeluarkan hak milik kekal.

Yang mendukacitakan, sudahlah tuan punya tanah bermohon berpuluh-puluh tahun kerana ini merupakan antara bangunan kondominium mewah yang paling lama memohon berpuluh-puluh tahun untuk mendapatkan hak milik kekal di bawah tiba-tiba kerana jalan memecah bangunan tersebut menyebabkan berlaku timbul dua geran. Bila timbul dua geran menyebabkan satu tanah itu adalah lebih kurang setengah ekar yang satu tanah lagi lebih daripada dua ekar.

Yang mendukacitakan sudahlah tunggu berpuluh tahun tiba-tiba geran hak milik kekal yang diberi yang setengah ekar yang tidak ada bangunan yang sepatutnya diberi dua ekar yang ada bangunan. Tahun bila pula pemaju ini dapat menyelesaikan untuk memohon

hak milik strata. Sebab itulah kita mahu supaya pihak kementerian dan pihak kerajaan melihat menambahkan bilangan kakitangan yang berada di Pejabat Tanah Wilayah Persekutuan dan di samping itu memastikan bahawa lebih kerap mesyuarat jawatankuasa kerja tanah dapat dijalankan. Kalaulah jawatankuasa kerja tanah ini tidak dapat dijalankan secara kerap, maka rintihan dan keluhan lebih banyak akan kita dapati.

Pada masa yang sama sekiranya hak milik strata tidak dapat dikeluarkan maka yang menerima masalah ialah pembeli-pembeli itu sendiri. Pada masa yang sama juga pemaju-pemaju kecil-kecilan dan pemaju baru juga menghadapi masalah kerana setelah mereka bina, mereka jual, maka mereka sudah pasti mesti mengawasi bangunan-bangunan selepas daripada dibina. Sebab itulah di dalam Parlimen ini walaupun undang-undang ini telah dilaksanakan oleh Jawatankuasa Kerja Tanah tetapi kita pohon pihak menteri yang dahulu seorang usahawan, seorang jutawan sebelum jadi Menteri Kabinet, supaya memastikan bahawa jawatankuasa ini lebih kerap bermesyuarat dan janganlah mengenakan syarat yang begitu *rigid* kerana kena ingat setiap permohonan yang dipohon selepas daripada ini memberikan hasil kepada kerajaan.

Lagi cepat kelulusan diberi, lagi cepat kerajaan dapat pulangan dan hasil. Lagi lambat kerajaan buat keputusan maka lagi lambatlah hasil dan pulangan yang dapat kepada kerajaan. Tambahan pula sekarang ini kerajaan menghadapi masalah *liquidity problem* di mana kita dapati banyak kontraktor yang tidak mendapat bayaran mereka sehingga akhir-akhir ini, sehinggakan kerajaan terpaksa berhutang pada bulan April ini RM18 bilion mengeluarkan Malaysian Government Securities, RM18 bilion kerana *liquidity problem* kepada pihak kerajaan. Pada masa yang sama kerajaan juga akan mengeluarkan *sovereign bonds* di peringkat antarabangsa ....

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Masuk tajuk Yang Berhormat.

**Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad:** 2.2 bilion Amerika.....

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Yang Berhormat, cakap masuk tajuk Yang Berhormat. Sudah keluar jauh.

**Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad:** Saya ingin mengaitkan bahawa supaya pihak kerajaan walaupun memang Dewan ini akan redha dah Tuan Yang di-Pertua, Dewan ini akan lulus penggunaan Undang-undang Kanun Tanah Negara ini tetapi kita pohon di dalam Dewan ini supaya lebih kerap mengadakan mesyuarat dan janganlah mengenakan berbagai-bagai peraturan dan juga benda-benda yang *rigid* kepada pihak pemaju kerana yang penting kita hendak benda itu cepat selesai bagi semua pihak berpuas hati.

Tuan Yang di-Pertua, saya bimbang sekarang ini mungkin banyak dewan tidak sedar oleh kerana Ahli Parlimen Labuan pun ada, kebetulan juga Labuan Wilayah Persekutuan, sekarang ini Labuan selagi mana kerajaan tidak membuat keputusan maka jangan mimpilah Labuan akan ada hak milik strata. Kerajaan mesti pastikan di Dewan hari ini undang-undang tanah mana yang kerajaan hendak pakai. Hendak pakai ikut Kanun Tanah Negara ataupun hendak pakai Undang-undang Tanah Sabah. Pastikan secepat mungkin. Sudah berapa tahun Ahli Parlimen Labuan patut bangkit. Sudah berapa tahun Wilayah Persekutuan Labuan jadi Wilayah Persekutuan, sampai sekarang tidak boleh hendak selesaikan masalah tanah. Kanun Tanah Negara hendak diikuti ataupun Undang-undang Tanah Sabah hendak diikuti hingga menyebabkan kerajaan sendiri yang rugi. Kerana apa? Yang bina bangunan yang paling canggih di Labuan, Kompleks Kewangan Ujana hak milik Bank Negara, sampai sekarang tidak boleh hendak jual. Hendak jual macam mana? Masalah tanah pun tidak boleh hendak fikir, tidak boleh selesai lagi.

**Dato' Suhaili bin Abdul Rahman:** [Bangun]

**Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad:** Sila.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Sila ya.

**Dato' Suhaili bin Abdul Rahman:** Saya hendak minta penjelasan daripada sahabat saya berhubung dengan akta penggunaan tanah di Labuan. Saya hendak tahu daripada mana beliau membuat rujukan bahawa Labuan mempunyai masalah untuk

menggunakan mana akta sama ada akta di Semenanjung atau di Sabah. Pertama, berhubung dengan *financial park* yang dikatakan tadi tidak boleh dijual, tidak betul kerana saya juga membeli satu lot daripada bangunan tersebut. Jadi, saya hendak tahulah daripada mana Yang Berhormat dapat maklumat tentang masalah Labuan ini. Sebab itu saya tidak bawa kerana tidak ada masalah. Jadi, saya pun hairanlah macam mana Jeli pula boleh tahu masalah Labuan lebih hebat daripada saya. Terima kasih. [Tepuk]

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Yang Berhormat, sebelum menjawab saya hendak tanya menteri ya, adakah Jawatankuasa Kerja Tanah Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur ini termasuk Labuan dan sebagainya?

**Tengku Dato' Adnan bin Tengku Mansor:** Ini hanya untuk Kuala Lumpur yang sebenarnya. Saya pun .....

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Hah, akta ini untuk Kuala Lumpur sahaja.

**Tengku Dato' Adnan bin Tengku Mansor:** Untuk Kuala Lumpur sahaja.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya, Yang Berhormat, ambil perhatian Yang Berhormat. Usah terlalu menyerong terlalu jauh.

**Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad:** Kita beri *pre-emp*.....

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Kita ini Kuala Lumpur, Yang Berhormat ya.

**Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad:** .....*pre-emptive measure*. [Ketawa]

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Tidak kiralah itu Yang Berhormat.

**Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad:** *Pre-emptive measure* kerana yang dibeli oleh Yang Berhormat bagi Labuan itu merupakan tandatangan peguam.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Yang Berhormat, masuk tajuklah.

**Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad:** Ini sudah lama amalan di Kuala Lumpur sudah berzaman, amalan di Semenanjung sudah berzaman..

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Kalau tidak masuk tajuk Yang Berhormat sampai bila-bila tidak habis Yang Berhormat. Terus masuk tajuk Yang Berhormat.

**Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad:** Tetapi bukan hak milik strata yang diluluskan oleh Pengarah Ukur Wilayah Persekutuan Labuan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Yang Berhormat, masuk tajuklah. Biarlah kasi menteri itu.....

**Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad:** Jadi, minta jelas, minta tunjuk geran itu dekat saya. Kita hendak bagi tahu itu bukan geran yang ditandatangani oleh pengarah ukur. Pasti.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Yang Berhormat, masuk tajuk.

**Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad:** Strata itu. Okay, sekarang ini masalah Kuala Lumpur.

**Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan:** Sudah cukup masa.

**Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad:** Macam mana boleh cukup masa, baru dua puluh minit ini. Jadi, sekarang ini kita tengok umpamanya kalau masalah strata, Jawatankuasa Kerja Tanah Wilayah Persekutuan masih belum lagi banyak menyelesaikan masalah inikan pula hendak menyelesaikan satu lagi masalah teknikal yang cukup rumit yakni seperti mana Seksyen 92B dan Seksyen 92C yakni mengenai tanah bawah tanah

pada ketika pemberi milikan yakni *stratum* ataupun bongkah tanah bawah tanah. Ini lagi merumitkan. Ini timbul masalah kerana kita ingat benda ini benda baru. Benda ini benda baru timbul ekoran banyak pembangunan-pembangunan yang dibuat di bawah tanah umpamanya di bawah Dataran Merdeka, banyak LRT, STAR dan sebagainya yang stesennya berada di bawah tanah, menyebabkan perlu kerajaan mengenakan undang-undang yang bersangkutan dengan TBT (tanah bawah tanah).

Saya juga merayu pihak kementerian dan kerajaan supaya seawal lagi kita keluarkan akta tersendiri untuk kes tanah bawah tanah ini seperti mana yang berlaku kepada Akta Hak Milik Strata kerana sebelum ini Akta Hak Milik Strata merupakan sebahagian daripada Kanun Tanah Negara yang dinamakan hak milik subsidiari yakni bersangkutan dengan hak milik tanah itu sendiri. Tetapi oleh kerana masalah-masalah yang dihadapi, banyak pembangunan yang dibuat arkitek, jurutera dan perancangnya tidak begitu memahami tentang masalah tanah itu sendiri menyebabkan banyak kesulitan-kesulitan yang berlaku dari segi hendak mendapatkan hak milik strata. Banyak syarat untuk mendapatkan hak milik strata tidak dipenuhi menyebabkan permohonan tersebut berlarutan berpuluh-puluh tahun lamanya.

Sebab itulah kita mohon kerana kita lihat dulunya hak milik subsidiari oleh kerana banyak masalah yang berlaku maka pada 1985 telah diperkenalkan Akta Hak Milik Strata 1985 dan Akta Hak Milik Strata 1985 telah mengalami berbagai-bagai pindaan ekoran daripada keadaan pembangunan. Mungkin pada waktu itu ekonomi baik. Bila ekonomi baik dia mungkin bercadang, pemaju hendak membina sampai 4, 5, 6 sampai 7 blok tetapi oleh kerana ekonomi meleset mungkin mereka terpaksa menangguhkan pembinaan untuk blok-blok yang belum dibina hanya diteruskan pembinaan satu dua blok yang mampu dijual setakat itu.

Oleh kerana mengikut undang-undang lama tidak dimasukkan klausa untuk pembangunan akan datang maka unit strata yang telah dibeli gagal dan tidak mampu dikeluarkan kepada pembeli-pembeli yang telah membeli sekiranya kesemua bangunan tidak dinaikkan. Itu dulunya, tetapi alhamdulillah pindaan telah dibuat kepada Akta Hak Milik Strata untuk memasukkan supaya pembinaan boleh diplot anggaran bangunan pembangunan masa depan. Jadi, saya hendak menceritakan banyak pindaan yang telah berlaku kepada Akta Hakmilik Strata semenjak 1985, tambahan pula kita banyak belajar daripada pengalaman-pengalaman Singapura yang menjadi guru kepada kita bagi Akta Hakmilik Strata ini. Mana-mana pengalaman yang berlaku di Singapura, kita mengambil pengalaman tersebut.

Pada masa yang sama sekarang ini yang menjadi masalah baru, yang masih lagi mendapat banyak pertikaian dan pertikaman lidah di antara banyak pihak adalah mengenai *management corporation* kepada bangunan-bangunan bertingkat itu sendiri. Sebab itu, saya mencadangkan supaya pihak kementerian, jawatankuasa kerja tanah hendaklah sentiasa mengadakan dialog dan sebagainya dengan pihak Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi demi menyelaraskan lagi dan mempercepatkan lagi proses-proses permohonan ini kerana tujuan diperkenalkan dan dibawa rang undang-undang ini, tidak lain dan tidak bukan adalah untuk mengatasi masalah-masalah tanah yang berlaku dalam negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara yang pelik dan ajaib tetapi benar, umpamanya Kampung Baru sepertimana yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Arau, Kampung Baru ini unik sedikit dari segi pembangunannya kerana bukan setakat pihak berkuasa, Dewan Bandaraya yang kena menentukan pembinaan-pembinaan di kawasan Kampung Baru, bahkan dia mesti pergi kepada satu lagi stage, satu lagi peringkat yakni selain daripada diluluskan oleh pihak berkuasa Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, ianya juga hendaklah diluluskan oleh jawatankuasa/*committee* Kampung Baru itu sendiri. Ini yang susah kerana dia kena pergi dua *stage*.

Bila dia kena pergi ke Jawatankuasa Pembangunan Kampung Baru dan yang sedihnya, Jawatankuasa Pembangunan Kampung Baru ini, *officinya* hanya beroperasi sebelah petang sahaja. Ia tidak beroperasi sebelah pagi. Jadi, sebab itulah tidak pelik bagi kita kalau berlaku kelambatan atau kelewatan dari segi pembangunan Kampung Baru.

Saya hendak mencadangkan, pertama sekali kerajaan sekarang, untuk menyelesaikan masalah Kampung Baru yang mana sudah *strangulated* dari sudut pembangunan Kampung Baru, dari segi undang-undang tanah, memang kot-kot mana pun, kalau kerajaan tidak ambil balik tanah ini untuk pembangunan semula Kampung Baru, maka kita hanya bermimpi di siang hari untuk menyaksikan Kampung Baru diselesaikan masalah pemilikan tanah. Tidak mungkin berlaku.

Cara yang terbaik mungkin adalah – kerana sudah bertindan, cucu bina sini, sudah bertindan, sudah tidak ikut *spec*, sudah tidak boleh hendak ikut *spec*. Rumah-rumah sudah dibina sebegitu rapat, maka tidak boleh lagi hendak *apply* spesifikasi-spesifikasi perancangan pembangunan. Sebab itu, kemungkinan cara yang terbaik ialah kerajaan, pertama sekali menggunakan *low-flying area photograph*. Bila menggunakan kaedah *low-flying area photograph*, maka kita dapat kenal pasti teknologi-teknologi terkini, kita dapat kenal pasti sama ada setakat mana bangunan-bangunan yang masih boleh dikekalkan mengikut spesifikasi.

Kalau spesifikasi boleh *ditolerate*, kita minta supaya spesifikasi boleh *ditolerate* sedikit supaya yang mana boleh dimajukan mengikut spesifikasi, maka kita kekalkan tetapi yang mana sudah tidak boleh dimajukan mengikut spesifikasi, mungkin kerajaan boleh menggunakan kaedah *acquisition*, *acquire* dan pembangunan semula kerana kita perhatikan bahawa seperti Kampung Baru, bangunan-bangunan yang tinggi banyak yang tidak boleh dibina daripada ketinggian paras tertentu. Ini memang telah diputuskan oleh masyarakat Kampung Baru itu sendiri.

Sebab itu saya perhatikan bahawa bukanlah Kampung Baru tidak boleh dimajukan, boleh, tetapi biarlah ada kesungguhan di pihak kerajaan untuk memajukan Kampung Baru, '*man jadda wa jada*' (*barang siapa berusaha tentu dapat*). Maksudnya biar kerajaan ada kesungguhan, 'jiddiyah', kesungguhan untuk melihat Kampung Baru dimajukan seperti mana tempat-tempat di Damansara dan sebagainya dimajukan kerana tanah di Kampung Baru merupakan tanah *prime*, tanah yang utama. Ia sangat berhampiran dengan pusat bandar dan paling hampir dengan Menara Berkembar Kuala Lumpur itu sendiri.

Sebab itulah kita minta supaya pihak kementerian mengkaji sejauh mana kepentingan Jawatankuasa Pembangunan Kampung Baru ini, apakah masih relevan ataupun tidak relevan. Kalau masih relevan, pastikan ia beroperasi seperti mana pejabat-pejabat kerajaan yang lain, jangan waktu petang sahaja dan dianggotai oleh jawatankuasa-jawatankuasa *ad hoc*. Ini dapat melicinkan lagi pembangunan di Kampung Baru itu sendiri. Maka, dengan sendirinya, penggunaan pemakaian Akta Kanun Tanah Negara ini tidak memberi impak yang besar dengan hasrat kerajaan hendak mengguna pakai Akta Kanun Tanah Negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, pada masa yang sama juga di dalam akta ini mencangkup undang-undang yang telah dipakai oleh jawatankuasa kerja tanah di mana di negeri-negeri lain telah lama mengguna pakai seperti mana seksyen 124A yakni permohonan serentak pecah bahagi atau pecah sempadan dan tukar syarat. Kalau dulu mesti tukar syarat lulus, baru kita boleh buat pecah sempadan. Oleh kerana kita tengok, memakan masa, lambat. Maka, sekarang ini boleh serentak. Maksudnya tukar syarat bersama-sama dengan pecah sempadan. Ini satu tindakan yang baik, alhamdulillah. Mungkin daripada *feedback* pemaju perumahan, persatuan-persatuan juruukur, persatuan arkitek (PAM) dan sebagainya, menyebabkan Kanun Tanah Negara dipinda untuk membenarkan permohonan serentak dan permohonan serentak ini juga diguna pakai oleh Jawatankuasa Kerja Tanah Wilayah Persekutuan sekarang ini. Sebab itu, saya memohon, kalau boleh, pihak kerajaan beri tempoh. Jangan satu tempoh yang tidak ada penutupnya, akan dilaksanakan, akan diluluskan.

Kita minta pihak kementerian, tiap-tiap mana permohonan beri tempoh bila boleh diluluskan. Kalau tempoh ini diberikan, maka sudah pasti pemaju dan pemohon dapat *budget*, *plan* dia punya pembangunan. Ini berlaku di negeri Kedah, umpamanya, pada waktu ekonomi meleset pada awal 80-an di mana negeri Kedah merupakan negeri terawal pada ketika itu mengenakan *one-stop agency* dan kemudian diturut oleh negeri-negeri yang lain. Di negeri Kedah ini, *one-stop agency*nya, ia telah memperkenalkan *one-stop agency*

sehingga menyebabkan rumah murah dibina beribu-ribu di Sungai Petani dan sekarang ini Sungai Petani berkembang bermula daripada pembinaan rumah-rumah murah, beribu-ribu unit ini dan negeri Kedah merupakan negeri yang paling awal menggunakan kaedah *one-stop agency*, yakni di mana jawatankuasa itu bersidang dan ditentukan tempoh bagi tiap-tiap ahli menentukan, tiga bulankah, enam bulankah. Kalau enam bulan, enam bulan, tidak kisah, supaya tarikh itu diberi. Umpamanya pemaju, dia tahu. Okey, setahun.

Kalau tidak diberi tempoh, malanglah bagi negara kita yang sedang melalui proses pengkomputeran ini, tiba-tiba disekat, dihalang *obstac*lennya tentang pelaksanaan dari segi permohonan tersebut. Saya beri contoh, umpamanya di negeri Terengganu. Satu perkara yang tidak masuk akal oleh kebanyakan orang. Saya telah menasihatkan Yang Amat Berhormat Menteri Besar Terengganu....

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Masukkan Yang Berhormat tajuk ini?

**Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad:** Saya bagi contoh. Kita hendak suruh cepat. Sekarang ini tujuannya mempercepatkan, Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Tajuknya tentang Kuala Lumpur Yang Berhormat.

**Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad:** Dia hendak suruh cepat, jadi kita kena beritahu pengalaman orang lain. Pengalaman orang lain hendak mempercepatkan....

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Bagi contoh Kuala Lumpurlah, Yang Berhormat.

**Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad:** Sekarang ini, umpamanya....

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Jangan merayap ke tempat lain.

**Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad:** ....di negeri Terengganu, saya telah menasihatkan Yang Amat Berhormat Menteri Besar Terengganu, saya kata.....

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Dia tidak hendak dengar itu, Yang Berhormat.

**Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad:** ....kita boleh lulus 50 ribu lot.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Cukup Yang Berhormat.

**Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad:** Kita boleh lulus 50 ribu lot setahun dengan syarat ada kesungguhan daripada pihak kerajaan dan kesungguhan daripada pihak kakitangan kerajaan. Perkara ini satu perkara yang luar biasa di negeri-negeri lain di seluruh Malaysia. 50 ribu lot *target* hendak dikeluarkan hak milik dan kita berjaya kerana ada kesungguhan. Kita nasihat, dia ikut dan berjaya. Negeri Terengganu boleh jadi model bagaimana pengeluaran hak milik yang banyak dapat dikeluarkan sehinggakan Pengarah Tanah dan Galian negeri Terengganu sentiasa dijadikan contoh dalam mana-mana seminar yang diadakan oleh Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi.

Sebab itu, saya minta sekarang ini, oleh kerana kes tertunggak paling banyak di Kuala Lumpur, maka hendaklah pihak kementerian beri *time frame*. Jangan beri tidak ada *time frame*. Kalau tidak ada *time frame*, sampai bila? Kalau bagi *time frame*, maka senanglah orang hendak buat pinjaman, jangka bila pinjaman boleh bayar dan sebagainya. Tetapi kalau tidak ada *time frame*, bagaimana nasib yang akan menimpa peniaga-peniaga, pemaju-pemaju, tambahan pula sekarang ini, ekor dari keadaan ekonomi yang sukar diramalkan.

Sekarang ini kita lihat, waktu sentiasa menghambat peniaga-peniaga dan pemaju perumahan. Tambahan pula, selepas daripada ini, kita akan menghadapi satu lagi senario pusingan NPL bank yang akan lebih besar daripada pengalaman yang lepas-lepas kerana kalau dulu, cara kerajaan hendak menarik orang membeli rumah, umpamanya dia menggunakan *interest* yang cukup rendah pada tahun pertama. Kemudian naik sedikit

kepada 2.5% pada tahun kedua, tetapi tahun ketiga, normal balik seperti mana kadar-kadar yang sebelum itu.

Sebab itu kita perhatikan sekarang, bila sampai masuk tahun ketiga, mereka ini tidak mampu lagi membayar ansuran bulanan rumah tersebut. Ini akan menimbulkan masalah yang cukup besar kepada ekonomi negara selepas daripada itu dan menyebabkan bilangan yang terlibat dengan NPL lebih besar. Sebab itu *time* adalah penting, waktu adalah penting dari segi kelulusan permohonan-permohonan ini. Sebab itu kita kena ingat, Tuan Yang di-Pertua, tujuannya untuk mempercepatkan permohonan ini. Itu tidak ada lain.

Kemudian, Tuan Yang di-Pertua, pada masa yang sama, kita melihat bahawa dalam seksyen 204B, pihak berkuasa negeri boleh meluluskan serah balik mana-mana satu, dua atau banyak lot di bawah pemegangan pemilik yang sama untuk diberi milik semula mengikut permohonan pemilik sama tersebut. Maksudnya kalau dulu banyak lot, hendak jadikan satu lot, sama ada tiga atau empat lot. Ia macam cantuman. Jadi, saya perhatikan di antara beberapa masalah, sekarang ini sudah ada satu trend. Beberapa negeri sudah tidak hendak pakai lagi QT atau *qualified title*. Sudah banyak negeri. Negeri Sembilan sudah mula, beberapa negeri sudah mula kerana *qualified title* ini....

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Yang Berhormat pergi ke negeri ini apa pasal? Ini 54B, apa semua, Yang Berhormat. Ini Kuala Lumpur. Tolonglah ya. Kalau contoh satu, dua cukuplah.

**Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad:** Ini ada bersangkutan. Bukan kata apa, kita memberitahu supaya pengalaman ini ditiru oleh jawatankuasa kerja tanah. Itu sahaja. Pengalaman ini patut diambil kira oleh jawatankuasa kerja tanah kerana tambahan pula menteri ada. Kalau dia boleh ambil kebaikan-kebaikan dari negeri lain, dia *adopt*, Yang Berhormat bagi Wangsa Maju pun senang hati. Kalau tidak, semua orang pakat jumpa dia pasal masalah ini. Sekarang ini masalahnya Kuala Lumpur ini banyak tidak *adopt* kebaikan-kebaikan yang ada pada negeri-negeri lain. Kalau dia sudah *adopt*, tidak payah kita bentang undang-undang ini. Kalau dia sudah *adopt* bersama-sama negeri lain, tidak payah kita bentang hari ini. Tidak rugi masa kita semua. Tetapi dia *adopt* ini kerana hendak ikut negeri-negeri yang lain. Itu masalah sekarang ini.

Sebab itu sekarang ini, misal kata, contoh. Ada bangunan-bangunan lama di sekitar Kuala Lumpur, Kepong dan sebagainya, bangunan lama daripada rumah-rumah yang dulu mungkin jauh dari jalan besar, tiba-tiba dibina jalan besar. Bila dibina jalan besar, maka rumah yang dulu jauh dari jalan besar, sudah berhadapan dengan jalan besar. Bila berhadapan dengan jalan besar, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur kata mesti angkat permohonan supaya diluluskan untuk dibuat bangunan rumah kepada bangunan berniaga.

Tetapi satu kesilapan yang dilakukan oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur di bawah jawatankuasa kerja tanah di mana kelulusan ini diberi walaupun pihak pemaju tidak membuat bayaran kepada Lembaga Juruukur Tanah untuk mengeluarkan hak milik kekal. Kalau ini berterusan, Kuala Lumpur akan menghadapi masalah selepas daripada ini kerana orang lain semua sudah hendak pakai *final title*, tiba-tiba Kuala Lumpur yang sepatutnya menjadi model kepada negeri-negeri lain, masih hendak mengekalkan *qualified title*, hak milik sementara.

Ini minta pihak kementerian ambil perhatian kerana akan banyak berlaku masalah selepas daripada ini kerana *qualified title* memang tidak ada batasan. Memang tidak ada tanda sempadan. Kalau tidak ada tanda sempadan, bagaimana rujukan boleh dibuat selepas daripada itu? Ini banyak berlaku kerana kita kena ingat, yang masalah banyak timbul di Kuala Lumpur ini kerana hanya ada *plan*, di *plan* ada *layout* tersebut, tetapi di padang batu-batu sempadan banyak tidak ada. Sama ada tidak ditanam, hilang ataupun oleh kerana kesan daripada pembangunan dan sebagainya, banyak berlaku begitu.

Sebab itu, sekarang ini, sepatutnya Kuala Lumpur ikut trend Negeri Sembilan yang sudah tidak hendak pakai lagi *qualified title*, terus kepada hak milik kekal dan ini juga termaktub dalam beberapa undang-undang tanah negeri yang juga tidak lagi mahu menggunakan hak milik sementara. Sebab itu, saya minta kalau boleh, selepas daripada ini, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur *try to get rid of qualified titles*, teruskan dengan hak milik kekal supaya tuan pemilik tanah ini akan dapat membuat bayaran kepada Lembaga.

Maknanya bagi kementerian dan DBKL, selagi mana tuan pemohon ini tidak membuat bayaran kepada Lembaga Juruukur Tanah, maka jangan luluskan permohonan tersebut seperti mana yang diamalkan oleh negeri-negeri lain. Janganlah Kuala Lumpur tertinggal lagi kali ini. Kalau tertinggal lagi, maka kita akan bawa lagi rang undang-undang selepas daripada ini untuk Kuala Lumpur sahaja. Kita tidak mahu berlaku begitu. Ini benda yang serius. Kalau hak milik kekal itu contoh, hak milik sementara, tiba-tiba tuan tanah tengok pembangunan semua naik, bangunan bersebelahan sudah naik tinggi, bertingkat, lebih dari dua tingkat, dia pun hendak naik juga.

Bila dia hendak naik juga, maka dia menghadapi masalah kerana tanah yang dia duduki itu tanah hak milik sementara. Tanah hak milik sementara boleh dibina bangunan bertingkat tetapi tidak boleh dipohon hak milik strata. Sebab itu sekarang, pastikan selepas ini jangan ada lagi perkara itu terutama di Kepong yang melibatkan pembinaan-pembinaan di kawasan-kawasan perumahan yang lama-lama, zaman Tan Sri Lee Yan Lian, banyak taman-taman yang dibina sebelum dari 1980 dan kesan daripada 1980 ini kerana kes-kes dahulu, banyak bayaran upah ukur tidak dibayar melalui Lembaga Juruukur Tanah menyebabkan kita tidak dapati ada penanda-penanda di padang. Bila tidak ada penanda-penanda di padang, maka cukup sukar dan merumitkan kerana pelan-pelan yang ada di mana-mana jabatan hanyalah pelan berdasarkan kepada lukisan tetapi pelan yang tidak berdasarkan penandaan di padang, ini bezanya. Yang ditanda di padang akan menyangkan kerja-kerja seterusnya tetapi yang tidak ada penandaan di padang akan menyulitkan kerja-kerja yang seterusnya.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai Seksyen 433B yang juga bersangkutan, secara umumnya seksyen ini menyatakan bahawa bukan negara atau syarikat asing boleh *acquire*, dengan izin, ambil balik tanah dengan kelulusan Pihak Berkuasa Negeri. Saya ingin mendapatkan penjelasan daripada Dewan yang mulia, dari menteri yang terlibat pada pagi ini, kalau di negeri-negeri lain mungkin sudah *common* siapa itu Pihak Berkuasa Negeri umpamanya Exco Kerajaan Negeri, sebelum itu pergi kepada Jawatankuasa Teknikal jabatan-jabatan kerajaan negeri dan juga jabatan-jabatan teknikal Kerajaan Persekutuan bermesyuarat dan membuat laporan hantar kepada Pihak Berkuasa Negeri.

Pihak Berkuasa Negeri adalah ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan, itu *clear*. Tetapi di Kuala Lumpur ini kita minta Menteri tolong beritahu di Dewan ini siapa yang dikategorikan sebagai Pihak Berkuasa Negeri di bandaraya Kuala Lumpur. Kalau negeri kita sudah faham exconya, exco yang dipilih melalui pilihan raya dan juga tiga anggota kerajaan, Pegawai Kewangan Negeri, Setiausaha Kerajaan Negeri dan juga Penasihat Undang-undang Negeri, tetapi di Kuala Lumpur ini siapa Pihak Berkuasa Negeri yang dikategorikan sebagai pihak berkuasa negeri? Kita hendak Dewan jelaskan satu persatu bahawa inilah Pihak Berkuasa Negeri yang meluluskan mana-mana permohonan tanah, yang meluluskan apa di bawah TBT atau bongkah tanah dan juga meluluskan penggunaan ruang udara untuk tujuan hak milik strata.

Tuan Yang di-Pertua, saya bangkitkan hal ini bukan kerana apa, kerana pengalaman di Kerpan, Kedah di mana pernah berlaku penyalahgunaan kuasa di mana pihak kerajaan telah mengambil balik tanah bukan untuk dimajukan oleh kerajaan tetapi dimajukan oleh pihak swasta. Dalam kes ini dibina kolam-kolam udang di Kerpan. Tanah rakyat diambil tetapi apa jadi akhirnya? Projek ini tidak ke mana-mana. Kalau benar projek ini berjaya, alhamdulillah, dapat manfaat kepada rakyat, tetapi kita bimbang tanah diambil secara paksa, *like acquisition* diambil secara paksa bagi pihak swasta, tiba-tiba swasta tidak memajukan tanah ini seperti selayaknya.

Kalau ini berlaku seperti mana berlaku di Kerpan, Kedah, maka saya bimbang kalau kita tidak awasi dengan baik tambahan pula sekarang ini segala projek terutamanya di bandaraya ini, kerajaan lebih fokus kepada pembangunan melalui swasta. Jadi sebab itulah kita minta kalau boleh kerajaan pastikan bahawa syarat-syarat yang lebih ketat dari sudut ini kepada swasta sekiranya mereka tidak memajukan tanah ini. Apa implikasi dan apa faedah yang akan diperolehi oleh pemilik-pemilik tanah asal yang mana tanah mereka di *acquire* secara paksa, bukan untuk tujuan pembangunan bagi kepentingan awam, jalan, longkang, parit tetapi kepada pembangunan komersial swasta. Ini kita kena minta supaya

kerajaan mengenakan satu undang-undang untuk *protect*, dengan izin, untuk melindungi tuan-tuan tanah asal di mana tanah mereka telah diambil balik.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang ini kita lihat banyak bangunan lama antara yang popular, saya boleh katakan popular, masih belum selesai sehingga sekarang dan kerajaan tolong ambil perhatian. Di antaranya Pertama Kompleks sehingga hari ini tidak selesai kerana *basementnya* ada sedikit masuk ke *rizab* jalan kerajaan, *basementnya*. Maknanya *the whole construction is not wholly in the lot*, ada sedikit terkeluar. Oleh kerana terkeluar itu menyebabkan Kompleks Pertama ini dibina kalau tidak silap saya 1975, sekarang sudah 2003, 28 tahun masih belum lagi dapat dikeluarkan hak milik strata. Sebabnya sedikit sahaja, yakni *basementnya* masuk sedikit tanah kerajaan. Jadi kalau macam itu Kompleks Pertama sudah 28 tahun, inilah realiti, hakikat sebenar yang berlaku.

Sebab itu saya minta kalau boleh pihak kementerian membuat kajian lebih mendalam supaya Kuala Lumpur ini apa-apa benda pun dijadikan model kerana orang hendak bandingkan dengan Singapura, dia tidak akan ambil Alor Setar, dia tidak akan ambil Ipoh. Jika dia hendak bandingkan dengan Singapura, dia akan ambil Kuala Lumpur. Jadi kalau Kuala Lumpur itu banyak masalah tidak selesai, maka bagaimana kita hendak *compare city-to-city* berhampiran dengan Kuala Lumpur ini.

Sebab itu saya minta Kuala Lumpur cepat-cepat mengatasi hal ini kerana patut Kuala Lumpur menjadi pelopor kepada hal ini, kepada negeri-negeri lain. Jangan-jangan Penang nanti lebih *advance*, dengan izin, daripada Kuala Lumpur. Kalau Bandaraya Pulau Pinang lebih *advance*, maka saya fikir sepatutnya kena pergi berguru dengan Pulau Pinang. Tetapi realiti yang berlaku hari ini seolah-olah Pulau Pinang lebih *advance* dari Kuala Lumpur dari segi masalah-masalah tanah ini.

Satu perkara yang saya hendak ingatkan di Dewan ini, oleh kerana Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur sudah ada pengarah ukurnya, Wilayah Persekutuan Labuan sudah ada pengarah ukurnya, tetapi masalah baru akan timbul, Wilayah Persekutuan Putrajaya belum ada lagi pengarah ukurnya yang menyebabkan segala pelan-pelan yang hendak dibuat oleh sama ada pihak juruukur kerajaan ataupun juruukur tanah berlesen, siapa yang hendak tandatangani kerana Pengarah Ukur Selangor sudah tidak mahu bertanggungjawab lagi atas mana-mana pelan yang diukur di Wilayah Persekutuan Putrajaya. Jadi bertindaklah cepat, jangan sudah terhantuk baru hendak mengaduh.

**Tuan Abd. Rahman bin Yusof:** [Bangun]

**Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad:** Jadi kita bertindak sekarang, pastikan sudah ada Pengarah Ukur untuk Wilayah Persekutuan Putrajaya untuk menyelamatkan pembangunan yang sekarang ini pesat berlaku di Wilayah Persekutuan Putrajaya kerana kita tengok banyak pembangunan oleh empat syarikat gergasi yang menjalankan pembangunan tersebut. Tetapi yang peliknya kenapa pejabat-pejabat kedutaan tidak berhasrat untuk berpindah di Wilayah Persekutuan Putrajaya.

**Tuan Abd. Rahman bin Yusof:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Jeli. Saya hendak minta penjelasan. Patutkah Wilayah Persekutuan ini belajar dari negeri Terengganu kerana dapat menyelesaikan pembahagian tanah sampai 50 ribu lot untuk dalam jangka masa setahun berbanding dengan negeri-negeri lain tidak boleh dapat diselesaikan masalah-masalah tanah di tempat-tempat mereka. Minta penjelasan.

**Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad:** Di mana ada kemahuan, di situ ada jalan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya.

**Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad:** Sebab itu oleh kerana Yang Amat Berhormat Menteri Besar Terengganu ada kemahuan, maka kita beri jalan. Dapatlah jalan itu sampai ke destinasi dia. Tetapi kalau ikut kemahuan dan kesungguhan itu tidak begitu tinggi, maka kita lihat benda itu tidak sampai ke mana.

**Dato' Zulhasnan bin Rafique:** [Bangun]

**Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad:** Persoalannya kita kena tanya kenapa Singapura boleh buat, kenapa Kuala Lumpur tidak boleh buat? Itu soalnya. *Why? Kenapa?* Jadi kita kena tanya persoalan itu. Silakan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya, Wangsa Maju.

**Dato' Zulhasnan bin Rafique:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Jeli. Yang 10 ribu lot yang diluluskan dalam masa satu tahun ini, adakah ini termasuk 50.8 ekar yang diluluskan kepada ADUN yang sekarang menjadi Pengerusi Majlis Perbandaran Kuala Terengganu?

**Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad:** Terima kasih atas soalan yang cukup menarik. Yang sebenarnya, kerajaan sekarang ini menggalakkan mana-mana syarikat atau individu negara yang terlibat dalam sektor pertanian kerana kerajaan sudah pening fikir, tidak berjaya. Yang kerajaan buat semua tidak berjaya, sehingga pening menterinya. Apa jadi kepada BERNAS, tidak berjaya.

Tiba-tiba ada hamba Allah ini, dari zaman pemerintahan Barisan Nasional lagi dia mohon tanah, dia tanam seratus ekar lebih limau madu, sudah masuk dalam TV beberapa kali sebelum jadi ADUN. Tiba-tiba bila dia jadi ADUN hendak timbulkan krisis sedangkan masa dia tanam seratus lebih ekar limau madu, dia boleh berjaya, masuk dalam TV banyak kali. Dr. Sulaiman Abdullah, seorang doktor perubatan, tiba-tiba dia mohon tanah, orang lain yang tidak tanam limau madu lulus. Yang dia ini sudah tanam limau madu lebih daripada seratus ekar tidak lulus kerana dia orang PAS. Oleh kerana dia orang PAS, tidak lulus. Sebab itu baru-baru ini kerajaan negeri meluluskan balik untuk dia. Sebab itu Yang Amat Berhormat Menteri Besar Terengganu cabar BPR, tolong siasat, tolong beritahu kepada rakyat Malaysia, salah atau tidak salah. Kenapa dahulu dia seorang tidak lulus? Jadi sebab itu kita minta BPR tolong siasat kes ini, tolong dedahkan kepada rakyat. Kalau salah, saya pun suka diambil tindakan supaya menjadi kegerunan bagi orang lain.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Masuk tajuk Yang Berhormat.

**Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad:** *[Ketawa]* Kemudian, umpamanya di Putrajaya. Yang dok bina Putrajaya ini empat syarikat gergasi melibatkan berpuluh-puluh ribu lot, ini tidak termasuk pelbagai precinct. Kita sebut precinct yang sudah dibina di kawasan itu. Kalau yang ini masalah pengarah ukur untuk Wilayah Persekutuan Putrajaya tidak dilantik lagi, bagaimana akan berlaku? Pelan-pelan dihantar lepas ini mungkin beribu-ribu pelan dihantar, tiba-tiba tidak ada orang yang hendak tandatangani menyebabkan selepas ini akan menghadapi masalah. Tambahan pula di Wilayah Persekutuan Putrajaya untuk jabatan-jabatan yang lain, saya difahamkan sudah ada cuma untuk ukur belum lagi ditempatkan pengarah yang sesuai.

Saya minta pihak kementerian mengambil tindakan yang segera tentang hal ini supaya Wilayah Persekutuan Putrajaya yang merupakan bandar idola Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, tidak menerima nasib yang sama seperti Wilayah Persekutuan yang lain. Cuma satu benda yang kita hendak Dewan ini berfikir balik. Saya ada terbaca satu artikel yang ditulis oleh Prof. Dr. Salleh Buang, seorang yang pakar dalam bab-bab tanah juga. Dia mengatakan bahawa, dia buat kajian dan *repercussions*, kesan dia cukup besar kepada masalah negara. Dia kata bila mana satu wilayah persekutuan baru dibina, dibentang, diluluskan oleh Dewan, sepatutnya Wilayah Persekutuan yang asalnya diberi balik kepada hak milik yang asal.

Ini saya minta buat satu kajian. Saya pun bukan *lawyer*, bukan peguam tetapi saya tertarik dengan artikel yang ditulis oleh Prof. Dr. Salleh Buang, maknanya kalau benar apa yang ditulis mengikut kefahaman beliau bahawa tidak boleh ada lebih daripada satu wilayah persekutuan, tidak boleh kerana negara-negara seluruh dunia ada satu sahaja. Umpamanya di Brazil, dia ada Brasilia, untuk bandar pentadbiran. Di Australia ada Canberra untuk bandar pentadbiran, di Nigeria, saya lupa nama dia, maknanya dia ada satu. Dia tidak boleh ada lebih daripada satu Wilayah Persekutuan. Kalau dia ada satu lagi, yang asal dia kena beri baik.

Kalau ini benar apa yang ditulis oleh Prof. Datuk Salleh Buang, maka bayangkanlah implikasi undang-undang yang akan dihadapi oleh Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan juga Wilayah Persekutuan Labuan. Saya fikir cukuplah dahulu setakat itu untuk pandangan bagi sama-sama kita kongsi bersama. Wallahualam, Wabillahi Taufik Walhidayah, Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Waalaikumussalam. Wangsa Maju.

**11.59 pagi.**

**Dato' Zulhasnan bin Rafique [Wangsa Maju]:** Terima kasih. Bismillahir Rahmanir Rahim, Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan salam sejahtera. Saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Tuan Yang di-Pertua atas peluang untuk saya turut serta dalam perbincangan dalam Rang Undang-undang Kanun Tanah Negara (Pengesahan) 2003. Satu pindaan akta yang secara khususnya menjurus kepada pengurusan hal ehwal tanah di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Kita ucapkan syabas dan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri kerana membentangkan rang undang-undang ini dan akan menyeragamkan pelaksanaan dan aktiviti oleh Jawatankuasa Kerja Tanah Wilayah Persekutuan di bawah kuasa-kuasa Kanun Tanah Negara.

Justeru itu, izinkanlah saya untuk mengupaskan dua isu yang spesifik dan contoh-contohnya pun di Wilayah Persekutuan, saya tidak sampai ke Terengganu, Negeri Sembilan, Kedah atau Labuan mahupun Putrajaya. Pada pandangan saya, untuk meningkatkan lagi keberkesanan pentadbiran dan pengurusan tanah di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

Isu pertama yang ingin saya bahaskan di sini ialah isu berkenaan dengan *Temporary Occupational Licenses* atau TOL – bukannya tol di lebuh raya - tanah-tanah rizab atau milik kerajaan. Fenomena TOL ini begitu ketara sekali, khususnya di Kuala Lumpur kerana masalah kekurangan ruang tanah yang dapat digunakan untuk pembinaan kediaman dan sebagainya. Jadi tidak hairanlah jika masalah setinggian dan pencerobohan tanah kosong untuk membina kediaman ini seperti sudah menjadi satu lumrah kehidupan metropolis ini.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Lim Si Cheng) **mempengerusikan Mesyuarat**]

Konsep TOL ini diperkenalkan untuk menyeragamkan pembinaan rumah kediaman seraya mengelakkan dari pencerobohan tanah yang berterusan dan untuk memberi sedikit pendapat kepada kerajaan menerusi pengeluaran lesen TOL tersebut. Masalah yang ingin saya bangkitkan dalam Dewan yang mulia ini ialah masalah runding cara dan premium berbeza yang dikenakan kepada pemegang-pemegang pajakan, atau dengan izin, *leasehold*, di dalam satu kawasan yang sama sewaktu mereka memperbaharui pajakan mereka.

Untuk makluman, pembaharuan tempoh pajakan Kuala Lumpur dikehendaki dilakukan selewat-lewatnya tiga tahun sebelum tamat tempoh pajakan yang digazetkan kerajaan, satu masa yang agak awal. Saya beri contoh, di Wangsa Maju, Yang Berhormat bagi Jeli melawat pada minggu lepas, ada beberapa kawasan tanah yang dipajak. Salah satu daripadanya ialah Kampung Ayer Panas, Setapak. Penduduk di kawasan ini mendakwa bahawa proses runding cara permohonan mereka untuk memperbaharui pajakan bagi tanah yang diduduki memakan masa yang agak lama. Apabila keputusan diberi, premium yang dikenakan adalah pada kadar semasa, atau dengan izin, *at the current rate*, dan bukannya mengikut tarikh permohonan dibuat. Saya juga telah difahamkan bahawa terdapat perbezaan di dalam premium pajakan yang dikenakan kepada seorang pemohon berbanding pemohon yang lain, iaitu RM31 berbanding RM21 semeter persegi, walaupun permohonan mereka dibuat pada waktu sama menerusi persatuan penduduk di kawasan itu. Saya berpandangan ini adalah kerana tarikh kelulusan pembaharuan pajakan mereka adalah berlainan, maka premium yang dikenakan juga adalah berbeza.

Syukur Alhamdulillah, dan di sini saya ingin merakamkan penghargaan kepada kerajaan, masalah ini telah dapat diselesaikan, dan semua premium bagi pajakan kawasan ini telah diselaraskan kepada RM21 se meter persegi. Masalah yang sama juga timbul di kalangan pemegang lesen menduduki tanah atau dengan izin, TOL di kawasan ini. Sekali lagi, berkat keprihatinan kerajaan terhadap rintihan rakyat kota, isu ini telah dapat diselesaikan dan premium yang dikenakan juga telah diselaraskan.

Dalam pada itu saya minta pandangan Dewan yang mulia ini dalam satu permasalahan yang membabitkan pemegang pajakan dan TOL. Untuk makluman, premium yang dikenakan kepada pemegang *lease* adalah RM21 se meter persegi manakala premium yang dikenakan kepada pemegang TOL adalah RM121.00 se meter persegi. Saya ingin mendapatkan sedikit penjelasan, apakah terdapat perbezaan ketara di dalam caj premium yang dikenakan kepada pemegang pajakan dan juga TOL, sedangkan terma-terma dan syarat-syarat dalam perjanjian, kedua-dua ini adalah sama. Apakah kriteria yang digunakan oleh kerajaan untuk menentukan seseorang penduduk di sesuatu kawasan tanah kerajaan itu diberi pajakan atau TOL, dan mengapakah terma-terma dan syarat-syarat penduduk bagi kedua-duanya adalah sama sedangkan pemegang pajakan berada dalam suatu keadaan yang jauh lebih selamat, dengan izin, *secured*, berbanding pemegang TOL?

Saya mencadangkan sebagai suatu langkah bagi mengelakkan daripada berulangnya masalah premium yang berbeza seperti mana yang dibangkitkan tadi, agar kerajaan dapatlah menimbangkan untuk menggunakan satu tarikh tetap untuk kadar premium yang dikenakan kepada pajakan atau TOL yang dikeluarkan di satu-satu tempat. Begitu juga saya minta pandangan kerajaan sama ada kerajaan bercadang untuk menimbangkan semula semua jenis pegangan tanah ini diseragamkan untuk memudahkan proses pentadbiran dan pengurusan tanah di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

Tuan Yang di-Pertua, isu yang kedua yang berkisar kepada pentadbiran dan pengurusan tanah di Wilayah Persekutuan dalam masalah yang sering kali dihadapi pemaju dan kontraktor apabila berlaku kelewatan di dalam penukaran hak milik tanah. Pengalaman kami di Wangsa Maju telah mendapati bahawa kelewatan penukaran hak milik ini membabitkan dua agensi kerajaan. Sebagai contohnya, pada hari ini JAWI dan PTG, iaitu Pejabat Tanah dan Galian Wilayah Persekutuan, telah menyebabkan satu projek masyarakat tergendala 12 tahun, dan tidak dapat dimulakan, yang telah membawa kepada kemarahan rakyat tempatan dan digunakan sebagai isu politik kepada kerajaan.

Di Taman Melati, Wangsa Maju terdapat satu tanah kosong yang dimiliki oleh Pejabat Tanah dan Galian untuk pembinaan masjid. Setelah mengadakan beberapa perbincangan dan runding cara, JAWI telah bersetuju, setelah mendapat peruntukan, mengambil alih tanah ini, memajukan projek pembangunan masjid ini. Pihak JAWI juga telah bersetuju untuk membenarkan DBKL membangunkan masjid ini untuk tujuan murni ini. Walau bagaimana pun, proses penukaran hak milik tanah ini daripada PTG kepada JAWI berjalan agak perlahan, iaitu memakan masa hampir dua tahun untuk diselesaikan oleh sebab premium tidak dibayar oleh pemaju yang mempunyai masalah kewangan kepada DBKL, dan DBKL terpaksa membayar premium terlebih dahulu kepada PTG sebelum tender pembangunan dapat dikeluarkan.

Dalam tempoh tersebut, kontraktor yang dilantik oleh DBKL tidak dapat memulakan projek kerana ditegah oleh Undang-undang Tanah, yang tidak membenarkan mereka melakukan apa-apa pun acara aktiviti di atas tanah tersebut sehingga proses penukaran hak milik selesai dan premium tanah ini dibayar oleh pemilik baru. Bagi saya isu bila mana Jabatan Tanah dan Galian Wilayah Persekutuan merasa khuatir sekiranya premium tidak dibayar oleh pemilik baru, tidak perlulah timbul kerana proses pertukaran hak milik ini melibatkan dua agensi kerajaan, iaitu PTG dan JAWI. Jadi sudah pasti tidak akan berlaku sebarang kesulitan dan ada jaminan bahawa premium tanah itu tidak akan dibayar.

Tuan Yang di-Pertua, adalah amat wajar sekiranya pihak pemaju diberikan kebenaran lebih awal untuk memulakan projek kerana ianya akan memendekkan tempoh projek, mengelakkan kelewatan permulaan projek ini dijadikan satu bahan eksploitasi oleh pihak-pihak tertentu untuk menuding jari ke arah kerajaan. Memang tuduhan seumpama ini tidak berasas tetapi rakyat akan mempercayainya kerana pada mereka masjid yang

dijanjikan masih belum mula dibina. Saya bersetuju sekiranya kebenaran awal ini dihadkan hanya kepada projek-projek kerajaan dan agensi-agensinya sahaja kerana terdapat jaminan bahawa premium tanah akan dibayar oleh pemilik baru. Seterusnya ia akan membantu kerajaan dan agensinya mempercepatkan projek-projek mesra rakyat yang penting, dan menjamin kesejahteraan rakyat dapatlah dijaga dan mengelakkan sebarang peluang untuk isu-isu sensitif seperti pembangunan masjid, pusat aktiviti masyarakat, pusat penjaja setempat, dieksploitasikan pihak yang tidak bertanggungjawab. Dengan itu saya sokong Akta Kanun Tanah Negara (Pengesahan) 2003.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat bagi Bukit Bintang.

**12.08 tgh.**

**Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin mengambil bahagian di dalam perbahasan ini, dan mendapati agak aneh bahawa satu Rang Undang-undang untuk menghalalkan dan mengesahkan tindakan Jawatankuasa Kerja Tanah Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Jabatan Tanah dan Galian Wilayah Persekutuan, yang selama ini menyalahi undang-undang atau melanggar undang-undang kerana peruntukan-peruntukan yang disebutkan itu seperti seksyen 42, subseksyen 56(4), seksyen 68A, 75A, 75B, 75E, 75F, 75G, 92B, 92C, 92D, 92E, 92F, 92G, 124A, 129, 204B, 204E, 433B dan 433E Kanun Tanah Negara belum lagi dikuatkuasakan.

Ini bererti selama ini segala tindakan atau perbuatan Jawatankuasa Kerja Tanah Wilayah Persekutuan meluluskan apa-apa permohonan berkaitan peruntukan seksyen-seksyen yang saya sebutkan tadi sebagai tidak sah, dan sekarang Rang Undang-undang dibentangkan supaya Dewan yang mulia ini mengisytiharkan supaya tindakan Ahli-ahli Jawatankuasa Kerja Tanah adalah sah yang menurut undang-undang. Perbuatan Jawatankuasa Kerja Tanah meluluskan permohonan-permohonan tanah dan pindah milik dan sebagainya tanpa kuat kuasa undang-undang, adalah menyalahi undang-undang dan boleh dicabar di mahkamah keadilan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon supaya Dewan yang mulia ini dimaklumkan apa-apa tindakan dan perbuatan yang telah dilakukan oleh Jawatankuasa Kerja Tanah selama yang melibatkan seksyen-seksyen tersebut secara terperinci. Jika tidak, tidak ada makna Dewan yang mulia ini dipinta supaya mengesahkan satu kerja salah yang dilakukan oleh pegawai dan Jawatankuasa Kerja Tanah. Penjelasan ini penting kerana Dewan tidak akan tahu jika tidak diberi tahu, dan tidak akan mempertikaikan tindakan salah Jawatankuasa Kerja Tanah

Oleh itu saya sebagai wakil rakyat dalam Wilayah Persekutuan mewakili penduduk-penduduk Kuala Lumpur, ingin bertanya kemusykilan yang ada bahawa Jawatankuasa Kerja Tanah Wilayah Persekutuan yang dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Negara dan dianggotai antaranya oleh Datuk Bandar Kuala Lumpur, perlu bersikap telus di atas tindak-tanduk mereka membuat keputusan meluluskan permohonan tanah yang menjadikan liputan, menimbulkan konflik kepentingan dan sebagai.

Jika kita meneliti peruntukan-peruntukan seksyen yang dibentangkan itu supaya tidak bersabit seksyen-seksyen yang diminta supaya disahkan adalah berkaitan. Seksyen 42 berkaitan kuasa melupuskan, yang mana Jawatankuasa Kerja Tanah boleh meminda milik tanah, boleh memberi permit menduduki tanah. Seksyen 56 (4) mengenai kuasa mengecualikan tanah dari dikenakan bayaran hasil yang terdahulu. Seksyen 68A mengenai kuasa pentadbiran tanah mengeluarkan lesen menduduki sementara dengan menghendaki pemohon membayar deposit tanah. Seksyen 75A mengenai permit-permit tanah. Seksyen 92 memperuntukkan bahawa tidak boleh menyangkal hak milik yang telah diberikan kepada sesiapa dan sebagainya.

Ini semua berkaitan permohonan tanah dan hak milik, yang mana saya ingin bertanya apa-apa selama wujud Kuala Lumpur sebagai Wilayah Persekutuan maka segala tindakan Jawatankuasa Kerja Tanah tidak sah dalam melulus, memberi hak milik kepada sesiapa dalam Wilayah Persekutuan. Itu sebab saya rasa agak pelik dan aneh tindakan ini. Apakah Ahli-ahli Jawatankuasa Kerja Tanah Wilayah Persekutuan adalah merupakan pegawai kerajaan yang tidak layak atau berkemampuan?

Jika Menteri tidak mahu menyebut butiran terperinci, apakah sebab tindakan itu perlu disahkan oleh Dewan yang mulia ini, maka saya menyeru Dewan yang mulia ini menolak cadangan Rang Undang-undang ini. Saya ada satu soalan yang saya mahu tanya Yang Berhormat Menteri memberikan jawapan yang jelas, ikhlas dan jujur dalam Dewan yang mulia ini. Adakah tanah-tanah yang sekarang diambil yang dijadikan pejabat parti-parti Barisan Nasional dan pusat rekreasi dan komuniti, sebenarnya adalah kes-kes yang dirujuk kerana pusat komuniti, rekreasi dan pejabat itu terletak atas tanah kerajaan yang menimbulkan rasa kesangsian tentang hak milik sebenarnya? Mendirikan pejabat dan menggunakan peruntukan besar kerajaan adalah satu hal tetapi mendirikan bangunan tersebut di atas tanah kerajaan yang menimbulkan perasaan yang sangsi dan tanda tanya rakyat Kuala Lumpur, saya minta Yang Berhormat Menteri memberi jawapan yang jujur dan ikhlas dalam Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk membangkitkan masalah sebidang tanah yang dahulu dikenali sebagai kuarters kakitangan kerajaan, terletak di Jalan Imbi dan Jalan Tun Razak, yang luasnya 105 ekar, yang mana tanah tersebut telah diserahkan hak milik kepada Pesuruhjaya Tanah Persekutuan. Menurut cadangan, tanah tersebut dijadikan dataran perdana, meliputi pusat perniagaan. Apa yang ingin saya mohon di sini adalah sebahagian tapak tersebut iaitu kira-kira satu pertiga keluasan tanah itu, amat sesuai untuk didirikan projek perumahan rakyat, ialah PPR kerana saya mendapati dalam kawasan saya Parlimen Bukit Bintang, tidak ada satu tapak pun didirikan projek PPR seperti kawasan-kawasan lain.

Pelan Struktur Kuala Lumpur Tahun 1984 menyebut bahawa matlamat penduduk Kuala Lumpur pada tahun 2020 ialah 2.2 juta, tetapi kini hanya sekitar RM1.42 juta penduduk di Kuala Lumpur sahaja. Sebabnya ramai yang berhijrah keluar kerana dalam bandar tidak ada kediaman yang lebih selesa. Saya bimbang penghijrahan penduduk Kuala Lumpur ke kawasan luar Kuala Lumpur akan berterusan, dan pada akhirnya pusat bandar tidak lagi didiami orang kecuali orang datang untuk menjalankan kegiatan berniaga sahaja. Oleh itu saya ingin mencadangkan khususnya kepada Yang Berhormat Menteri bahawa sebahagian tanah di Jalan Imbi itu patut didirikan blok-blok rumah pangsa PPR dan kos sederhana supaya sebahagian penduduk dapat tinggal di situ dan boleh mengurangkan kesesakan lalu lintas dalam pusat bandar dan mereka boleh pergi bekerja dengan mudah.

Pada masa ini tanah tersebut disewakan kepada syarikat persendirian, Ladang Impian Sdn.Bhd, yang mengusahakan pasaraya, mendirikan pasaraya di tengah pusat kota tetapi kelengkapan pasar itu ialah rakyat tidak tinggal di situ. Saya rasa pasaraya tidak akan mendapat sambutan. Oleh itu sebelum dibuat, perancangan lebih mendalam adalah perlu sebahagian tanah peruntukan bagi PPR Bukit Bintang.

Tuan Yang di-Pertua, agak malang kini tanah kosong dalam Wilayah Persekutuan semakin berkurangan. Menurut Buku Pelan Struktur Kuala Lumpur tahun 2020 ada menyebutkan bahawa dari 24,221.05 hektar tanah dalam Kuala Lumpur kini hanya adalah 5,740.61 hektar sebagai tanah belum dibangunkan dan tanah ini sebahagian besar adalah milik persendirian tetapi tanah milik kerajaan semakin berkurangan. Kesemuanya telah diagihkan kepada pemohon oleh Jawatankuasa Kerja Tanah. Sungguhpun demikian adalah penting juga bagi Wilayah Persekutuan membuka satu bank tanah (*the land bank*) dengan izin supaya mereka yang berminat boleh menyertai pembangunan tanah di Kuala Lumpur dan dapat mengelakkan amalan pengambilan tanah oleh kerajaan secara paksaan kerana penduduk Kuala Lumpur sebenarnya miskin tanah maka harus mempergunakan sebaik mungkin atas tanah yang ada.

Tuan Yang di-Pertua, dalam hal ini saya ingin membangkitkan kedudukan tanah perkuburan Cina di Jalan Lapangan Terbang Lama, Kuala Lumpur, seluas 439 ekar yang diwartakan dalam tahun 1950'an sebagai tanah perkuburan yang menempatkan beberapa perkuburan Cina termasuk tempat perkuburan lama dan bersejarah, yang mana Kapitan Yap Ah Loy tokoh pembukaan Kuala Lumpur, maka amat sesuai diteruskan, dikenalkan dan diwartakan sebagai kawasan warisan bersejarah. Saya berasa bimbang kerana dalam pelan struktur Kuala Lumpur dalam tahun 2020 Dewan Bandaraya Kuala Lumpur sudah menandakan tempat tersebut untuk pembangunan semula. Saya dan penduduk Kuala Lumpur membantah cadangan ini dan memohon supaya kawasan ini kekal sebagai

kawasan hijau dan tidak boleh disentuh oleh pembangunan semula sebaliknya kekal sebagai kawasan Warisan Kebangsaan Kuala Lumpur.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin membangkitkan di sini cadangan kerajaan untuk memindahkan setinggan-setinggan di Kampung Khadijah, di Brickfields yang menduduki tanah yang kini sudah menjadi milik Yayasan Wilayah Persekutuan. Keluarga Setinggan ini sudah menduduki tanah tersebut sejak berpuluh tahun. Langkah kerajaan untuk memindahkan mereka secepat mungkin dengan menempatkan mereka berpindah ke PPR Taman Wahyu, Selayang telah menimbulkan kebimbangan, kemarahan dari keluarga-keluarga setinggan terbabit. Ini disebabkan langkah terbaharu kerajaan tidak menepati keputusan mesyuarat bersama yang diputuskan oleh bekas Yang Berhormat Menteri, Senator Datuk Pandikar Amin terdahulu pada April 2001.

Keputusan yang dipersetujui dahulu ialah pemaju hendaklah memberi pampasan sebanyak RM5,000 bagi setiap keluarga setinggan atau menawarkan rumah kos rendah berharga RM42,000 kepada keluarga setinggan dengan bayaran 10% ditanggung oleh pemaju. Sebaliknya mereka ditawarkan berpindah ke PPR Taman Wahyu, Selayang iaitu satu tempat yang sangat jauh dari tempat tinggal sekarang. Ini melibatkan kesusahan kepada setinggan yang bekerja kerana terpaksa berulang alik dari tempat kerja dan rumah baru yang jaraknya sangat jauh iaitu lebih kurang 10 kilometer.

Bagaimanakah pula anak-anak mereka yang bersekolah, yang tidak bertukar ke sekolah terdekat, mereka terpaksa berulang alik dengan bas yang mana bukan sahaja jauh tetapi meletihkan dan memakan masa. Maka saya berharap Yang Berhormat Menteri boleh menimbangkan sebab ramai budak-budak sekolah yang sekolah berdekatan haruslah diambil kira, sebab mereka ingin mempersiapkan diri dengan peperiksaan UPSR, PMR, SPM dan STPM. Mereka sedang di dalam persiapan, jika berpindah ke tempat yang lain yang sangat jauh akan mengakibatkan mereka menghadapi masalah. Ini satu perkara yang saya harapkan Yang Berhormat Menteri yang prihatin kepada mereka menimbangkan dan mengambil masa yang panjang yang teratur dan tersusun untuk memindahkan mereka. Mereka boleh dipindahkan tetapi berikanlah masa yang lebih panjang untuk menyusun mereka yang bersekolah dan juga bekerja.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga mengambil kesempatan ini meminta Yang Berhormat Menteri boleh menolong mereka sebab mereka hendak ditawarkan berpindah di PPR, rumah pangsa yang berhampiran dengan kawasan tempat tinggal sekarang seperti PPR Sri Pantai, Pantai Dalam atau PPR Sam Yoke di Sungai Besi.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, adakah ini semua berkaitan?

**Tuan Fong Kui Lun:** Ada kaitan sebab ini semua tanah penggunaan ambil alih oleh Yayasan Wilayah Persekutuan.

**Puan Teresa Kok Suh Sim:** Ini pakej di Kuala Lumpur, harus jawab.

**Tuan Fong Kui Lun:** Tuan Yang di-Pertua, begitu juga dengan setinggan Kampung Hainam. Semalam saya baharu pergi ke Kampung Hainam yang dikehendaki berpindah ke PPR Taman Wahyu juga. Seperti juga masalah yang sama dengan setinggan Kampung Khadijah. Penduduk-penduduk Kampung Hainam membantah untuk berpindah ke PPR Taman Wahyu kerana ini memberi kesan jauh daripada tempat kerja dan sekolah-sekolah anak mereka. Mereka lebih mudah jika berpindah ke Jalan Klang Lama atau Sri Pantai, atau Kampung Sam Yoke atau di Jalan Peel yang terletak berdekatan.

Tuan Yang di-Pertua, hal yang sama yang saya ingin menyebutkan di sini ialah cadangan DBKL Jabatan Pengairan dan Saliran dan kontraktor projek *storm* untuk meminta setinggan Kampung Pertama Jalan Chan Sow Lin, Kampung Indah ke PPR Taman Wahyu, Selayang yang terletak jauh dari tempat tinggal mereka sekarang tanpa ada pampasan kecuali terpaksa membayar sewa bulanan dan deposit rumah dengan DBKL. Dengan ini mendapat sedikit bantahan daripada setinggan-setinggan terbabit. Sedangkan di sekitar tempat tinggal, tempat kerja dan sekolah terdapat projek PPR yang berhampiran seperti PPR Putu Uru dan Kampung Sum York.

Langkah memindahkan mereka secara *blanket* ke tempat yang bukan pilihan mereka tanpa memberikan pertimbangan yang berasas kesesuaian dan keperluan adalah langkah yang tidak diestuai oleh setinggan-setinggan terbabit. Dalam beberapa pertemuan dengan mereka selama ini mereka membantah keras dipindahkan jauh dari tempat tinggal sekarang. Mereka menjadi mangsa kerana agensi terbabit mengambil kerja mudah. Sekian, terima kasih.

**Tuan Kerk Kim Hock:** [Bangun]

**Puan Teresa Kok Suh Sim:** [Bangun]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Beberapa Ahli-ahli Yang Berhormat daripada Wilayah Kuala Lumpur telah berucap. Yang Berhormat Kota Melaka ada beberapa perkara. Jadi, selepas Yang Berhormat bagi Seputeh Yang Berhormat boleh berucap dan menteri boleh menjawab. Seputeh, sila. Yang Berhormat selepas Seputeh.

**12.25 tgh.**

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Menteri, sebenarnya bila saya menerima rang undang-undang ini saya tidak berkeinginan untuk berucap kerana saya tidak tahu apa ini [Menunjukkan kertas bil] tetapi bila saya tahu Yang Berhormat Menteri sebagai Ketua Bahagian UMNO Seputeh yang membentangkan Rang undang-undang ini saya rasa lebih baik saya berucap untuk menunjukkan kepada beliau yang selalu menuduh saya tidak bekerja di kawasan Parlimen saya, untuk menunjukkan saya bekerja..

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat Seputeh, di sini Menteri di Jabatan Perdana Menteri bukan UMNO Seputeh.

**Puan Teresa Kok Suh Sim:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya hanya hendak menunjukkan bahawa beberapa isu yang berlaku di kawasan Parlimen ini diharap Yang Berhormat Menteri boleh campur tangan dan *rectify* isu-isu yang saya bangkitkan ini.

Tuan Yang di-Pertua, bila saya menerima rang undang-undang ini yang rang undang-undang ini hanya menyatakan begitu banyak fasal-fasal dalam Kanun Tanah Negara akan dipinda dan kesemua fasal yang berikut telah pun dilakukan oleh Pejabat Tanah Wilayah Persekutuan, sekarang hanya dibentangkan ke Dewan ini untuk diluluskan ataupun disahkan.

Saya rasa lebih baik sebenarnya rang undang-undang seperti ini begitu banyak fasal dan sekiranya tidak diuraikan dalam rang undang-undang yang sebenarnya, sekurang-kurangnya dalam bahagian *explanatory statement* ataupun huraian ini haruslah ditulis apakah fasal-fasal berkenaan dan apakah ianya berkaitan dengan perkara apa, baru kita boleh faham dengan tidak perlu merujuk kepada akta Ibu untuk memahami apakah fasal-fasal berkenaan. Saya berharap Yang Berhormat Menteri nanti bila menggulung sila nyatakan apakah fasal-fasal berkenaan tentang perkara apa?

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin membangkitkan isu tentang penipuan dalam permohonan *strata title* oleh pemaju. Yang mana satu helah baru bagi pemaju pangsapuri untuk mengaut lebih keuntungan dari pembeli rumah selepas *strata title* diambil ....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, adakah *strata title* ini di bawah tanggungjawab Menteri yang berkenaan? Bukan?

**Puan Teresa Kok Suh Sim:** Tanah, berkenaan dengan tanah, ini adalah semua *strata title* dikeluarkan oleh Pejabat Tanah Wilayah Persekutuan, atas tanah, hak milik tanah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, saya fikir bukan, kementerian lain.

**Puan Teresa Kok Suh Sim:** Saya rasa adalah kerana ianya berkaitan dengan Pejabat Tanah Wilayah Persekutuan dan berlaku di kawasan Parlimen Seputeh yang mana Ketua Bahagian Seputeh....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat pengeluaran hak milik *strata title* bukan dipertanggungjawabkan oleh Yang Berhormat, tapi kementerian yang lain. Kementerian Tanah dan Wilayah. Jadi, tujukan kepada menteri yang salah itu yang tidak berkaitan.

**Puan Teresa Kok Suh Sim:** Kerana ianya melibatkan Pejabat Tanah Wilayah Persekutuan. Jadi ini tidak panjang juga..

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Itu boleh bangkit di masa akan datang.

**Puan Teresa Kok Suh Sim:** Saya hanya hendak menarik perhatian Ketua Bahagian UMNO Seputeh. Saya hanya minta teruskan, satu keping sahaja. Itu sahaja..

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Bukan sekeping atau dua keping. Kalau ditujukan kepada UMNO Seputeh ia tidak dapat memberikan jawapan di sini.

**Tengku Dato' Adnan bin Tengku Mansor:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat Menteri, apa yang hendak minta?

**Tengku Dato' Adnan bin Tengku Mansor:** Masalah ahli Yang Berhormat bagi Seputeh ini, dia hendak menegakkan benang yang basah. Ini masalahnya, jadi bila saya hendak menjawab, dia hendak bertanya soal yang tidak relevan langsung terhadap apa yang telah saya bantah. Jadi saya pohon Dewan yang mulia ini untuk menegah beliau membentangkan apa yang beliau hendak menegakkan selain daripada apa yang kena mengena dengan saya dan apa yang telah saya bantah dan juga pindaan yang hendak saya lakukan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Betul, Yang Berhormat Menteri suka hendak mendengar apa yang berkaitan, dahulu dia duduk atas, sekarang bawah sedikit. Dekat. *[ketawa]* Memang hendak faham dan dengar.

**Puan Teresa Kok Suh Sim:** Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Jadi keluarkan perkara yang berkaitan dengan kementerian lebih-lebih lagi berkaitan dengan bil yang sedang kita bincangkan itu.

**Puan Teresa Kok Suh Sim:** Tuan Yang di-Pertua, sila lihat rang undang-undang ini, saya tidak tahu apa yang dia pinda itu. Jadi saya perlu berucap apa-apa yang berkenaan dengan pejabat tanah Wilayah Persekutuan. Ini tidak jelas pun malah huraian sini juga tidak jelas, tidak tahu apa yang dia pinda dan apa yang dia lakukan. Jadi sekiranya semua yang berucap ini kita semua bercakap apa-apa berkenaan dengan tanahlah.

**Tengku Dato' Adnan bin Tengku Mansor:** Tuan Yang di-Pertua, kalau Ahli Parlimen Seputeh hendak saya jelaskan, saya boleh jelaskan dan saya boleh tulis kepada beliau apa rang undang-undang yang disebutkan di dalam pembentangan saya. Buku ini pun ada, dia boleh buka, Yang Berhormat. Masalahnya dia hendak mengusik saya, Tuan Yang di-Pertua, membuang masa Dewan ini, Tuan Yang di-Pertua. *[Ketawa]* Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Tidak ada sebab dia hendak usik Yang Berhormat.

*[Dewan menjadi riuh seketika dengan sorakan ketawa]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Tidak mengapa, Yang Berhormat Seputeh. Apabila Menteri menjawab, Yang Berhormat boleh minta penjelasan. Nantilah boleh usik.

**Puan Teresa Kok Suh Sim:** Boleh usik Yang Berhormat Menteri nanti.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Baiklah kita boleh beri peluang Kota Melaka.

**Puan Teresa Kok Suh Sim:** Hah! Ada banyak-banyak, berkenaan dengan tanah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Tadi Yang Berhormat ada sekeping sekarang ada banyak keping, baik sila sambung.

**Puan Teresa Kok Suh Sim:** Sekeping sahaja.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Baik, baik, baik.

**Puan Teresa Kok Suh Sim:** Boleh saya teruskan apa yang saya bentangkan tadi? Boleh ya!

**Datuk Bung Moktar bin Radin:** Boleh, boleh!

**Puan Teresa Kok Suh Sim:** Boleh!

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, itu Tebrau, Kinabatangan bukan Speaker kepada sini. [*Dewan riuh dengan ketawa*]

**Puan Teresa Kok Suh Sim:** Saya hanya minta ....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang berkaitan sahaja, teruskan boleh. Yang berkaitan dengannya boleh ya!

**Puan Teresa Kok Suh Sim:** Boleh ya, saya teruskan apa yang saya cakap tadi. Tadi saya bangkitkan bahawa helah baru bagi pemaju pangsapuri untuk mengaut lebih keuntungan daripada pembeli rumah selepas *strata title* diambil ialah mereka berpakat dengan juruukur kerajaan dengan memperluaskan saiz setiap unit dengan memasukkan tempat luar pintu ataupun koridor yang sepatutnya digelar sebagai *common property* itu dalam pelan semasa dihantar kepada pejabat tanah. Jadi *strata title* berkenaan pun mempunyai saiz yang dibina lebih luas daripada perjanjian jual beli ataupun S&P dan termasuk *common property* dalam setiap unit itu. Dengan itu pemaju pun terpaksa dan memaksa para pembeli untuk membayar beberapa ribu lagi untuk saiz yang melebihi dalam *strata title* itu, kalau tidak mereka pun tidak akan diberi *strata title*.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat, ini memang nanti ini semua tidak dapat jawapan.

**Puan Teresa Kok Suh Sim:** Tidak dapat jawapan tidak apa, sekurang-kurangnya direkod dalam Dewan yang mulia ini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Ini bukan masa untuk buat rekod.

**Tengku Dato' Adnan bin Tengku Mansor:** Tuan Yang di-Pertua, ini jelas melihatkan dia membuang waktu Dewan, dia hendak rekod dalam rekod itu dan dia akan ambil rekod itu dan dia fotostat dan dia sebarkan di bahagian Seputeh kerana dia tidak pernah ada dalam bahagian Seputeh sebenarnya. Puak-puak pembangkang ini semua lakukan itu, Tuan Yang di-Pertua, jadi jangan biarkan dia menghabiskan masa Yang Berhormat.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Baiklah, baiklah.

**Tengku Dato' Adnan bin Tengku Mansor:** Betul?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Memang benar Yang Berhormat, apa yang dibangkitkan tidak berkaitan dengan bil dan tidak berkaitan dengan menteri yang hadir pada hari ini. Saya ingin cadangkan masa akan datang ada berkaitan dengan Kementerian tanah dan wilayah masalah ini memang boleh Yang Berhormat kemukakan dan apabila Yang Berhormat Menteri jawab kalau tidak faham boleh minta penjelasan. Fahamkah Yang Berhormat? [*Bertanya kepada Yang Berhormat Seputeh*]

**Puan Teresa Kok Suh Sim:** Okey, faha. Boleh saya teruskan, Tuan Yang di-Pertua? Kalau saya Tidak sebut tentang *strata title* kerana Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi berada di sini lebih baik saya sebut tentang perkara yang melibatkan tanah, boleh? Kerana ini adalah kanun tanah negara, apa-apa yang berkenaan tanah saya sebut.

Tuan Yang di-Pertua, saya telah pun membangkitkan isu pampasan kepada para penduduk setinggan yang terpaksa berpindah dari tebing sungai Kelang demi membuka jalan kepada pembinaan projek *KL Linear City*, sejak saya menjadi Ahli Parlimen. Selepas itu dalam satu perjumpaan di antara bekas Menteri Jabatan Perdana Menteri yang mengawasi DBKL iaitu Datuk Pandikar Amin dan bekas Datuk Bandar Kuala Lumpur bersama dengan wakil penduduk bahawa mereka dan satu wakil penduduk *KL Linear City* pada tahun lepas telah mencapai satu persetujuan bahawa para penduduk ini akan ditawarkan rumah kos menengah yang berharga RM42,000 dan dijual kepada mereka.

Perkara ini juga telah disiarkan di akhbar tempatan termasuk *New Straits Times* yang saya pegang ini. Walau bagaimanapun, pihak EPU kelihatan telah bertukar fikiran dan menawarkan rumah kos rendah PPRT yang disewa kepada mereka sahaja. Saya pernah tulis surat aduan kepada Datuk Bandar Kuala Lumpur pada 29 Oktober tahun lepas tetapi saya tidak mendapat apa-apa jawapan daripada beliau sehingga hari ini. Saya juga diberitahu oleh pegawai kanan DBKL bahawa mereka tidak boleh buat apa-apa kerana ini adalah keputusan EPU.

Tuan Yang di-Pertua, apabila kita melalui rumah pangsa DBKL dekat dengan plaza tol Serdang, kita akan nampak sepanduk besar yang tergantung di rumah pangsa itu yang Tertulis 'Barisan Nasional Janji Dikotai'. Saya percaya sepanduk ini digantung oleh DBKL dan kerajaan sendiri. Dan apakah keputusan Jabatan Perdana Menteri dan EPU terhadap penduduk setinggan KL Linear City yang bertukar-tukar ini melambangkan janji yang dikotai oleh kerajaan BN...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat, Yang Berhormat ini ucapan pun ucapan dasar bukan untuk akta yang kita bangkitkan pada pagi ini...

**Puan Teresa Kok Suh Sim:** Kerana berkenaan tanah....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** ... dan Yang Berhormat Menteri berhak tidak memberi jawapan.

**Puan Teresa Kok Suh Sim:** Saya hanya membangkitkan isu berkenaan dengan tanah kerana ini adalah apa yang dijanjikan oleh Jabatan Perdana Menteri...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat boleh cuba baca balik peraturan mesyuarat.

**Puan Teresa Kok Suh Sim:** Peraturan mesyuarat bukan buku itu.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Peraturan mesyuarat 36, Yang Berhormat mengatakan apa kita bangkit perlu berkaitan dengan akta yang kita bincangkan.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Sudahlah Seputeh!

**Puan Teresa Kok Suh Sim:** Tuan Yang di-Pertua, saya berterima kasih kerana mendengar ucapan saya secara berhati-hati kerana tadi saya dengar ucapan daripada Bukit Bintang, dari Wangsa Maju, dari Jeli semua ini berkenaan dengan perkara luar daripada rang undang-undang ini tetapi mereka dibenarkan. Ini menunjukkan ucapan saya tadi itu jelas didengar oleh Tuan Yang di-Pertua dan juga Yang Berhormat Menteri. [*Yang Berhormat Kinabatangan ketawa*]

**Puan Teresa Kok Suh Sim:** Tuan Yang di-Pertua biar saya ke isu yang lain dan yang akhir sekali berkenaan dengan tanah juga. Tuan Yang di-Pertua, kerajaan BN telah mengumumkan bahawa ia akan menghapuskan semua setinggan yang menduduki tanah kerajaan pada tahun 2005. Walau bagaimanapun, di Kuala Lumpur, ibu pejabat bahagian UMNO di Seputeh, Bandar Tun Razak dan Cheras adalah didirikan di tanah kerajaan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat Menteri bangun, Menteri bangun.

**Tengku Dato' Adnan bin Tengku Mansor:** Tuan Yang di-Pertua, dia membazirkan waktu Dewan, balik-balik dia bangkitkan berkenaan dengan tanah UMNO dekat Seputeh dan sebagainya. Dia tidak ada isu, Tuan Yang di-Pertua...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Nanti tentang...

**Tengku Dato' Adnan bin Tengku Mansor:** Kalau boleh suruh dia berhenti, biar saya jawab, Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat Tanah Seputeh, siapa boleh jawab?

**Tengku Dato' Adnan bin Tengku Mansor:** Kalau Seputeh pun saya tidak mahu jawab kerana tidak ada kena-mengena dengan masalah ini, Tuan Yang di-Pertua. *[Ketawa]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Cukuplah, Yang Berhormat. Memang saya faham Yang Berhormat sudah menyediakan ucapan, memang bagus tetapi bukan tepat pada tempat dan masa.

**Puan Teresa Kok Suh Sim:** Saya tahu .....*[Bercakap tanpa pembesar suara]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Itu Yang Berhormat boleh tanya dia bila jawab.

**Puan Teresa Kok Suh Sim:** Nanti bila dia baru jawab dan ubahkan pindaan-pindaan ini sudah lewat, jadi saya bentangkan apa yang berkaitan dengan tanah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Semasa, semasa Yang Berhormat Menteri membentangkan rang undang-undang saya yakin Yang Berhormat ada di Dewan, betulkah? Mesti ada mengikuti apa yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri minggu lepas?

**Puan Teresa Kok Suh Sim:** Tidak adalah!

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat tidak adalah!

**Puan Teresa Kok Suh Sim:** Saya tidak tahu dan tidak dengar apa-apa pun.

**Tengku Dato' Adnan bin Tengku Mansor:** *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

**Puan Teresa Kok Suh Sim:** Jadi dia .....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Kalau Yang Berhormat tidak tahu, tidak semestinya Yang Berhormat Menteri tidak bentang dengan butiran-butiran itu.

**Puan Teresa Kok Suh Sim:** Tuan Yang di-Pertua, hanya bahagian situ saya akan habiskan!

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Saya hanya kesian sama awak! Nanti tidak ada orang yang menjawab Yang Berhormat. Apa yang dikeluarkan mungkin tidak ada jawapan.

**Puan Teresa Kok Suh Sim:** Tidak mengapalah semua pun macam ini! *[Sambil menuding ke arah Yang Berhormat-Yang Berhormat yang lain] [Dewan menjadi riuh seketika dengan ketawa]*

**Puan Teresa Kok Suh Sim:** Bagi saya dua minit sahaja!

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Ini semua macam itu bukan di hadapan saya, Yang Berhormat.

**Puan Teresa Kok Suh Sim:** Tuan Yang di-Pertua, tengok semua ahli Yang Berhormat UMNO ini mereka berminat apa yang berlaku di kawasan Kuala Lumpur di bawah bidang kuasa...*[Yang Berhormat dari Kinabatangan ketawa]*

**Datuk Haji Mohd Ali bin Haji Hassan:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, sekarang Tebrau bangun.

**Datuk Haji Mohd Ali bin Haji Hassan:** Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya jawab soalan dia boleh? *[Dewan menjadi riuh seketika dengan ketawa]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat ...

**Datuk Haji Mohd Ali bin Haji Hassan:** Hendak jawab soalan dia boleh?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat tunggu, tunggu sampai pilihan raya akan datang kalau ada peluang duduk di sini bolehlah jawab. *[Dewan menjadi riuh seketika dengan sorakan ketawa]*

**Puan Teresa Kok Suh Sim:** Tuan Yang di-Pertua, boleh saya teruskan lagi? Satu minit lagi saya akan habiskan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Baiklah, baiklah.

**Puan Teresa Kok Suh Sim:** Terima kasih. Jadi bila bangunan-bangunan ibu pejabat kedua-dua bahagian UMNO didirikan mereka didirikan atas nama dewan orang ramai. Selain itu terdapat beratus-ratus pejabat cawangan UMNO dan Barisan Nasional yang didirikan di tanah kerajaan. Sehubungan dengan itu pejabat bahagian UMNO Seputeh di Jalan Kuchai Lama malah diperluaskan dan dicantikkan selepas kedua bahagian Seputeh naik pangkat menjadi Menteri di Jabatan Perdana Menteri yang mengawasi DBKL. Bukankah ini menunjukkan .....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat Menteri bangun. *[Dewan menjadi riuh dengan ketawa]*

**Tengku Dato' Adnan bin Tengku Mansor:** Tuan Yang di-Pertua, dia mengambil kesempatan ini untuk mengeluarkan apa yang dia hendak sebut supaya dalam *Hansard* itu ada dia akan photostat dan maklumkan kepada kawasan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Bolehkah Yang Berhormat, kita....

**Tengku Dato' Adnan bin Tengku Mansor:** Saya tidak akan jawab!

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Tidak mengapalah kita benarkan dia lagi tiga minit, apa dia suka cakap biar dia cakaplah. *[Ketawa]*

**Tengku Dato' Adnan bin Tengku Mansor:** Okey!

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat tiga minit, tiga minit.

**Puan Teresa Kok Suh Sim:** Terima kasih, terima kasih. Saya lihat Ahli-Ahli Yang Berhormat UMNO di belakang itu begitu berminat untuk mendengar ucapan saya. *[Ketawa]* Selain itu saya difahamkan.....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat Wangsa Maju bangun, Wangsa Maju.

**Puan Teresa Kok Suh Sim:** Wangsa Maju pun bangun.

**Dato' Zulhasnan bin Rafique:** Yang Berhormat dari Seputeh, saya hendak tanya sedikit, di Wangsa Maju ini di mananya yang ada pejabat UMNO di bawah tanah kerajaan?

**Puan Teresa Kok Suh Sim:** Terima kasih Yang Berhormat dari Wangsa Maju, saya tidak sebut Wangsa Maju dalam ucapan saya pun. Kenapa hendak libatkan diri dalam perkara Yang Berhormat tidak buat? *[Ketawa]*

**Dato' Zulhasnan bin Rafique:** Tadi apabila saya di luar Dewan saya dengar Yang Berhormat kata, kita cakap daripada kawasan di luar, Wangsa Maju juga bercakap di kawasan yang luar. Itu nombor satu. Jadi itu di luar Dewan tidak sempat saya hendak berdiri, nombor dua tadi pun ada kata pejabat-pejabat UMNO atas di atas tanah-tanah kerajaan itu saya tanya, di Wangsa Maju di mana dia? Sila.

**Puan Teresa Kok Suh Sim:** Di Wangsa Maju, saya tidak sebut langsung tentang UMNO bahagian Wangsa Maju ada terdapatnya tanah kerajaan..

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Okey, Bukit Bintang nak minta penjelasan.

**Seorang Ahli:** *[Menyampuk]*

**Tuan Fong Kui Lun:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Seputeh. Adakah Yang Berhormat bersetuju dengan saya bahawa di kawasan Seputeh satu tapak yang didirikan pejabat rekreasi atas nama rekreasi tetapi digunakan oleh parti-parti seperti UMNO dan juga disewakan kepada syarikat-syarikat menjual kereta? Satu bulan dapat RM15,000 hingga RM20,000 sebulan kepada syarikat-syarikat.

**Puan Teresa Kok Suh Sim:** Wah! Ini mesti Seputeh!

**Fong Kui Lun:** Ini satu hakikat yang berlaku di Kuala Lumpur, adakah Yang Berhormat bersetuju dengan saya?

**Puan Teresa Kok Suh Sim:** Saya setuju itu adalah pejabat bahagian UMNO Seputeh diletakkan di Jalan Kuchai Lama.

**Dato' Haji Noh bin Haji Omar:** Yang Berhormat.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Baik, Peraturan Mesyuarat.

**Dato' Haji Noh bin Haji Omar:** Duduklah, peraturan mesyuarat. Saya hendak baca peraturan mesyuarat dan saya dengar ucapan dia. Saya ingat dalam 36(1): *"Seseorang Ahli Dewan apabila membahaskan Rang Undang-undang yang meminda akta induk, hanya perkara-perkara yang berkaitan rang undang-undang itu sahaja yang dibenarkan bercakap dan tidak kepada perkara yang melibatkan akta induk"*. Jadi dia ini sudah menyeleweng jauh, Tuan Yang di-Pertua,

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, baik. Memang saya sudah tegur banyak kali tapi dia tidak mahu dengar. *[Ketawa]* Tidak mengapalah, Yang Berhormat cukuplah. Baik, baik, baik.

**Dato' Haji Noh bin Haji Omar:** Di bawah 36(1) tidak dibenarkan bercakap ....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, jangan cabar kesabaran saya ya! *[ketawa]*

**Puan Teresa Kok Suh Sim:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana saya telah sebutkan bahawa Rang Undang-undang ini tidak jelas langsung.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Baiklah, cukuplah.

**Beberapa orang ahli:** *[Menyampuk]*

**Puan Teresa Kok Suh Sim:** Okey, biar saya gulung, bagi saya satu minit lagi. Tuan Yang di-Pertua, slogan Barisan Nasional yang termasyhur dan masih disebut-sebut oleh orang ramai pada hari ini ialah *"Bersih, Cekap dan Amanah"* dan *"Kepimpinan Melalui Teladan"*. Jadi apakah perbuatan parti-parti komponen Barisan Nasional ini membayangkan jiwa kedua-dua slogan ini? Saya mencadangkan supaya kerajaan Barisan Nasional mengubah slogan mereka dan menggantikan kedua-dua slogan ini kepada satu slogan baru iaitu *"Harapkan Pagar, Pagar Makan Padi"*. Sekian terima kasih.

**Seorang Ahli:** Sudahlah!

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Ini cadangan sahaja, tidak payah jawab. Baiklah Yang Berhormat Menteri, sila. *[Dewan menjadi riuh seketika dengan sorakan ketawa]*

**Tengku Dato' Adnan bin Tengku Mansor:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian untuk membahaskan berkenaan dengan Rang Undang-Undang Kanun Tanah Negara (Pengesahan) 2003. Sepertimana tajuk rang

undang-undang ini, tujuan ia dibentangkan hanyalah bagi menerima dan mengesahkan apa-apa tindakan yang telah dilakukan oleh Jawatankuasa Kerja Tanah Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur di bawah Kanun Tanah Negara 1965.

Jawatankuasa Kerja Tanah Wilayah Persekutuan Tanah Kuala Lumpur telah dipertanggungjawabkan oleh kerajaan supaya menjalankan kerja-kerja pentadbiran dalam urusan-urusan berkaitan tanah di kawasan berkenaan agar jawatankuasa berkenaan dapat terus berfungsi seperti sekarang. Kerajaan berpendapat bahawa wajarlah antara lain sebarang tindakan fungsi dan kuasa yang telah dijalankan semenjak beberapa tahun lalu diberi *endorsement* dan pengesahan Parlimen.

Perlu ditegaskan bahawa tindakan mendapatkan pengesahan ini bukan bermakna apa-apa *irregularity* atau *illegality*, dengan izin, telah berlaku. Pembentangan rang undang-undang ini hanya sekadar beroleh pengesahan agar apa-apa tindakan lalu dan masa depan adalah dengan *endorsement legislative* di Dewan yang mulia ini. Itu tujuan pembentangan, Tuan Yang di-Pertua. Kalau Tuan Yang di-Pertua izinkan, saya boleh jawab apa soalan-soalan yang telah diberi kepada saya tadi oleh Ahli-ahli Yang Berhormat...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Sila.

**Tengku Dato' Adnan bin Tengku Mansor:**...ataupun saya tak mahu jawab pun boleh.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Sila Yang Berhormat.

**Tengku Dato' Adnan bin Tengku Mansor:** Tetapi oleh kerana kerajaan ini adalah kerajaan yang prihatin, kerajaan yang menjaga rakyat dan kerajaan yang membela rakyat dan bukan kerajaan yang seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat bagi Seputeh tadi, "*Harapkan pagar, pagar makan padi*"....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat Menteri.

**Tengku Dato' Adnan bin Tengku Mansor:** ... tetapi kerajaan yang bertanggungjawab, percayalah.

**Dr. Tan Seng Giaw:** [Bangun]

**Tengku Dato' Adnan bin Tengku Mansor:** Nanti Yang Berhormat, saya hendak jawab Yang Berhormat punya soalan. Jadi, saya akan jawab soalan-soalan yang telah diketengahkan. Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat bagi Kepong yang telah membangkitkan perkara-perkara bermasalah dengan Lesen Menduduki Sementara (TOL).

Untuk makluman Yang Berhormat, kenyataan bahawa terdapat kes lesen menduduki sementara yang bertindih adalah tidak benar kerana tiada kes sedemikian yang berlaku di kawasan Wilayah Persekutuan terutamanya membabitkan kawasan Kepong. Status tanah yang diberi lesen menduduki sementara (TOL) masih lagi merupakan tanah kerajaan dan diberi hak untuk menduduki selama setahun sebagai lesen TOL. Ianya boleh diperbaharui oleh pemegang lesen dan kuasa meluluskan diberikan kepada pentadbiran tanah untuk tiga kali pembaharuan. Sekiranya pemegang ingin memperbaharui lesen selepas daripada tiga kali pembaharuan, permohonan akan dikemukakan kepada Jawatankuasa Kerja Tanah Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (*Land Exco*) untuk kelulusan. Jika sekiranya pemegang lesen tidak berminat untuk memperbaharui lesennya lagi, maka tanah tersebut boleh diberi kepada orang lain jika ada permohonan.

Soalan yang kedua, adakah benar terdapat tanah...

**Dr. Tan Seng Giaw:** [Bangun]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat.

**Tengku Dato' Adnan bin Tengku Mansor:** ...di bawah kategori lesen menduduki sementara (TOL) tidak ditukarkan kepada hak milik geran. Jawapannya untuk Ahli Yang Berhormat bagi Kepong, setakat hari ini banyak tanah bagi tapak-tapak rumah di bawah kategori lesen menduduki sementara (TOL) yang ditukar kepada hak milik geran terutama di kawasan Kepong dan Jinjang, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Mana-mana

permohonan yang diterima akan dikemukakan kepada Jawatankuasa Kerja Tanah untuk kelulusan. Bagi kawasan yang sesuai, berdasarkan kepada pelan susun atur yang telah diluluskan oleh Jabatan Perancangan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur. Sila.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, penjelasan. Di sini saya hendak menyatakan bahawa dalam keputusan-keputusan yang diambil oleh pihak Exco Tanah termasuk banyak perkara dan tentulah apabila keputusan dibuat, apa sahaja yang berlaku kerana tindakan Exco ini, maka di dalam pembentangan rang undang-undang ini Yang Berhormat mesti jawab juga kalau bolehlah, bukan semua boleh. Saya anggap perbuatan Yang Berhormat sekarang itu betul juga. Cuma saya nampak beberapa tahun ini, apabila hal TOL timbul, bukan sahaja hal TOL ini dipindahkan kepada orang yang lain, walhal tidak boleh. Itu yang pertama.

Yang kedua, ada orang yang petualang yang mengambil kesempatan untuk mengutip bagi memohon untuk mendapat hak milik. Setahu saya sering kali berlaku di kawasan saya. Saya tak boleh berhentikan atau hindar mereka berbuat demikian. Tetapi saya suka Yang Berhormat kalau boleh menerangkan sebagai 'penyapu baru' dia boleh sapu dengan bersih, boleh menerangkan apakah dasar sekarang mengenai TOL di seluruh Wilayah Persekutuan termasuklah Kepong dan Jinjang. Apakah dasar sekarang dan bilangan yang ada sekarang, berapa sekian banyak yang akan diberi peluang untuk mendapat hak milik dan di mana kita tak mahu supaya tidak ada petualang-petualang yang mengambil kesempatan.

**Tengku Dato' Adnan bin Tengku Mansor:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat bagi Kepong. Tadi sahabat saya Jeli panggil saya 'menteri besar' Wilayah Persekutuan ketiga-tiga wilayah. Yang Berhormat panggil saya 'penyapu' tak apalah, saya terima jugalah apa Yang Berhormat sebut. Walau macam manapun, percayalah apa yang saya hendak lakukan ialah untuk kebaikan rakyat dan untuk negara yang kita kasihi bersama.

Masalah TOL yang telah dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat, seperti yang telah saya sebutkan tadi, pemegang-pemegang lesen sementara ini dibenarkan membaharui selama tiga kali tanpa pergi kepada Land Exco. Selepas tahun yang ketiga, hendak masuk tahun keempat, dia boleh memohon tanah itu kepada Jawatankuasa Kerja Tanah Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan jika jawatankuasa memandangkan keperluan yang dia hendak lakukan atau apa yang dia hendak majukan tanah tersebut bersesuaian dengan pelan struktur DBKL, kelulusan akan diberi sebagai geran ataupun sebaliknya.

Jadi, tidak timbul kalau ada petualang-petualang, Yang Berhormat telah sebutkan berkenaan dengan petualang, saya pun tidak tahu petualang-petualang ini. Kerana memang benarlah barangkali ada orang-orang yang ingin mengambil kesempatan yang mengatakan ada pegawai-pegawai Jabatan Tanah yang menyeleweng ataupun wakil-wakil rakyat ataupun ahli-ahli politik ataupun menteri yang menyeleweng, tetapi pada yang sebenarnya perkara ini tidak berlaku. Kalau ada perkara-perkara yang telah disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat berlaku dalam kawasan Yang Berhormat, sila rujukkan perkara itu kepada BPR ataupun terus kepada saya kalau boleh saya menolong Yang Berhormat.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, penjelasan. Saya akan pergi ke pejabat Yang Berhormat untuk sama-sama menyelesaikan masalah ini. Tetapi saya akan bagi satu contohlah sebagai bukti. Yang Berhormat, mengenai pentakrifan TOL dan sebagainya, misalnya di jalan-jalan protokol di seluruh Wilayah Persekutuan termasuk Jalan Kepong, saya bagi satu contoh. Tempat letak kereta terpakai di Jalan Jambu, Jerteh, di bahagian Jinjang Selatan, Jalan Kepong dan tanah rizab di bahagian jalan masuk ke Jalan Kepong Bahru menjadi pusat penjaja, pusat komersial dan lapangan letak kereta dan sebagainya.

Di Jalan Jambu Jerteh, ada tempat untuk kereta-kereta terpakai oleh pengusaha kereta terpakai dan ada juga projek DBKL untuk parit dan jalan dan pengusaha ini diberi notis untuk pindah. Saya pun tak tahu bagaimana pihak Jabatan Tanah dapat mengeluarkan permit TOL pula di Jalan Kuching tambah pula pengusaha ini tak mahu pindah. Dengan lot yang baru pun tak mahu pindah, sehingga projek terbengkalai, tak dapat disempurnakan. Apakah berdasarkan jabatan sekarang, Exco, macam mana kita boleh mengeluarkan TOL

begitu sahaja walhal itu jalan-jalan protokol? Yang Berhormat, bolehkah membuat kerja yang lebih sempurna untuk kita, jalan-jalan protokol di seluruh Kuala Lumpur kita bersihkan dengan begitu sahaja.

**Tengku Dato' Adnan bin Tengku Mansor:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat bagi Kepong. Sepatutnya apa Yang Berhormat telah sebutkan tadi tidak berlaku kalau Yang Berhormat atau Wakil Rakyat yang bertanggungjawab di kawasan Kepong. Masalahnya kerana apabila kita memberi pengusaha-pengusaha ini untuk menduduki sementara adalah untuk memberi mereka peluang untuk mencari nafkah hidup sementara kerana tanah-tanah ini akan diguna pakai kemudian. Itulah sebab kebanyakan tanah-tanah yang dipunyai oleh kerajaan di Wilayah Persekutuan ini memang ada satu dasar dahulu yang membenarkan tanah-tanah ini disewa sementara kepada pengusaha-pengusaha secara sementara.

Seperti mana yang disebutkan oleh Yang Berhormat bagi Bukit Bintang dan Seputeh tadi, begitu juga dengan tanah-tanah setingan. Mereka apabila hendak keluar, mereka akan mohon pampasan, tetapi mereka lupa bahawa bertahun-tahun yang mereka duduk di atas tanah secara percuma itu, bukannya itu merupakan salah satu daripada pampasan kerajaan. Begitu juga dengan infrastruktur-infrastruktur yang kita bangunkan di dalam kawasan-kawasan tersebut seperti kita beri jalan raya, kita beri dia lampu elektrik sehinggakan ada satu ketika kita juga membenarkan supaya mereka ini memasang talian telefon.

Jadi, masalahnya saya juga mohon kepada Yang Berhormat sebagai Wakil Rakyat bagi Kepong, kalau ada perkara-perkara yang kita hendak mengambil alih semula tanah-tanah tersebut, Yang Berhormat memainkan peranan sebagai pemangkin atau *catalyst*, dengan izin, supaya menasihati tuan-tuan yang telah mengusahakan di atas tanah sementara ini untuk keluar. Tetapi masalah Yang Berhormat, oleh kerana undi Yang Berhormat, Yang Berhormat langsung tidak peduli. Macam di Bukit Bintang, dia minta tadi saya kekalkan kawan-kawan dia di Kampung Katijah dan juga Kampung Hainan, tetapi kawasan Kampung Katijah dan Kampung Hainan itu tidak boleh diduduki yang sebenarnya kalau kita dapat lihat keadaan permukaan tanah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, penjelasan. Yang Berhormat, dia tidak tumpu kepada masalah yang saya timbulkan. Saya entah beberapa kali pergi ke Jabatan Perancang, pergi ke jabatan kerja, pergi ke Direktorat Penguatkuasaan untuk hal ini, entahlah beberapa tahun. Saya tidak nampak mengapa Jabatan Tanah perlu bagi tanah ganti di Jalan Kuching untuk TOL. Tetapi pengusaha masih enggan untuk berpindah. Itulah masalah Yang Berhormat, bukan masalah yang diselewengkan, tidak ada, bukan. Saya akan terus pergi dengan acap kali sehingga selesai masalah ini. Entah beberapa kali saya pergi untuk selesaikan masalah Jalan Kepong di tepi-tepi jalan protokol. Saya pun sudah tahu apa yang dipanggil protokol ini, dibenarkan bertahun-tahun pengusaha yang dapat kontena demi kontena untuk buah-buahan, tetapi di tepi jalan pula berniaga. Dan dibenarkan oleh Yang Berhormat. Ini warisan Yang Berhormat sahaja. Entahlah beberapa kali notis dikeluarkan oleh pihak Yang Berhormat, DBKL untuk bersihkan semua tetapi berlaku lagi, masih kekal. Saya tak tahulah berapa tahun akan diambil. Bukan saya tak kerja, saya pergi acap kali.

**Tengku Dato' Adnan bin Tengku Mansor:** Terima kasih Yang Berhormat. Saya minta Yang Berhormat kalau ada masalah-masalah yang telah dibangkitkan tadi datanglah, kalau tidak boleh diselesaikan di peringkat Pejabat Tanah. Sila berhubung dengan pihak saya dan insya-Allah, *with God's will*, dengan izin, saya akan cuba mengatasi masalah Yang Berhormat. Tetapi janganlah Yang Berhormat tuduh seperti Yang Berhormat Seputeh. Dia tuduh pejabat Bandaraya saya seperti pejabat UMNO. Yang sebenarnya Bukit Bintang telah datang, kawan-kawan saya yang lain daripada parti pembangkang juga telah datang bertemu dengan saya untuk menyelesaikan masalah-masalah di Wilayah Persekutuan. Tetapi tuduhan dia kepada saya, itu pejabat pusat UMNO Wilayah Persekutuan. Ini tidak benar, Yang Berhormat. Yang Berhormat dipersilakan datang kerana saya akan cuba sedaya upaya untuk menyelesaikan masalah-masalah yang telah diwujudkan ataupun telah berbangkit.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Mengapa Yang Berhormat bagi kawasan Seputeh tidak pergi UMNO Seputeh? Jemput Yang Berhormat.

**Tengku Dato' Adnan bin Tengku Mansor:** Ini Tuan Yang di-Pertua, kena tanya dengan Yang Berhormat Seputeh, saya tidak boleh jawab, kerana barangkali dia bertemu saya di luar Seputeh, kita berbaik Yang Berhormat. Tetapi dalam kawasan Seputeh dia marah saya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Ya, Seputeh bangun.

**Puan Chong Eng:** *[Bangun]*

**Tengku Dato' Adnan bin Tengku Mansor:** Bagi Seputehlah.

**Puan Teresa Kok Suh Sim:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya sebenarnya pernah hantar pembantu saya pergi ambil gambar bangunan UMNO Seputeh yang terletak di tanah kerajaan itu. Selepas itu ahli-ahli UMNO di dalamnya lihat dan rampas kamera dia, buka kamera itu dan tarik film daripada kamera itu. Ini adalah layanan UMNO Seputeh terhadap wakil yang saya hantar ke pejabatnya. Macam mana saya berani pergi menziarahi Yang Berhormat Menteri di kawasan yang penuh orang yang begitu ganas. Ini *[Ketawa]* adalah sama dengan Yang Berhormat ini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, nanti boleh berikan satu jawapan yang lebih baik kepada dia. Masa cukup. *[Ketawa]* Kita sambung petang ini.

Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan yang mulia ini ditangguhkan sekarang sehingga jam 2.30 petang.

***Dewan ditempohkan pada pukul 1.00 tengah hari.***

***Mesyuarat disambung semula pada jam 2.30 petang.***

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat disambung semula. Saya minta Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri menjawab.

**2.32 ptg.**

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Tengku Dato' Adnan bin Tengku Mansor]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Untuk menyambung jawapan saya, Ahli Yang Berhormat bagi Kepong juga telah membangkitkan berkenaan dengan mengapa, adakah pihak kerajaan akan mengambil tindakan memperbaharui tempoh hak milik yang telah luput tempoh pajakannya.

Untuk makluman Yang Berhormat, pihak kerajaan sedang mengambil tindakan untuk membeli pemilikan semula tanah dengan membaharui tempoh pajakan terutamanya kepada rumah-rumah kediaman. Perlu dijelaskan di sini bahawa bagi kebanyakan hak milik yang telah luput itu tempoh pajakan asalnya adalah selama 30 tahun sahaja. Pada masa ini pihak kerajaan telah memperbaharui tempoh pajakan kepada tempoh 99 tahun.

Soalan yang keempat telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat ialah mengapa Pejabat Tanah tidak mahu menerima bayaran premium tambahan jika tempoh kelulusan telah luput tetapi bayaran rayuan telah dijelaskan. Untuk makluman Yang Berhormat, Pejabat Tanah tidak boleh menerima apa-apa bayaran jika tempoh kelulusan telah luput melainkan pemilik berkenaan telah mendapat kelulusan melanjutkan tempoh daripada pentadbir tanah atau kelulusan daripada Jawatankuasa Kerja Tanah Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur terlebih dahulu.

Soalan yang keenam ialah mengapa pengeluaran hak milik tetap mengambil masa yang lama walaupun telah diluluskan hak milik sementara. Untuk makluman Yang Berhormat, kerajaan sedar bahawa terdapat atau berlaku kelewatan dalam mengeluarkan hak milik tetap daripada hak milik sementara.

Walau bagaimanapun, kerajaan sedang mengambil tindakan untuk mempercepatkan pengeluaran hak milik tetap. Untuk itu pihak Jabatan Ukur dan Pemetaan telah diminta menyegerakan pengukuran dan menyediakan pelan untuk dikemukakan kepada Jabatan Tanah dan Galian Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur bagi tujuan pendaftaran hak milik tetap. Adalah dipercayai pengeluaran hak milik tetap akan dapat dibuat bagi menggantikan hak milik sementara yang ada.

**Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad:** [Bangun]

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat bagi Jeli bangun.

**Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Menteri. Bolehkah mulai sekarang pihak kerajaan menentukan berapakah bilangan hak milik kekal yang akan dikeluarkan berdasar kepada semangat ISO dan sebagainya. Umpamanya berapa ribu hak milik kekal yang bakal kita keluarkan mengikut tahun-tahunnya. Berapa daripada hak milik sementara, manakala hak milik kekal, berapakah bilangannya? Berapa bilangan hak milik strata hendak dikeluarkan? Saya ingat kalau ada *measurement* seperti itu mungkin boleh memberi sedikit kepuasan kepada mereka yang terlibat dalam hal ini. Boleh atau tidak cuba guna *based on ISO*? Terima kasih.

**Tengku Dato' Adnan bin Tengku Mansor:** Untuk makluman Yang Berhormat bagi Jeli, yang sebenarnya Pejabat Tanah Wilayah Persekutuan mempunyai sistem yang terbaik di kalangan pejabat-pejabat tanah negeri-negeri yang lain. Tadi Yang Berhormat ada sebut berkenaan dengan 50,000 geran yang dikeluarkan oleh Kerajaan Negeri Terengganu.

Untuk makluman Yang Berhormat, saya telah difahamkan oleh pegawai Jabatan Tanah Wilayah Persekutuan bahawa sistem yang ada di Jabatan Tanah Wilayah Persekutuan adalah lebih baik daripada apa yang digunakan oleh Kerajaan Negeri Terengganu. Yang saya takut, apa Yang Berhormat telah sarankan kepada Menteri Besar Terengganu itu ialah supaya kelulusan dapat diberi 50,000 dengan cepat. Barangkali untuk kroni-kroni Yang Berhormat di Kuala Terengganu. [Ketawa]

Walau bagaimanapun, untuk makluman Yang Berhormat, kita akan mengambil tindakan supaya perkara-perkara yang telah disebutkan oleh Yang Berhormat tadi, saya akan memberi kepada Yang Berhormat dengan secara bertulis, dia punya anggaran ataupun angka-angka yang telah diminta.

Walau bagaimanapun, untuk makluman Yang Berhormat, kita ada mempunyai Piagam Pelanggan oleh Jabatan Tanah dan Galian Wilayah Persekutuan di mana telah ditetapkan berapa hari, umpamanya kalau hak milik sementara atau hak milik mesti dikeluarkan, ada tahap-tahap yang telah disesuaikan seperti mana Yang Berhormat telah cadangkan.

**Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad:** [Bangun]

**Tuan Yang di-Pertua:** Ha. Yang Berhormat bagi Jeli.

**Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Menteri. Kita tidak mempertikaikan sistem. Kalau sistem dia bagus, kalau implementasi dia tidak bagus, jadilah macam Dasar Ekonomi Baru, 30 tahun, separuh pun tidak sampai lagi kerana implementasi tidak bagus. Jadi, sekarang ini saya merujuk kepada sistem di Terengganu - walaupun tidak bagus - tetapi kerana semua pihak memainkan peranan, kesungguhan menyebabkan boleh, benda yang tidak logik dari segi biasa 50,000.

Sekarang saya hendak tanya, Wilayah Persekutuan, kata hebat sangat sistem. Berapa ribu lot yang telah dikeluarkan? Yang kata hebat sangat ini. Sekarang kenyataan ini boleh tahu, beri kenyataan rasmi Menteri berapa ribu lot yang dikeluarkan, yang kata hebat sangat sistem? Berapa hak milik strata diluluskan? Berapa hak milik tanah diluluskan? Minta penjelasan angkanya. Okey, terima kasih.

**Tengku Dato' Adnan bin Tengku Mansor:** Untuk makluman Yang Berhormat bagi Jeli, saya tidak ada angka-angka yang saya boleh dapat sebutkan kepada Yang

Berhormat tetapi seperti mana yang telah saya sebutkan saya akan memberi maklum balas ini secara bertulis kepada Yang Berhormat kalau Yang Berhormat berkehendakkan angka-angka, yang kelulusan-kelulusan telah diberi.

Yang Berhormat mesti faham bahawa Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur ini berbeza dengan Kerajaan Negeri Terengganu. Kita pun tidak mempunyai banyak tanah dan masalah-masalah berkenaan dengan *strata title* dengan izin, akan saya jelaskan sekejap lagi, bagaimana keadaan-keadaan strata yang mempunyai masalah yang kita hendak mengeluarkan hak milik strata ini kepada pembeli-pembeli ruang-ruang strata.

Walau bagaimanapun, seperti yang telah saya sebutkan saya tidak mempunyai angka yang Yang Berhormat telah bangkitkan tadi, tetapi saya memberi keyakinan kepada Yang Berhormat bahawa percayalah apa yang Jabatan Tanah dan Galian Wilayah Persekutuan laksanakan ini adalah sebaik mungkin untuk memastikan bahawa keperluan rakyat itu terjamin. Saya percaya bahawa pegawai-pegawai yang ada di Jabatan Tanah dan Galian Wilayah Persekutuan ini adalah pegawai-pegawai yang bertanggungjawab dan bukan niat mereka untuk melambat-lambatkan sesuatu pengeluaran hak milik. Kerana kelambatan ini dilakukan sendiri oleh kadangkala, dengan izin, *the developer*, kadangkala cara yang memohon tanah dengan tidak mencukupi syarat-syarat dan sebagainya.

Tadi Yang Berhormat telah sebut berkenaan dengan Dasar Ekonomi Baru yang kita tidak capai. Sebenarnya, kerajaan telah dapat sedikit sebanyak ataupun daripada apa yang telah kita dapat lihat bahawa pencapaian Dasar Ekonomi Baru ini terserlah. Begitu juga dalam segi Yang Berhormat sendiri, Yang Berhormat adalah seorang daripada profesional produk yang telah keluar barangkali daripada Dasar Ekonomi Baru itu sendiri. *[Disampuk]* Jadi, ini yang masalah kita, kadangkala kita tidak mahu bersyukur, mengucapkan terima kasih, apa yang kita lihat ialah keburukan. Yang sebenarnya, *"Gajah di depan mata kita tidak nampak, tetapi semut di seberang lautan kita nampak"*. Patutnya Yang Berhormat mesti bersama-sama dengan kita untuk memastikan bahawa dasar ini tercapai. Yang Berhormat sebagai Ahli Yang Berhormat juga mesti memainkan peranan di dalam kawasan Yang Berhormat, jangan Yang Berhormat hanya menidakkan apa yang dilakukan oleh kerajaan, oleh kerana dendam kesumat Yang Berhormat.

Yang sebenarnya, kerajaan melakukan sedaya upaya untuk memastikan bahawa Dasar Ekonomi Baru yang telah diketengahkan oleh kerajaan ini supaya rakyat dapat mengecapi nikmat dan kita juga berharap bahawa tahap pencapaian Dasar Ekonomi Baru ini akan tercapai seperti yang telah dirancangan. Tetapi masalahnya, kerajaan boleh mengeluarkan dasar dengan pelan dan sebagainya tetapi kita juga memerlukan rakyat dan orang-orang seperti Yang Berhormat juga memberi sokongan. Janganlah Yang Berhormat menggunakan isu-isu yang kadangkala memfitnah perkara-perkara yang tidak betul sehingga mencetuskan keadaan yang tidak menentu. *[Disampuk]*

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Puan Hajah Mastika Junaidah dari Arau telah membangkitkan masalah berkenaan dengan pembangunan yang akan dilakukan di Kampung Baru. Untuk makluman Yang Berhormat bagi Arau, bukanlah kerajaan ataupun Jabatan Perdana Menteri tidak mengendahkan masalah orang-orang Melayu di Kampung Bahru. Yang pertama sekali kita mesti sedar bahawa Kampung Bahru ini ada mempunyai tujuh buah kampung kecil iaitu:

- (i) Kampung Periuk;
- (ii) Kampung Masjid;
- (iii) Kampung Atap A;
- (iv) Kampung Atap B;
- (v) Kampung Hujung Pasir;
- (vi) Kampung Pindah; dan
- (vii) Kampung Paya

Rancangan sedang dilakukan oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur untuk memastikan cara-cara pembangunan yang akan dilaksanakan oleh kerajaan bersama-

sama dengan pemilik-pemilik tanah-tanah di kawasan Kampung Bahru. Kita akan bermula dengan pusat perniagaan iaitu di Pasar Minggu yang ada sekarang sebagai pusat perniagaan dan daripada situ kita berharap bahawa pengembangan kemajuan Kampung Bahru akan terlaksana dan dapat diperluaskan kepada jalan-jalan yang tertentu di dalam kawasan Pasar Minggu itu seperti Jalan Raja Alang dan juga Jalan Raja Muda Musa. Untuk makluman Yang Berhormat, satu lagi yang Yang Berhormat telah bangkitkan berkenaan dengan masalah tanah-tanah kosong dan tanah-tanah yang terbiar.

**Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin:** [Bangun]

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat bagi Arau bangun.

**Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak minta laluan. Saya terima kasih kepada pengakuan dan juga komitmen yang telah pun diberikan oleh kerajaan dan juga yang disebutkan oleh Yang Berhormat Menteri tadi. Saya memang sedar Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri menekankan kepada pembangunan di Kampung Bahru tetapi dari segi pelaksanaannya saya sedar bahawa banyak masalah-masalah yang harus ataupun yang sedang dihadapi oleh kerajaan.

Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri, dari segi konsep pembangunan adakah kerajaan telah mempunyai satu bentuk konsep pembangunan di Kampung Bahru itu, di mana identiti orang-orang Melayu, misalnya *architecture* dari segi pembangunan yang akan dibuat itu ditekankan kepada melambangkan Melayu itu sendiri dalam pembangunan di Kuala Lumpur. Bila saya menyebut Melayu, kita tidak menyatakan bahawa kita hendak tengok *development* itu mundur ke belakang, tidak maju. Kita hendak yang moden tetapi identiti kita itu ada dan hidup di situ. Itu yang saya hendak dapat penjelasan. Terima kasih.

**Tengku Dato' Adnan bin Tengku Mansor:** Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Arau, saya mengucapkan terima kasih di atas keprihatinan Yang Berhormat terhadap pembangunan Kampung Bahru. Kerajaan akan melaksanakan satu pembangunan yang memang telah disebutkan oleh Yang Berhormat tadi mengikut ciri-ciri Melayu dan juga ciri-ciri Malaysia itu sendiri. Seperti yang kita sedia maklum bahawa kita ini dalam Malaysia menjadi sebuah negara yang maju oleh kerana sikap toleransi yang wujud dalam Barisan Nasional itu sendiri dan telah ditekankan oleh datuk, nenek, moyang kita kepada diri kita dan juga rakyat, itulah sebab negara kita menjadi maju, aman dan sejahtera.

Jadi, untuk makluman Yang Berhormat, Pelan Pembangunan Wilayah Persekutuan ini memang sengaja dilakukan untuk memastikan bahawa sikap toleransi ini ditekankan. Walaupun Kampung Baru ini menjadi tempat yang dikatakan adalah tempat kawasan Melayu tetapi kita juga ingin membawa peniaga-peniaga India dan juga peniaga-peniaga Cina ke dalam kawasan itu untuk menghidupkan ekonomi dalam daerah tersebut. Begitu juga di dalam kawasan-kawasan Petaling Street, kawasan-kawasan Chow Kit, Kawasan-kawasan Lorong Haji Taib, kita juga akan melaksanakan sistem toleransi perkauman ini supaya kaum-kaum kita akan mengerti di antara satu sama lain dan kita berharap bahawa dengan cara ini ekonomi, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, *economic vibrancy* sesuatu daerah ini akan dapat berkembang.

Kita tidak mahu ada kelompok-kelompok di dalam bandaraya ini kalau hendak pergi satu kelompok, kelompok Melayu, kalau kelompok, kelompok Cina, kalau kelompok, kelompok India. Ini kita cuba hendak menghuraikan masalah yang sedang berlaku ini. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat bagi Arau, masalah Kampung Baru ini juga, dia adalah *Malay agricultural settlement*. Jadi bila *under Malay agricultural settlement* ini, tanah-tanah ini agak sukar untuk kita mengambil alih oleh kerana tuan-tuan tanah ini seperti yang disebut oleh Ahli-ahli Yang Berhormat lain, banyak pertindihan-pertindihan dan kadang kala kita sudah tidak kenal siapakah tuan punya tanah itu yang sebenarnya.

**Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin:** [Bangun]

**Dato' Othman bin Abdul:** [Bangun]

**Tengku Dato' Adnan bin Tengku Mansor:** Sila Yang Berhormat. Daripada Arau dahulu ya?

**Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya hendak balik kepada konsep. Saya agak mungkin berbeza pendapat dengan Yang Berhormat dari segi pembangunan. Saya melihat konsep Barisan Nasional itu yang tercantik. Sebenarnya kejayaan negara kita adalah di atas konsep Barisan Nasional di mana kita ada berlainan parti dan ada *coalition*, kita ada BN dan kita maju di bawah Barisan Nasional.

Jadi saya melihat konsep Barisan Nasional yang saya *relatekan* dengan pembangunan bandar itu sendiri di mana kita ada Kampung Baru, mungkin kita ada Petaling Street, kita ada belakang Masjid India tetapi sebenarnya kita di bawah Kuala Lumpur. Kalau konsep sebagai mana yang dikatakan oleh Yang Berhormat Dato' tadi, diadakan sekali, jadi macam rojak dalam satu tempat, belainan. Ini macam Malaysian party kalau dibandingkan dengan parti dahulu hendak ditubuhkan oleh Dato' Onn, di mana UMNO hendak dibuka keadaan semua. Tetapi apabila kita kekal dalam kelompok-kelompok dan *compartment* masing-masing saya rasa ini sebenarnya kejayaan yang Pembangkang cuba hendak tiru tetapi lambat. Dia orang tiruan tidak macam Barisan Nasional yang sudah kita laksanakan dan ternyata dia berjaya.

Daripada konsep itu saya melihat dan saya rasa kalau hendak diadakan pun biarlah dia ada menunjukkan identiti yang tertentu supaya dia akan terserlah tetapi kita masih dalam bandar Kuala Lumpur yang mana akan menjadi tarikan kepada pelancong dan tidak menimbulkan sensitiviti dari segi kaum. Kita ada sensitiviti-sensitiviti yang tertentu dan semua pihak boleh mengembangkan, boleh mencantikkan dan mengindahkan lokasi masing-masing, tetapi *we are Malaysians*. Itu maksud saya, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih.

**Tengku Dato' Adnan bin Tengku Mansor:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Arau, kita akan mengambil pandangan dan teguran Yang Berhormat terhadap pembangunan yang telah kita rancang. Tetapi seperti mana yang telah saya sebutkan, kita juga tidak mahu melihat bahawa kelompok-kelompok bangsa ini diasingkan kerana kita mesti menerima hakikat bahawa akhirnya kita semua adalah rakyat Malaysia walaupun kita berbeza bangsa ataupun agama dan berbeza cara hidup kita. Tetapi pada akhirnya kita semua adalah rakyat Malaysia.

Ini yang kita ingin menekankan kepada puak-puak pembangkang yang kadang kala dengan izin *chauvinistic* dan sebagainya. Kita tidak mahu sikap ini berlarutan hingga ke anak-anak kita. Yang telah saya maksudkan tadi ialah umpamanya kalau di Petaling Street, kita akan pastikan bahawa sekurang-kurangnya ada 30% orang Melayu berniaga di sana. Begitu juga dalam kawasan Kampung Baru kita akan pastikan 30% bangsa asing akan berniaga di sana. Begitu juga dalam kawasan-kawasan yang lain di dalam daerah pembangunan yang telah kita rancang.

**Dato' Othman bin Abdul:** [Bangun]

**Tengku Dato' Adnan bin Tengku Mansor:** Saya minta Ahli Yang Berhormat bagi Pendang.

**Dato' Othman bin Abdul:** Tuan Yang di-Pertua, pembangunan Kampung Baru, kita ingat, kita dengar rata-rata ahli masyarakat ataupun termasuk pembangkang biasanya menyalahkan kerajaan, Dewan Bandaraya kerana tidak boleh membangunkan Kampung Baru. Apakah benar Yang Berhormat menyatakan bahawa sikap orang-orang atau penduduk Kampung Baru yang meletakkan harga tanah terlalu tinggi sehingga menyebabkan tidak berani pemaju hendak memajukan tanah berkenaan? Ini yang menyebabkan salah satu halangan besar yang menyebabkan Kampung Baru tidak dapat dibangunkan.

**Tengku Dato' Adnan bin Tengku Mansor:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat bagi Pendang. Itu adalah salah satu penyebab yang sebenarnya terhadap pembangunan Kampung Baru itu. Yang sebenarnya, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri telah melawat Kampung Baru daripada tahun 1991 dan

kita telah pun mengambil alih, sebenarnya mengambil alih tanah seluas 40.9 ekar pada bulan Jun tahun 1991.

Bermacam-macam cara telah kita cuba untuk melaksanakan pembangunan di Kampung Baru kerana kita juga bukan hendak kata kita malu tetapi kita rasa tidak tahu bagaimana hendak menjawab apabila ada pengunjung-pengunjung kita yang naik khususnya di hotel-hotel di persekitaran Kampung Baru terutamanya di tingkat tinggi. Apabila melihat satu kawasan di mana kawasan itu terlalu mundur, saya sendiri untuk makluman Yang Berhormat saya segan hendak mengatakan bahawa itu adalah tempat penghidupan orang-orang Melayu. Jadi kita akan cuba membangunkan. Itu yang telah saya sebutkan kepada Ahli Yang Berhormat bagi Arau tadi, kita akan bermula dengan Pasar Minggu itu sebagai suatu tempat pemangkin pusat perniagaan. Kita akan berkembang daripada situ untuk memajukan kawasan itu. Untuk makluman Yang Berhormat, kita akan memastikan bahawa pembangunan ini adalah merupakan ciri-ciri Malaysia dan juga ciri-ciri Melayu.

**Dato' Kamarudin bin Jaffar:** [Bangun]

**Tengku Dato' Adnan bin Tengku Mansor:** Ahli Yang Berhormat bagi Tumpat.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, Ahli Yang Berhormat bagi Tumpat.

**Dato' Kamarudin bin Jaffar:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya sekadar ingin meneruskan pandangan-pandangan daripada Yang Amat Berhormat bagi Arau. Yang Berhormat bagi Pendang.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, Yang Berhormat minta penjelasan, Yang Berhormat.

**Dato' Kamarudin bin Jaffar:** Ya, saya mohon penjelasan

**Tuan Yang di-Pertua:** Bukan membuat pandangan, ya.

**Dato' Kamarudin bin Jaffar:** Ya, memohon penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri berkaitan dengan sikap dan dasar Jabatan Perdana Menteri khususnya tentang pembangunan Kampung Baru, ekoran sebutan Yang Berhormat Menteri tadi bahawa kita tidak mahu menonjolkan imej satu-satu kaum.

Dalam kes Kampung Baru sebagaimana yang kita dengar tanahnya ada sejarah yang panjang hampir 100 tahun dan kepunyaan tanah itu pun ada sejarah yang sekurang-kurangnya sepanjang itu. Adakah saya dapat faham daripada Yang Berhormat sebutkan tadi bahawa konsep kepunyaan tanah dan sejarah 100 tahun ini akan dileburkan atas dasar tidak mahu menampakkan imej kemelajuan dan sebagainya untuk Kampung Baru itu? Atau saya silap faham di situ?

**Tengku Dato' Adnan bin Tengku Mansor:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Ahli Yang Berhormat bagi Tumpat, bukan bermakna kalau kita meminta peniaga asing datang ke Kampung Baru atau pun orang Melayu pergi berniaga di Petaling Street bermakna harta itu akan pupus. Mereka akan hanya dibenarkan untuk menyewa ruang-ruang yang mereka melaksanakan perniagaan.

Apa yang kita hendak lakukan ialah untuk memastikan seperti yang telah saya sebutkan lebih awal tadi supaya pengembangan perniagaan itu akan berlaku *vibrancy* - dengan izin - kawasan itu akan dapat dipercepatkan kalau kita hanya menumpukan dengan suatu perniagaan ataupun dengan suatu cara, satu bangsa sahaja untuk menjual barang-barang yang sedia mereka lakukan, jika tidak membuat percampuran-percampuran yang lain.

Kita akan pastikan bahawa kepunyaan hak milik itu akan kekal walaupun kita telah tubuhkan berbagai-bagai *committee* di Kampung Baru itu sendiri. Tetapi penegasannya ialah untuk memastikan bahawa hak itu ialah hak milik yang asal ataupun hak milik bangsa Melayu itu sendiri kerana kita tidak mahu seperti Yang Berhormat telah sebutkan tadi, kita tidak, dengan izin, *short count anybody but to make sure that everybody will gain from what we have planned for the future of Kuala Lumpur*. Tadi ada Yang Berhormat daripada.....

**Tuan Ramli bin Ibrahim:** [Bangun]

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, Ahli Yang Berhormat bagi Kota Bharu.

**Tuan Ramli bin Ibrahim:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat. Kalau mengikut Akta Pengambilan Tanah 1990 misalnya, kalau kita mengambil tanah Rizab Melayu mesti diganti. Kalau kita ambil tanah Rizab Melayu di mana-mana di Malaysia mesti diganti.

Saya ingin tahu di Wilayah Persekutuan misalnya, apakah tanah-tanah Rizab Melayu termasuk yang sudah diambil ataupun yang di Kampung Baru itu, kalau diambil oleh kerajaan untuk pembangunan ataupun dijual kepada orang lain, apakah ada satu dasar kerajaan supaya tanah ini diganti semula, sebab mengikut angka-angka dan statistik yang kita ada terdapat lebih daripada 500,000 hektar tanah di Wilayah Persekutuan yang telah diambil alih oleh kerajaan dan tidak diganti. Kalau dapat sedikit penjelasan oleh menteri yang berkenaan. Terima kasih.

**Tengku Dato' Adnan bin Tengku Mansor:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Masalah seperti yang telah saya sebutkan tadi, masalah Wilayah Persekutuan ini ada berbeza dengan negeri-negeri yang lain di mana tanah Rizab Melayu ini mesti diganti kalau diambil alih. Untuk makluman Yang Berhormat, bagi Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, tanah Rizab Melayu pun tidak begitu banyak yang sebenarnya.

Kita akan memastikan pembangunan dilaksanakan oleh orang-orang Melayu itu sendiri ataupun tuan punya itu sendiri dan dengan pertolongan agensi-agensi kerajaan yang sedia ada dan kita akan memastikan bahawa tanah-tanah ini masih dikekalkan milik di tangan Melayu. Hanya masalah yang wujud ialah masalah di mana apabila kita hendak membina pembetung atau memperbaiki keadaan sungai ataupun untuk membangunkan jalan-jalan raya di atas tanah-tanah milik Melayu ini, ini adalah untuk kepentingan masyarakat. Jadi tanah-tanah ini selalunya tidak digantikan seperti mana yang telah saya sebut kepada Yang Berhormat bahawa negeri Wilayah Persekutuan ini berbeza dengan negeri-negeri yang lain.

Untuk makluman Yang Berhormat bagi Arau, Yang Berhormat juga telah menanyakan tanah-tanah rizab yang terbiar. Tanah-tanah rizab bagi jalan dan sungai adalah untuk pembesaran dan pelbagai kegunaan yang berkaitan dengan jalan dan sungai. Kita sedar bahawa ada tanah-tanah ini yang mempunyai harga yang begitu tinggi, tetapi oleh kerana kadang kala tanah ini pun bukan milik kerajaan, dibiarkan oleh tuan-tuan punya oleh kerana kegawatan-kegawatan yang wujud pada tahun 1997 dan sebelum daripada itu, maka tanah-tanah ini dibiarkan untuk digunakan dengan penggunaan-penggunaan yang lain. Walau macam mana pun, kita sedang memantau keadaan-keadaan tanah yang terbiar ini supaya tanah-tanah ini dapat dibangunkan dengan pembangunan-pembangunan yang sesuai. Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Jeli tadi telah membangkitkan .....

**Dr. Tan Seng Giaw:** [Bangun]

**Puan Teresa Kok Suh Sim:** [Bangun]

**Tuan Yang di-Pertua:** Hah, ada dua orang bangun, ya.

**Tengku Dato' Adnan bin Tengku Mansor:** Ahli Yang Berhormat bagi Kepong lah.

**Yang Berhormat:** Ahli Yang Berhormat bagi Kepong.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, penjelasan. Mengenai bayaran untuk ukur tanah lot, saya tidak tahu apakah pendapat Jabatan Tanah. Tidak seperti yang dijelaskan oleh Ahli Yang Berhormat bagi Pendang semalam. Saya ada bukti di sini [Menunjukkan satu risalah kepada Tuan Yang di-Pertua] sebab di Pendang, Yang Berhormat, dia tidak serupa dengan Wilayah Persekutuan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, saya pun faham.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Ya, di sini saya ada buktinya, beribu-ribu penduduk di Jinjang telah membayar RM250 untuk ukur tanah lot dan juga RM20 bagi tanda sempadan. Dan mereka diberi hak milik sementara sahaja. Tidak ukur, tidak ada ukur lagi, Pendang ini

kita hendak dia, kerana dia tidak duduk di Wilayah Persekutuan, dia tidak tahu hal selok-belok sehingga dirimpak. Itu masalah, saya hendak beri dia tahu, kemudian kita boleh bincang, saya beritahu, banyak .....

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat hendak bertanya kepada Menteri, Yang Berhormat.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Ya, Menteri.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, bukan hendak beritahu kepada Pendang ya.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Ya, ya, betul juga, kita beri Menteri tahu supaya Menteri pun beri dia tahulah, apa hal di Wilayah Persekutuan mengenai tanah ini. Sebab Pendang dia hendak mengada-adakan, baru masuk ke Dewan mengada-adakan macam itu.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, sila, sila, apa yang hendak ditanya ya.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Ya, sila, sila dan di sinilah kalau kita kira 1,000, 2,000 orang yang membayar, RM250 di dalam tempoh tujuh lapan tahun ini sudah bayar RM500,000 dan kalau kita kira 3,000 yang bayar sudah meningkat kepada RM750,000, tetapi bilakah kita boleh memastikan semua ukuran itu dibuat, kerana ada kekurangan kakitangan di Kementerian Tanah, kekurangan kakitangan di Jabatan Ukur dan sebab itulah tidak dapat menjalankan tugas dan Pendang mesti tahu, tidak cukup bilangan juruukuranya. Itu masalahnya sekarang. Saya berharap Yang Berhormat dapat menolong kita semualah, macam mana kita boleh menyelesaikan masalah di Wilayah Persekutuan, jangan kita pandang kepada Pendang sahaja, itu tidak ada masalah seperti ini.

**Tengku Dato' Adnan bin Tengku Mansor:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat bagi Kepong, yang pertama sekali saya tidak faham apa Yang Berhormat telah sebutkan. *[Ketawa]*

**Dr. Tan Seng Giaw:** Minta pandangan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Minta pandangan, nanti sekejap Yang Berhormat, nanti sekejap Yang Berhormat.

**Tengku Dato' Adnan bin Tengku Mansor:** Yang kedua .....

**Tuan Yang di-Pertua:** Dia hendak menjawab yang kedua itu. Ya.

**Tengku Dato' Adnan bin Tengku Mansor:** Yang kedua, berkenaan dengan pengukuran-pengukuran tanah, Yang Berhormat daripada parti pembangkang ini selalu menyalahkan pegawai kerajaan dan pejabat kerajaan kononnya tidak mempunyai pegawai dan sebagainya. Saya telah dimaklumkan ada juga yang membuat permohonan-permohonan ini tidak mematuhi syarat-syarat yang telah diberi oleh kerajaan. Walau macam manapun, untuk memendekkan masa Dewan ini, saya memohon Yang Berhormat untuk menyerahkan kepada saya, apa masalah Yang Berhormat supaya saya dapat bertanya kepada Jabatan Tanah Wilayah Persekutuan, bagaimana saya dapat menyelesaikan masalah apa Yang Berhormat hadapi dalam kawasan Yang Berhormat.

**Dr. Tan Seng Giaw:** *[Bangun]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Hah, cukuplah Kepong. Kepong cukup, cukup.

**Tengku Dato' Adnan bin Tengku Mansor:** Saya beri kepada Pendang.

**Tuan Yang di-Pertua:** Pendang.

**Dato' Othman bin Abdul:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya hendak kata Kepong ini memang lama juga dalam Parlimen, tetapi otak tidak berubah, saya tidaklah kata 'bodoh', tetapi dia sebut tadi wang permohonan, saya sebut dahulu wang permohonan memang semua kena, kalau di Pendang kena RM50, Wilayah kena RM100 tetapi premium selepas disukat kena, kenalah faham sedikit Yang Berhormat, hendak belajar datang kepada saya boleh, saya bekas Pemungut Hasil Tanah, bukan bodoh sangat.

**Tuan Yang di-Pertua:** Cukuplah, cukuplah Yang Berhormat. cukuplah Yang Berhormat, cukup, cukup.

**Tengku Dato' Adnan bin Tengku Mansor:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Pendang.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, ya.

**Tengku Dato' Adnan bin Tengku Mansor:** Seperti yang telah saya sebutkan, Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Kepong kena faham, sila majukan perkara itu kepada pejabat saya, insya-Allah, saya akan cuba menyelesaikan.

**Dr. Tan Seng Giaw:** [Bangun]

**Tuan Yang di-Pertua:** Cukuplah Yang Berhormat.

**Tengku Dato' Adnan bin Tengku Mansor:** Minta Seputeh.

**Puan Teresa Kok Suh Sim:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Menteri, tadi bila saya berucap, Yang Berhormat Menteri cuba menghentikan ucapan saya kerana kata ucapan saya tidak kena-mengena dengan rang undang-undang ini, tetapi Yang Berhormat Menteri tadi telah memberi jawapan yang begitu panjang lebar tentang pembangunan di Kampung Bahru KL, jadi apakah pembangunan Kampung Bahru di Kuala Lumpur kena-mengena dengan pindaan rang undang-undang kita hari ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya.

**Tengku Dato' Adnan bin Tengku Mansor:** Tuan Yang di-Pertua, tadi saya daripada awal, daripada mula tadi saya telah sebut kepada Ahli-ahli Yang Berhormat, saya tidak perlu menjawab, kerana Ahli-ahli Yang Berhormat ini tidak faham rang undang-undang yang saya bentang dalam Dewan ini, tetapi walau macam manapun, saya kata sebagai orang yang bertanggungjawab dan kerajaan yang bertanggungjawab, saya akan menjawab soalan-soalan yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat.

Ahli Yang Berhormat bagi Seputeh, untuk makluman Tuan Yang di-Pertua, adalah daripada kawasan saya, dia suka hanya hendak menuduh saya yang saya buat segala-galanya tidak betul dalam kawasan Seputeh, yang sebenarnya untuk makluman Tuan Yang di-Pertua dan Dewan, sayalah yang menjaga rakyat dalam kawasan Seputeh, bukan Ahli Yang Berhormat bagi Seputeh. Saya teruskan Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan pertanyaan Ahli Yang Berhormat bagi Jeli, mesyuarat jawatankuasa tanah yang kononnya jarang-jarang mesyuarat. Yang sebenarnya untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kita ada tujuh wakil dalam jawatankuasa tanah yang dipengerusikan oleh Tan Sri KSN dan untuk Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, mesyuarat diadakan setiap tiga minggu sekali dan untuk Labuan enam minggu sekali dan untuk Putrajaya dua bulan sekali. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kuorum untuk mesyuarat ialah empat orang.

Kelewatan mengeluarkan hak milik strata di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, adalah disebabkan kadangkala kegagalan pemaju mengemukakan permohonan yang lengkap dan kegagalan mematuhi keperluan teknikal. Oleh sebab itu, Pejabat Tanah Wilayah Persekutuan tidak dapat meluluskan pelan, dengan izin, '*the certified plan*', dan seterusnya hak milik strata tidak dapat dikeluarkan.

Pada masa ini Jabatan Tanah dan Galian Wilayah Persekutuan ada mewujudkan satu *one-stop-agency* untuk menyelesaikan masalah-masalah yang wujud. Kita sedar apa Yang Berhormat telah bangkitkan dan kita akan cuba mengatasi masalah-masalah seperti apa Yang Berhormat telah sebutkan terhadap masalah-masalah di Pertama Kompleks dan sebagainya, dan untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Piagam Pelanggan bagi Pejabat Tanah Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, untuk hak milik strata itu sendiri, kalau semuanya mengikut apa yang hendak dikehendaki oleh Pejabat Tanah, selewat-lewatnya dalam 232 hari, hak milik akan dikeluarkan kepada pemohon. Silakan Yang Berhormat.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, Jeli.

**Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih dan Yang Berhormat Menteri. Saya fikir angka bilangan hari yang diberikan lebih kurang dalam lapan ke sembilan bulan, okey, boleh diterimalah. Tetapi sekiranya kelewatan masih berlaku, berapa lama lagi tempoh yang boleh dimaafkan oleh pemohon-pemohon. Boleh atau tidak boleh kita kira timbal balik. Kalau lewat orang bayar cukai, kita kenakan penalti, kalau permohonan itu menepati syarat, boleh ataupun tidak boleh pihak pemohon dikecualikan beberapa bayaran, kerana kesilapan itu dilakukan oleh pihak yang bertanggungjawab.

Mereka telah memenuhi syarat-syarat, tetapi kerana kelewatan di pihak kerajaan, menyebabkan permohonan tersebut itu lewat, boleh ataupun tidak boleh kita buat timbal balik, yang ini lewat bayar, dikenakan penalti, yang ini lewat lulus minta dikurangkan cukai-cukai yang sepatutnya, barulah saya fikir kesungguhan akan ada di pihak kerajaan. Minta pengakuan, insya-Allah.

**Tengku Dato' Adnan bin Tengku Mansor:** Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada sahabat saya daripada Jeli. Dia minta saya buat pengakuan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, setiap apa yang kita hendak perakukan, kita mesti berbincang dengan pegawai-pegawai Jabatan Tanah Wilayah Persekutuan. Cadangan Yang Berhormat itu, saya akan,.... mereka pun ada bersama-sama di dalam Dewan yang mulia ini, kita akan berbincang dan barangkali kita boleh melihat cadangan Ahli Yang Berhormat itu supaya ia menjadi suatu, dengan izin, *challenge*, bagi jabatan untuk memastikan bahawa *strata titles* yang diperlukan mengikut piagam pengguna yang telah kita tetapkan.

Tetapi setakat yang telah dimaklumkan kepada saya oleh pegawai-pegawai setakat hari ini, kesemua yang mengikut peraturan, dikeluarkan lebih awal daripada hari yang telah saya sebutkan. Dan saya berkeyakinan bahawa pegawai-pegawai Jabatan Tanah Wilayah Persekutuan tahu masalah dan memang bekerja dengan tungkus lumus untuk memastikan bahawa hak-hak milik strata ini dan hak-hak milik tanah-tanah lain dapat diselesaikan dengan secepat mungkin.

Yang Berhormat juga telah membangkitkan tadi, siapakah pihak berkuasa di negeri Wilayah Persekutuan. Bagi Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, berkenaan dengan Kanun Tanah Negara, yang berkuasa berkenaan dengan tanah, seperti mana yang telah saya sebutkan tadi, ialah diberi kepada Jemaah Menteri dan telah diwakilkan kepada jawatankuasa yang telah saya sebutkan tadi, terdiri daripada Ketua Setiausaha Negara, Ketua Pengarah Tanah dan Galian, Datuk Bandar Kuala Lumpur, wakil Kementerian Kewangan, wakil Jabatan Perdana Menteri dan Jabatan Perancang Bandar dan Desa.

Yang Berhormat juga telah bangkitkan berkenaan dengan masalah Malay Agriculture Settlement (MAS) dan berkenaan dengan penurunan kuasa untuk meluluskan pembangunan pada tahun 1995 kepada Jawatankuasa MAS bagi Kampung Bahru. Yang sebenarnya ini telah ditarik balik. Pada ketika dahulu kita memang membenarkan jawatankuasa ini untuk meluluskan rumah dua tingkat sahaja dalam kawasan Kampung Bahru. Dan untuk makluman Ahli Yang Berhormat, segala pembangunan Kampung Bahru sekarang ini terletak di atas bidang kuasa Dewan Bandaraya Kuala Lumpur dan tidak lagi di atas kuasa yang telah disebutkan tadi oleh MAS.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, Kepong bangun Yang Berhormat ya.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, ini mengenai Kampung Barulah, lebih sepuluh tahun yang lepas Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pernah mencadangkan satu projek di Kampung Baru dan dianggarkan pampasan untuk mengambil alih kawasan itu mungkin tidak sampai RM20 juta RM30 juta, tetapi apabila penduduk menuntut lebih RM100 juta ataupun RM200 juta, Yang Amat Berhormat datang ke sini untuk mengumumkan bahawa projek itu dibatalkan. Apakah terjadi dengan projek seumpama ini Yang Berhormat? Adakah cadangan Yang Berhormat untuk mengadakan projek yang baru di kawasan itu?

**Tengku Dato' Adnan bin Tengku Mansor:** Tuan Yang di-Pertua, seperti yang disebut oleh Pendang, dia kata dia sudah lama dalam Dewan, tadi saya sudah bincang berkenaan dengan Kampung Baru, barangkali Yang Berhormat lewat saya tidak taulah.

Saya telah maklum berkenaan dengan perancangan-perancangan pembangunan Kampung Baru dan saya ingat tidak payahlah saya ulang, kalau Yang Berhormat perlu kenyataan itu dengan cara bertulis, saya sanggup memberi kenyataan bertulis kepada Ahli Yang Berhormat.

Ahli Yang Berhormat bagi Wangsa Maju telah membangkitkan berkenaan dengan perbezaan bayaran premium di atas kelulusan melanjut tempoh pajakan hak milik dengan lesen menduduki sementara. Kadar premium yang berbeza ini disebabkan tarikh permohonan yang berbeza kepada Pejabat Tanah dan Galian Wilayah Persekutuan dan ini yang menjadi salah satu sebab di mana perbezaan-perbezaan harga ataupun penyewaan yang telah berlaku. Oleh sebab tarikh yang tidak sama, Jabatan Penilaian dan Harta Wilayah Persekutuan juga akan menilai sesuatu tanah itu mengikut masa dan yang berbeza berdasarkan nilai pasaran buat waktu dan masa yang dipohon, tanah yang dipohonkan itu. Ahli Yang Berhormat bagi Bukit Bintang .....

**Tuan Yang di-Pertua:** Kota Melaka bangun, Yang Berhormat.

**Tuan Kerk Kim Hock:** Boleh saya tanya Yang Berhormat Menteri untuk memberitahu Dewan ini, apakah formula yang digunakan untuk mengira kadar premium yang harus dibayar oleh sesiapa yang telah mendapat tanah? Saya beri satu contoh di mana saya rasa kadang-kadang kerajaan sendiri telah menyalahgunakan kadar atau menyalahgunakan pengiraan kadar itu dan telah menguntungkan satu syarikat.

Saya beri satu contoh sahaja, di Melaka di Talasco, siapa yang pergi melawat ke Melaka akan nampak bangunan besar Talasco, pada tahun 1995 kerajaan telah memberikan tanah adat Melayu ini kepada sebuah syarikat dan kos satu kaki persegi yang dikenakan ke atas syarikat itu adalah RM1 termasuk kos premium dan sebagainya. Enam tahun kemudian tanah itu dijual oleh syarikat ini kepada Talasco. Kos yang telah dibayar oleh Talasco sebanyak hampir RM37 satu kaki persegi. Apakah ini? Manfaat kepada siapa? Ini syarikat, dan yang untung bukan orang Melayu yang awalnya mempunyai tanah itu. Jadi apakah langkah yang boleh diambil untuk menjaga - seperti apa yang telah berlaku di Melaka - menjaga kepentingan rakyat maksud saya.

**Tengku Dato' Adnan bin Tengku Mansor:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Ahli Yang Berhormat bagi Kota Melaka. Seperti yang telah saya sebutkan tadi, nilai tanah itu berdasarkan kepada tarikh yang telah dipohon dan jika terdapat enam tahun yang lepas, barangkali harga tanah itu murah daripada RM1 kita tidak tahu. Itu pandangan Yang Berhormat.

**Tuan Kerk Kim Hock:** *[Menggelengkan kepalanya]*

**Tengku Dato' Adnan bin Tengku Mansor:** Yang Berhormat menggeleng kepala, tetapi inilah kadar-kadar yang barangkali ketika itu, dan enam tahun kemudian oleh kerana persekitaran kawasan itu telah membangun, maka nilai tanah yang telah diambil alih oleh syarikat tersebut telah pun meningkat dan kebetulan ada syarikat yang sanggup membeli dengan harga demikian rupa, ia akan menjualnya kerana ia memberi pulangan kepada tuan punya yang asal.

Walau macam manapun, apa yang Yang Berhormat telah sebutkan kita juga akan mengambil kira bagaimana cara perbezaan-perbezaan yang dapat dilakukan berkenaan dengan nilai-nilai yang dilakukan oleh kerajaan. Kadangkala dalam pembelian tanah antara satu pihak dengan satu pihak dia ada *the willing seller and the willing buyer*, dengan izin. Kadangkala dengan izin, *the prices which they pay are sometimes ridiculous, but as far as the government is concerned, the rate that the government has pegged, the amount to be sold to the person who applied earlier is the actual price* atau harga yang sebenarnya. Walau macam manapun, untuk .....

**Tuan Kerk Kim Hock:** *[Bangun]*

**Tengku Dato' Adnan bin Tengku Mansor:** Okay, sila.

**Tuan Kerk Kim Hock:** Kalau formula itu betul harga pada enam tahun dahulu itu tidak akan menjadi RM1. Kalau betul-betul formula yang digunakan menentukan harga tanah itu termasuk semua kos yang telah dibayar oleh syarikat iaitu RM1 satu kaki persegi,

juallah kepada saya RM2 saya beli. Ini bukan, ini tidak profesional. Inilah taktik-taktik pemimpin-pemimpin Barisan Nasional yang telah memberi manfaat kepada sesebuah syarikat. Inilah tuduhan rakyat, tetapi kalau kita datang ke Dewan jawapan adalah demikian, demikian, *we don't want to look at the real problem*. Marilah ke Melaka, buatlah siasatan, tanyalah rakyat apakah yang telah dilakukan oleh Kerajaan Negeri Melaka dari dahulu sehingga sekarang. *I challenge you come to the town and listen to the rumours*.

**Tengku Dato' Adnan bin Tengku Mansor:** Tuan Yang di-Pertua, yang pertama sekali saya tidak ada kena mengena dengan Kerajaan Negeri Melaka. Walau macam manapun, kerana dia telah sentuh berkenaan dengan Barisan Nasional, ini adalah tuduhan. Kalau Yang Berhormat fikir dan pandang bahawa ada penyelewengan telah dilakukan, saya menyarankan kepada Yang Berhormat supaya membuat laporan. Yang masalahnya Yang Berhormat-Yang Berhormat dalam Dewan ini, khususnya pembangkang, dia menuduh kerajaan dan menuduh ahli-ahli politik Barisan Nasional semuanya menyeleweng.

Yang sebenarnya kalau ada perkara-perkara yang dituduh itu benar-benar berlaku, sila buat laporan. Kita akan menyiasat dan sudah pasti kerajaan akan mengambil tindakan kerana kita ini adalah sebuah kerajaan yang prihatin, bukan kerajaan yang hanya untuk memikirkan kepentingan-kepentingan individu ataupun kepentingan-kepentingan orang-orang yang tertentu. Saya cadangkan kepada Yang Berhormat, janganlah kita menuduh dengan melulu. Kalau ada fakta-fakta yang benar, sila laporkan. Saya berkeyakinan bahawa apabila fakta itu betul, jangan kita - dengan izin - *hearsay*, orang bercakap kita pun mulai buat tuduhan, maka akhirnya kita akan menjadi seperti majnun, minta maaf. *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan Bukit Bintang. Yang Berhormat bagi Bukit Bintang telah bangkitkan berkenaan dengan status tanah kerajaan di Jalan Imbi. Untuk makluman Yang Berhormat bagi Bukit Bintang, DBKL mengekalkan lebih kurang 60 ekar untuk *city park*, dengan izin, bagi kemudahan warga kota. Selainnya ialah untuk kegunaan sementara. Seperti apa yang telah Yang Berhormat sebutkan tadi yang telah kita beri kawasan-kawasan kepada pengusaha-pengusaha yang lain dalam kawasan itu ialah untuk kegunaan sementara.

**Tuan Fong Kui Lun:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri. Penjelasan saya minta tentang 105 ekar tanah yang dulunya kuarters kakitangan kerajaan. Saya difahamkan bahawa dekat 40 ekar tanah diberi kepada syarikat swasta memajukan tanah itu dengan sewa dalam tempoh kalau tidak silap saya tiga tahun, dari jawapan daripada Jabatan Perdana Menteri. Saya pertikaikan sebab sebelum tanah itu disewa kepada pemaju ini ada seorang kakitangan yang bekerja di pejabat tanah, kerani besar (CC) yang menyewa tanah itu dalam tempoh tiga tahun untuk satu tapak kereta tetapi dihalau keluar tanpa ada pampasan. Semua gaji dan simpanan beliau telah dibelanjakan untuk memajukan tanah itu tetapi dipecahkan. Ini satu kesilapan yang dibuat oleh pejabat tanah. Seorang kakitangan kerajaan pun dibuat macam ini. Macam mana rakyat jelata yang lain?

**Tuan Yang di-Pertua:** Apa yang hendak ditanya, Yang Berhormat?

**Tuan Fong Kui Lun:** Saya ingin tanya adakah Jabatan Perdana Menteri memberi ganti rugi kepada beliau sebab saya kasihan kakitangan kerajaan. Dan juga tentang tanah 105 ekar di pusat bandar Kuala Lumpur. Bukit Bintang salah satu kawasan yang tidak ada projek PPR. Dalam DBKL 1984 dijangka ada penduduk di Kuala Lumpur seramai 2.2 juta, tetapi hakikatnya dalam tahun 2000 hanya 1.42 juta sahaja di Kuala Lumpur. Ini bermakna kerajaan telah mengabaikan pembangunan projek-projek di pusat bandar khususnya di Bukit Bintang. Saya berharap Yang Berhormat Menteri memberi penjelasan yang lebih lanjut. Terima kasih.

**Tengku Dato' Adnan bin Tengku Mansor:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada kawan saya Yang Berhormat bagi Bukit Bintang. Sebenarnya untuk makluman Yang Berhormat, di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur tanah-tanah adalah terhad. Kita akan menggunakan guna tanah ini dengan sebaik mungkin. Kalau kita hendak membangunkan dalam kawasan yang telah Yang Berhormat sebutkan seperti di Jalan Imbi untuk dibangunkan rumah PPR, kita juga dengan izin, terpaksa *check the traffic flow and all the other amenities* dalam kawasan tersebut.

Jadi, pada pandangan kerajaan dan DBKL bahawa kita akan kekalkan 60 ekar untuk digunakan sebagai *city park*. Kegunaan *city park* ini adalah satu taman untuk kegunaan warga kota Kuala Lumpur. Untuk makluman Yang Berhormat, kita juga sebelum melakukan *city park* ini kita juga sedang merancang barangkali kita akan membina enam ataupun lapan padang bola dalam kawasan itu secara sementara untuk memberi ruang khususnya kepada anak-anak belasan tahun untuk pergi bermain bola dalam kawasan yang tersebut.

**Tuan Fong Kui Lun:** [Bangun]

**Tengku Dato' Adnan bin Tengku Mansor:** Nanti Yang Berhormat, biar saya jawab dahulu. Untuk makluman Yang Berhormat, kita sedar bahawa dalam kawasan-kawasan Yang Berhormat ini tanah-tanah yang ada dan penduduk dalam kawasan itu amat padat. Bukanlah mudah untuk kita menyiapkan suatu bangunan ataupun dua tiga bangunan untuk diberi kepada projek rumah kos murah kerana untuk makluman Yang Berhormat kita juga telah membuat satu zon kawasan dalam Dewan Bandaraya Kuala Lumpur di mana kawasan Yang Berhormat adalah kawasan CBD (*Central Business District*). Jadi, kita kena menjaga keadaan permukaan tanah, kegunaan tanah dan apa yang patut dilaksanakan dalam kawasan tersebut.

Kita sedar bahawa di kawasan Yang Berhormat juga mempunyai kawasan-kawasan setinggan. Kita juga akan cuba memindahkan mereka ini kepada rumah-rumah yang lebih selesa. Yang Berhormat juga mesti memainkan peranan kepada penduduk-penduduk setinggan ini, kadangkala mereka mengatakan apabila kita hendak menghantar mereka di kawasan lain daripada tempat asal mereka duduk, mereka kata jauh. Yang sebenarnya, untuk makluman Yang Berhormat, dahulu waktu kita di Kuala Lumpur, Kepong adalah jauh daripada bandar Kuala Lumpur. Salak South New Village pun jauh daripada Kuala Lumpur. Tetapi oleh kerana infrastruktur yang telah dibangunkan dengan baik oleh Kerajaan Barisan Nasional maka semuanya berdekatan sekarang dan tidak jauh. Sila.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya.

**Tuan Fong Kui Lun:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Menteri. Tentang setinggan yang tadi Yang Berhormat Menteri sebutkan, kita tidak pertikai kalau kerajaan hendak menempatkan semula semua setinggan di Wilayah Persekutuan. Tetapi apa yang saya pertikaikan ialah kita harus prihatin kepada murid-murid bersekolah yang tinggal di sekeliling yang tadi saya sebut Kampung Hainan dan Kampung Khatijah, mereka yang sedang menunggu untuk peperiksaan dalam UPSR, PMR, SPM dan STPM. Jika kampung tersebut dipindah begitu jauh sehingga 10 hingga 12 kilometer dekat sempadan Selangor, Selayang dan juga kerajaan khususnya DBKL ada projek-projek di sekeliling seperti di Kampung Sam Yoke, Kampung Pantai Dalam dan juga di Jalan Peel yang terdekat. Mereka harus menetap di tempat itu dengan tersusun dan teratur, tidak menjejaskan budak-budak sekolah. Ini akan menjejaskan masa depan mereka. Saya tidak pertikai kalau kerajaan mahu pindah tetapi beri masa yang lebih cukup.

**Tengku Dato' Adnan bin Tengku Mansor:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Bukit Bintang. Dewan Bandaraya Kuala Lumpur sekarang mengamalkan satu konsep di mana kita terpaksa kerana kita hendak mencapai, dengan izin, zero setinggan *by the year 2005*, yang dipanggil setinggan sifar. Jadi, kita terpaksa memindahkan orang-orang dalam kawasan-kawasan yang difikirkan memang tidak sesuai, pertama tidak sesuai untuk mereka duduksi.

Saya faham apa yang Yang Berhormat telah sebutkan masalah sekolah dan sebagainya, tetapi untuk makluman Yang Berhormat kawasan-kawasan yang telah Yang Berhormat sebutkan tadi, dengan izin, *actually is unbearable to live in. You cannot live in that sort of condition with the water, the stagnant water and all sorts of conditions inside that kawasan*. Walau macam manapun, untuk makluman Yang Berhormat, Yang Berhormat telah menyuarakan masalah berkenaan dengan pemindahan daripada ketiga-tiga kawasan ke Taman Wahyu. Saya akan berbincang dengan pegawai DBKL kalau ada tempat-tempat yang berdekatan dengan kawasan itu, barangkali kita akan pindahkan mereka berdekatan dengan Brickfields.

Setakat pengetahuan saya sehingga hari ini tidak ada kawasan-kawasan PPR yang berdekatan dengan Brickfields. Walau macam mana pun, pegawai-pegawai saya ada di belakang sana, mereka akan membuat catatan dan kalau tempat-tempat yang diperlukan dalam kawasan-kawasan yang telah Yang Berhormat sebutkan, kita akan pindahkan di kawasan-kawasan yang telah disebutkan.

**Tuan Fong Kui Lun:** *[Bangun]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Selepas ini cukuplah, cukuplah. Sila teruskan selepas ini tidak ada lagi ya.

**Tuan Fong Kui Lun:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.....

**Tuan Yang di-Pertua:** Ada banyak lagi.

**Tuan Fong Kui Lun:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Kita harus nampak balik kepada sejarah sebab tapak ini wujud sebelum merdeka. *[Tepuk] [Sorak]* Mereka sudah duduk di sana 50 hingga 60 tahun. Walhal dua projek yang telah Yang Berhormat sebut belum ada rancangan untuk memajukan projek di tapak itu. Inilah kita harus pertimbangkan. Kalau ada projek dimulakan, memindahkan setinggian kepada penempatan semula, kita akur tetapi haruslah kita pertimbangkan kesusahan yang mereka hadapi.

**Tengku Dato' Adnan bin Tengku Mansor:** Tuan Yang di-Pertua, masalah Kuala Lumpur khususnya rakyat yang ingin duduk dalam bandar tetapi dia tidak mahu berfikir seperti orang duduk dalam bandar. Ini masalah yang sebenarnya. Saya sedar bukan sahaja kawasan yang Yang Berhormat telah sebutkan tadi. Saya juga sebagai Pengerusi Barisan Nasional Wilayah Persekutuan kita tahu masalah-masalah yang wujud tetapi kita juga mesti menyedarkan minda rakyat yang duduk di kawasan-kawasan setinggian ini walaupun mereka telah menyebut mereka perlukan pampasan, mereka perlukan rumah di atas tanah, tidak mahu duduk di flat ataupun rumah-rumah bertingkat tetapi kita mesti menukar minda mereka.

Masalah Yang Berhormat-Yang Berhormat daripada pembangkang ini selalunya mengadu-domba mereka ini supaya tidak mahu mengikut dasar yang telah diketengahkan oleh kerajaan. Yang sebenarnya kerajaan hendak memberi keselesaan kepada mereka dengan mempunyai segala-gala kemudahan asas seperti air, elektrik dan juga telefon dan kemudahan-kemudahan lain dalam tempat yang mereka akan menghuni pada masa akan datang. Seperti yang telah saya sebutkan tadi, untuk memendekkan masa, saya akan berbincang dengan pegawai saya jika ada kawasan-kawasan yang berdekatan dengan kawasan yang Yang Berhormat telah bangkitkan tadi, kita akan beri keutamaan kepada kawasan-kawasan yang berdekatan. Memang dasar kita selalunya begitu tetapi oleh kerana sebab-sebab yang tidak dapat dielakkan, oleh kerana kawasan persekitaran di Jalan Brickfields ....

**Dr. Tan Seng Giaw:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Kepong berdiri Yang Berhormat. Hendak bagi jalan?

**Tengku Dato' Adnan bin Tengku Mansor:** ...ataupun di Jalan Klang Lama tidak ada...

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ataupun terus, Yang Berhormat?

**Tengku Dato' Adnan bin Tengku Mansor:** Teruslah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ha, dia hendak terus. Cukuplah, Yang Berhormat.

**Dr. Tan Seng Giaw:** *Last, last!*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Sebab saya banyak kali dengar *last*. Tadi *last* juga.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Itu penjelasan yang terakhir bagi saya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya, itu bagi Kepong. Yang lain belum habis lagi.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Bagi sayalah. Ini soal memang sangat *relevant*.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** *Relevant* semua, Kepong. Sila.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Memang *relevant* khusus kepada rang undang-undang ini. Bagaimanakah Exco membuat keputusan? Ini memang *relevant*. Misalnya, tanah *reserve* di belakang rumah untuk jalan, untuk maksud yang tertentu, untuk keselamatan, untuk tong sampah dan sebagainya tetapi baru-baru ini, tahun yang lepas, pihak Jabatan Tanah membuat satu keputusan menjual tanah ini. Biasanya di antara belakang rumah itu 100 kaki, 5 kaki dijual kepada rumah sebelah sini dan 5 kaki dijual kepada rumah sebelah situ. Macam mana keputusan seumpama ini dibuat? Apakah keselamatan dan sebagainya? Saya hendak tahulah macam mana Exco buat keputusan ini sebab kita diminta untuk meluluskan keputusan-keputusan yang telah pun dibuat oleh pihak Exco Tanah Wilayah Persekutuan dan ini soal yang pokok dan terpenting sekali.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya, susah menteri hendak jawab itu.

**Tengku Dato' Adnan bin Tengku Mansor:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih sahabat saya, Yang Berhormat bagi Kepong. Saya pun terkejut apabila Yang Berhormat sebut berkenaan dengan dia boleh jual 5 kaki dan 5 kaki. Untuk makluman Yang Berhormat, saya berharap kalau perkara ini benar berlaku supaya Yang Berhormat laporkan kepada kita kerana...

**Beberapa Ahli:** *[Menyampuk]*

**Tengku Dato' Adnan bin Tengku Mansor:** Tidak! .... kerana untuk makluman, dengan izin, *the actual setback which is for approval of any dwelling house is at least 10 feet from the border at the back; and by the side, and both sides, against another dwelling house'* tetapi kalau yang di depan mengikut jalan besar, ia sekurang-kurangnya memerlukan 20 kaki. Jadi, saya pun terkejut apabila Yang Berhormat telah sebutkan tadi. Kalau betul apa Yang Berhormat tuduh ini benar, *[Disampuk]* hantar kepada saya dan saya akan tanya dengan.....

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Soalan ini soalan khusus, Yang Berhormat.

**Tengku Dato' Adnan bin Tengku Mansor:** Barangkali Yang Berhormat, ini bukan.....

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** *[Berkata sesuatu]*

**Tengku Dato' Adnan bin Tengku Mansor:** ...soalan Pejabat Tanah Wilayah Persekutuan. Barangkali ini adalah disebabkan oleh DBKL atau Majlis Perbandaran. Kalau Jabatan tanya, Yang Berhormat sila hantar kepada saya dan saya akan siasat perkara ini, insya-Allah. Kerana ini yang terkejut....

**Puan Teresa Kok Suh Sim:** Minta penjelasan.

**Dato' Kamarudin bin Jaffar:** *[Bangun]*

**Tengku Dato' Adnan bin Tengku Mansor:** ....kerana tiap-tiap kali Yang Berhormat bawa perkara ini di sini, selepas kes rumah sudah dibangunkan. Sepatutnya kes ini diketengahkan kepada kerajaan sebelum rumah dibangunkan, jadi kita boleh ambil tindakan. Masalahnya kita tidak tahu apa yang berlaku di bawah kerana undang-undang telah ada seperti yang telah saya sebutkan kepada Yang Berhormat tadi berkenaan dengan ruang belakang, ruang tepi dan ruang berhadapan dengan jalan. Jadi, kita pun tidak tahu.

Untuk makluman Yang Berhormat bagi Bukit Bintang, berkenaan dengan tanah perkuburan Cina di Jalan Lapangan Terbang Lama, Sungai Besi, setakat ini ia akan

dikekalkan sebagai seperti Yang Berhormat telah sebutkan tadi, kawasan hijau dan tidak ada perancangan untuk dibangunkan.

Untuk makluman Yang Berhormat, berkenaan dengan setinggan Kampung Pertama dan kampung di Chan Sow Lin yang terlibat dengan projek STORM yang melibatkan 700 keluarga setinggan, kerana kesegeraan projek ini, kita sedang melihat di manakah mereka ini akan ditempatkan dan mereka ini ditempatkan ke rumah-rumah pembangunan rumah rakyat yang telah siap. Tuan Yang di-Pertua, saya telah pun menjawab soalan-soalan....

**Puan Teresa Kok Suh Sim:** Minta penjelasan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Dia tidak bagi Yang Berhormat, sudah banyak itu.

**Tengku Dato' Adnan bin Tengku Mansor:** .....yang dibangkitkan....

**Puan Teresa Kok Suh Sim:** Minta jalan, Yang Berhormat Menteri.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Seputeh.

**Tengku Dato' Adnan bin Tengku Mansor:** .....oleh Ahli Yang Berhormat. Seputeh.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Jangan senyum-senyum. Soal sahaja, Yang Berhormat.

**Puan Teresa Kok Suh Sim:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya ada dua soalan untuk ditanya. Satu ialah bagaimana para penduduk setinggan di kawasan Parlimen Bukit Bintang ini boleh meletakkan keyakinan kepada kerajaan apabila EPU sendiri yang telah meluluskan keputusan yang mana rumah pangsa kos sederhana kepada semua penduduk setinggan Projek KL Linear City dijual kepada mereka, sekarang tukar keputusan kepada disewa kepada mereka. Ini yang pertama. Yang kedua, kerajaan berkata ingin menghapuskan semua kawasan setinggan pada tahun 2005. Jadi, adakah ini termasuk Pejabat UMNO di Seputeh, Cheras...

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Cukup Yang Berhormat.

**Puan Teresa Kok Suh Sim:** .....dan Bandar Tun Razak? *[Ketawa]*

**Seorang Ahli:** Buat laporan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Cukup, Yang Berhormat.

**Tengku Dato' Adnan bin Tengku Mansor:** Buat laporan. *[Ketawa] [Disampuk]* Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan *Linear City* yang selalu dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Seputeh, yang sebenarnya hakikat apabila projek tersebut telah dilaksanakan ialah supaya pemaju yang patut memajukan *Linear City* itu akan menyediakan rumah-rumah untuk dijual kepada orang-orang yang terlibat dalam kawasan *Linear City*. Mereka juga telah pun memberi sewa kepada orang-orang yang terlibat apabila mereka telah berpindah setelah menerima opsyen di mana mereka hendak membeli rumah yang RM42,000 tersebut. Tetapi malangnya, apabila projek ini tidak dapat dilaksanakan oleh pemaju tersebut, maka ini memberi masalah kepada orang-orang yang telah mengambil opsyen untuk membeli rumah tersebut dan kepada kerajaan pun memberi masalah.

Jadi, kerajaan dengan ihsan sebenarnya, membenarkan mereka ini yang tidak mempunyai rumah supaya diberi tempat perlindungan atau rumah yang disewa untuk sementara waktu kerana dasar kerajaan di Dewan Bandaraya Kuala Lumpur adalah semua rumah MTEN yang dibangunkan adalah untuk disewa. Kita tidak ada rumah yang dibangunkan oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan dalam negeri-negeri yang lain di mana ada projek yang dipanggil 'Rumah Mampu Beli'. Jadi, kita juga sedang berbincang dengan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan supaya kawasan-kawasan yang tertentu di dalam Kuala Lumpur ini juga dapat dibangunkan sebagai satu kawasan 'Perumahan Mampu Beli'. Jadi, saya mohon kepada Yang Berhormat bagi

Seputeh supaya menenangkan keadaan dan berbincang dengan 200 orang yang terlibat seperti yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat dan saya berkeyakinan barangkali daripada 200 orang tersebut, ada juga yang telah mengambil rumah-rumah PPR yang telah ditawarkan oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur. Tuan Yang di-Pertua, seperti mana yang telah saya sebutkan....

**Puan Teresa Kok Suh Sim:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Cukup, Yang Berhormat.

**Tengku Dato' Adnan bin Tengku Mansor:** ....lebih awal tadi.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Yang Berhormat, duduk.

**Tengku Dato' Adnan bin Tengku Mansor:** Saya teruskan...

**Puan Teresa Kok Suh Sim:** *KL Linear City, KL Linear City.*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya, teruskan.

**Tengku Dato' Adnan bin Tengku Mansor:** Saya tidak bagi way.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Cukup, Yang Berhormat.

**Puan Teresa Kok Suh Sim:** Jadi, adakah Yang Berhormat akan menjualkan...

**Tengku Dato' Adnan bin Tengku Mansor:** Seperti mana ...

**Puan Teresa Kok Suh Sim:** ...kepada mereka. Saya hendak ambil jawapan daripada menteri.....

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Cukup, Yang Berhormat.

**Puan Teresa Kok Suh Sim:** ... dan tunjuk kepada para setinggan di *KL Linear City*.

**Tengku Dato' Adnan bin Tengku Mansor:** Seperti mana tajuk rang undang-undang....

**Puan Teresa Kok Suh Sim:** Tuan Yang di-Pertua, dia tidak berani *commit* sekarang.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Janganlah begitu, Yang Berhormat.

**Tengku Dato' Adnan bin Tengku Mansor:** Saya tetap...

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Itu hak dia, Yang Berhormat.

**Tengku Dato' Adnan bin Tengku Mansor:** Seperti mana rang undang-undang yang telah saya bentang ini....

**Puan Teresa Kok Suh Sim:** Yang Berhormat Menteri tidak berani *commit*kah? Ini adalah untuk kawasan Seputeh.

**Tengku Dato' Adnan bin Tengku Mansor:** ...bertujuan hanyalah untuk menerima dan mengesahkan apa-apa tindakan yang telah dilaksanakan oleh Jawatankuasa Kerja Tanah Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur di bawah Kanun Tanah Negara 1965. Itu sahaja sebenarnya. Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat-Yang Berhormat...

**Dato' Kamarudin bin Jaffar:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Cukup, Yang Berhormat.

**Tengku Dato' Adnan bin Tengku Mansor:** ....yang telah mengambil bahagian. Di atas keprihatinan Yang Berhormat terhadap masalah-masalah....

**Puan Teresa Kok Suh Sim:** Yang Berhormat tidak jawab soalan saya.

**Tengku Dato' Adnan bin Tengku Mansor:** ...tanah yang wujud.

**Puan Teresa Kok Suh Sim:** Jawablah soalan saya!

**Tengku Dato' Adnan bin Tengku Mansor:** Kepada Yang Berhormat-Yang Berhormat, perkara-perkara yang tidak saya jawab, saya akan menanyakan perkara-perkara ini kepada pegawai-pegawai yang ada bersama-sama dengan saya dan kita akan cuba mengatasi masalah-masalah yang telah dibangkitkan selain daripada apa yang telah saya bentangkan. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya, terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis untuk diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Muhamad bin Abdullah) *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa.

**Fasal-fasal 1 hingga 2** diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang.

Majlis Mesyuarat bersidang semula.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

## RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN TAMBAHAN (2002) 2003

### Bacaan Kali Yang Kedua

**3.43 ptg.**

**Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa Rang Undang-undang bernama suatu Akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 2002 dan bagi memperuntukkan sejumlah wang itu untuk maksud-maksud tertentu bagi tahun itu dibacakan bagi kali yang kedua sekarang.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya, sila.  
**Anggaran Perbelanjaan Mengurus Tambahan Keempat, 2002 -**

**Dato' Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh:** Rang undang-undang ini meminta kebenaran bagi peruntukan berjumlah RM16,725,583,452.00 dikeluarkan daripada

Kumpulan Wang Disatukan untuk membiayai perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 2002 seperti yang ditunjukkan dalam Jadual dan Fasal 2 pada rang undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua, dari jumlah RM16,725,583,452.00 sejumlah RM14,816,512,074.00 perlu dipindahkan kepada Kumpulan Wang Pembangunan untuk membayar perbelanjaan pembangunan.

Mengikut subseksyen 10(A), Akta Prosedur Kewangan 1957, bayaran dari Akaun Hasil Disatukan kepada Kumpulan Wang Tertentu termasuk Kumpulan Wang Pembangunan hendaklah dilaksanakan melalui peruntukan undang-undang. Oleh yang demikian, lebih yang dipindahkan dari Akaun Hasil Disatukan sebanyak RM14,816,512,074.00 perlu ditunjukkan sebagai perbelanjaan mengurus di bawah Maksud B.30, peruntukan kepada Kumpulan Wang Terkanun.

Pindaan ini dilakukan setiap tahun apabila terdapat lebih dalam akaun hasil yang disatukan. Tambahan perbelanjaan mengurus melibatkan perbelanjaan tanggungan sebanyak RM617,290,349 dan perbelanjaan perbekalan kementerian dan jabatan sebanyak RM1,291,781,029. Hanya perbelanjaan perbekalan sahaja yang diminta diluluskan di bawah Fasal 2 rang undang-undang ini oleh kerana perbelanjaan tanggungan adalah tertakluk kepada perbekalan undang-undang tertentu. Jadi, Kepala P tidak payah dibahaskan. Peruntukan tambahan yang diminta diluluskan di bawah Fasal 2 rang undang-undang tersebut adalah seperti berikut:

Sebanyak RM5.2 juta di bawah Maksud B. 3 Jabatan Audit Negara untuk menampung tambahan dalam perbelanjaan emolumen ekoran daripada penstrukturan semula Jabatan Audit Negara, pelaksanaan Sistem Saraan Malaysia (SSM) dan bayaran imbuhan tahunan 2002 kepada anggota perkhidmatan awam.

Sebanyak RM4 juta di bawah Maksud B.5 Suruhanjaya Perkhidmatan Awam untuk membiayai perbelanjaan mengendalikan peperiksaan, kos percetakan dan pagedaran borang pendaftaran pekerjaan, kos pengiklanan, pengubahsuaian ruang-ruang pejabat, pembelian aset, bayaran sewa bangunan di Putrajaya dan bayaran elaun kepada Pekerja Khidmat Singkat.

Sebanyak RM57 juta di bawah B.7 Jabatan Perdana Menteri untuk menampung perbelanjaan Program Sangkutan dan Siswazah.

Sebanyak RM58.1 juta di bawah Maksud B.8 Jabatan Perkhidmatan Awam untuk menampung perbelanjaan Bayaran Istimewa Penerima Pencen sebanyak RM200 seorang kepada seramai 410,568 peserta.

Sebanyak RM2 juta di bawah Maksud B.10 Jabatan Peguam Negara untuk menampung tambahan dalam perbelanjaan emolumen ekoran pelaksanaan SSM dan bayaran imbuhan tahunan 2002 kepada anggota perkhidmatan awam.

Sebanyak RM4.8 juta di bawah Maksud B.11 Badan Pencegah Rasuah untuk menjelaskan bayaran sewa ruang pejabat di Putrajaya.

Sebanyak RM36,949 di bawah Maksud B.13. Pejabat Setiausaha Persekutuan Sarawak untuk perbelanjaan membaik pulih *kuarters* dan kerja-kerja penyelenggaraan.

Sebanyak RM30 juta di bawah Maksud B.17 Kementerian Belia dan Sukan untuk membiayai pelaksanaan program belia dan sukan termasuk anjuran Kejohanan *World's Strongest Man and Woman*, Pembangunan Sukan Orang Kurang Upaya, Program Khidmat Sosial Negara, Pengupayaan Persatuan Belia dan Pelaksanaan Program Rakan Muda Imej Baru.

Sebanyak RM3.3 juta di bawah Maksud B.18 Kementerian Perusahaan Utama untuk menampung tambahan dalam perbelanjaan emolumen ekoran pelaksanaan SSM dan bayaran imbuhan tahunan 2002.

Sebanyak RM43.6 juta di bawah Maksud B.21 Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna sebagai geran pelancaran bagi Suruhanjaya Syarikat Malaysia.

Sebanyak RM60.8 juta di bawah Maksud B.22 Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan untuk perbelanjaan berikut:

- (i) sebanyak RM32 juta bagi membiayai pelaksanaan penubuhan Majlis Tindakan Pelancongan Negara atau Negeri;
- (ii) sebanyak RM1.7 juta untuk membiayai perbelanjaan mesyuarat susulan peringkat pegawai kanan kepada Persidangan Kedua Menteri-menteri Pelancongan Negara-negara OIC;
- (iii) sebanyak RM4.8 bagi menampung perbelanjaan bayaran sewa dan lain-lain perkhidmatan di Akademi Seni Kebangsaan dan mengadakan persembahan Teater "Merdeka, Merdeka, Merdeka"; dan *[Disorak]*
- (iv) sebanyak RM22.3 juta untuk menampung perbelanjaan penyusunan semula Lembaga Penggalakan Pelancongan.

Sebanyak RM1.2 juta di bawah Maksud B.24 Jabatan Muzium dan Antikuiti untuk membiayai pelaksanaan Program Pameran Raja Kita, Pameran Terokai Hantu – Misteri dan Budaya dan Pameran ASEAN 35th Anniversary.

Sebanyak RM395 juta di bawah Maksud B.26 Kementerian Pendidikan untuk menampung perbelanjaan emolumen ekoran keputusan kerajaan melaksanakan SSM dan bayaran imbuhan tahunan 2002 kepada anggota perkhidmatan awam.

Sebanyak RM204.8 juta di bawah Maksud B.28 Perbendaharaan adalah untuk perbelanjaan berikut:

- (i) RM200 juta untuk menampung perbelanjaan mengurus Lembaga Hasil Dalam Negeri; dan
- (ii) RM4.8 juta untuk membiayai perbelanjaan mengurus Lembaga Pembangunan Langkawi terutamanya perbelanjaan menyelenggara produk pelancongan yang semakin bertambah, perbelanjaan utiliti dan pelaksanaan SSM.

Sebanyak RM32.8 di bawah Maksud B.30 peruntukan kepada Kumpulan Wang Terkanun untuk memberi pinjaman kepada pelatih institusi latihan kemahiran awam dan juga swasta yang diiktiraf oleh Majlis Latihan Vokasional Kebangsaan.

Sebanyak RM212.4 juta di bawah Maksud B.34 Kementerian Kesihatan untuk menampung perbelanjaan emolumen ekoran keputusan kerajaan melaksanakan SSM. Bayaran imbuhan tahunan 2002 kepada anggota perkhidmatan awam, kenaikan gaji 10%, tambahan caruman kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja, elaun lebih masa, kenaikan kadar Elaun Kerja Luar Waktu dan kenaikan kadar Bayaran Insentif Perkhidmatan Kritikal.

Sebanyak RM125.5 juta di bawah Maksud B.35 Kementerian Dalam Negeri untuk menampung perbelanjaan emolumen ekoran keputusan kerajaan melaksanakan SSM. Bayaran imbuhan tahunan 2002 kepada anggota perkhidmatan awam dan bayaran kenaikan gaji 10%.

Sebanyak RM29.3 juta di bawah Maksud B.40 Kementerian Pembangunan Luar Bandar untuk membiayai kenaikan gaji 10% utiliti dan penyelenggaraan pejabat.

Sebanyak RM21.8 juta di bawah Maksud B.41 Kementerian Pembangunan Wanita dan Keluarga untuk perbelanjaan berikut:

- (i) sebanyak RM368 ribu untuk menampung perbelanjaan emolumen ekoran kenaikan gaji 10% dan pengisian jawatan kosong;
- (ii) sebanyak RM1.4 juta untuk Program Sambutan Hari Wanita Kebangsaan; dan
- (iii) sebanyak RM20 juta sebagai bantuan kepada NGO khususnya untuk aktiviti wanita dan keluarga serta aktiviti-aktiviti teknologi maklumat dan

komunikasi, kepekaan *gender*, literasi undangan dan kemahiran seperti dalam bidang masakan, jahitan dan juga kraftangan.

Sebanyak RM41,146 di bawah Maksud B.45 Kementerian Sumber Manusia untuk menampung perbelanjaan emolumen ekoran keputusan kerajaan melaksanakan SSM dan bayaran imbuhan tahunan 2002 kepada anggota perkhidmatan awam.

Butir-butir dan penjelasan lanjut mengenai peruntukan tambahan bagi Anggaran Perbelanjaan Mengurus Tambahan Keempat 2002 adalah seperti dalam Penyata Anggaran Tambahan yang dibentangkan sebagai **Kertas Perintah 2 Tahun 2003** dan Memorandum Perbendaharaan yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 2A Tahun 2003.

#### **Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Keempat 2002 -**

Sekarang izinkan saya mengemukakan Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Keempat 2002. Tuan Yang di-Pertua, Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Keempat 2002 adalah berjumlah RM5,415,919,100. Daripada jumlah tersebut, sebanyak RM5,415,919,090 merupakan perbelanjaan cara langsung dan sebanyak RM10 perbelanjaan pinjaman. Tambahan tersebut adalah untuk membiayai projek-projek pembangunan bagi kementerian-kementerian dan juga jabatan-jabatan seperti berikut:

Sebanyak RM44.12 juta di bawah Maksud P.18 Kementerian Perusahaan Utama bagi menyelaraskan lebih belanja bagi projek pemulihan pekebun koko kecil, meningkatkan sistem perparitan di kawasan penanaman tembakau, mempelbagaikan aktiviti komersial dalam ladang kelapa sawit dan bantuan bahan-bahan mentah kepada pengusaha yang terlibat dalam industri perkayuan;

Sebanyak RM8 juta di bawah maksud P.24 Jabatan Muzium dan Antikuiti bagi membiayai kerja-kerja pengubahsuaian bangunan dan bangunan tambahan Muzium Negara, kerja-kerja pengisian pameran Muzium Marin Labuan, membeli barang-barang artifak koleksi muzium Entologi Dunia Melayu serta kos perpindahan dua buah rumah tradisi iaitu rumah Tengku Fatimah Zaharah dan Surau Permatang Bendahari dari Muzium Lukut ke Bangi untuk kerja-kerja pemuliharaan sebelum ianya dipindahkan ke lokasi tetap di Putrajaya dan bagi tujuan pengisian Koleksi Muzium Automobil Nasional;

Sebanyak RM855.5 juta di bawah maksud P.25 Kementerian Pertahanan bagi membiayai Projek Sistem Pelancar Raket Serba Guna atau *Multiple Launcher Rocket System*. Sebanyak RM454.7 juta membiayai sebahagian dari projek kapal selam, RM367.1 juta dan menampung sebahagian daripada perolehan kelengkapan Tentera Udara RM13.7 juta;

Sebanyak RM3,535.1 juta di bawah Maksud P.26 Kementerian Pendidikan bagi membiayai projek dan program berikut:

- (i) sebanyak RM1 ribu juta untuk penajaan pinjaman baru dan tanggungan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN);
- (ii) sebanyak RM632.2 juta untuk projek-projek pendidikan menengah. Peruntukan sebanyak RM561 juta daripadanya adalah diperlukan untuk pendidikan menengah akademik bagi membiayai pembinaan 50 projek baru sekolah menengah dan 393 projek sambungan dalam peringkat pembinaan manakala sebanyak RM71.2 juta lagi adalah untuk membiayai pembinaan lima kolej matrikulasi di Labuan, Gambang Pahang, Changlun Kedah, Gopeng Perak dan Banting Selangor;
- (iii) sebanyak RM579.3 juta untuk membiayai pembinaan 56 projek baru sekolah rendah dan 806 projek sambungan dalam peringkat pembinaan;
- (iv) sebanyak RM631.4 juta untuk membiayai projek-projek institusi pengajian awam iaitu Universiti Teknologi Malaysia - RM141.6 juta, Universiti Putra Malaysia - RM97.8 juta, Universiti Pendidikan Sultan Idris - RM64.4 juta, Universiti Sains Malaysia - RM60.3 juta, Universiti Malaysia Sabah - RM58.4 juta, Universiti Teknologi MARA - RM52.5 juta, Universiti Islam Antarabangsa - RM45.4 juta, Universiti Kebangsaan Malaysia - RM40.8

juta, Universiti Malaya - RM34 juta, Universiti Utara Malaysia - RM22.2 juta dan Hospital Universiti – RM14 juta;

- (v) sebanyak RM268.6 juta untuk bayaran pengambilan balik tanah projek sekolah rendah, menengah, sekolah menengah integrasi, kolej komuniti, jabatan pendidikan negeri, pejabat pendidikan daerah dan juga rumah guru;
- (vi) sebanyak RM225.6 juta untuk membiayai pembinaan 190 buah asrama biasa;
- (vii) sebanyak RM110.4 juta untuk membiayai pembinaan 63 projek baru dan 506 projek sambungan rumah-rumah guru; dan
- (viii) sebanyak RM87.6 juta untuk pendidikan politeknik bagi membiayai pembinaan sepuluh projek politeknik di Merlimau, Tanjung Malim, Kulim, Muadzam Shah, Sabak Bernam, Arau, Kota Kinabalu, Mukah, Balik Pulau dan Mersing dalam peringkat pembinaan serta ubahsuai dan naik taraf enam politeknik di Port Dickson, Kuantan, Ipoh, Kota Bharu, Kuching dan juga Jitra.

Sebanyak RM673 juta di bawah Maksud P.33 Kementerian Kerja Raya bagi membiayai projek atau program seperti berikut:

- (i) sebanyak RM104 juta untuk membiayai bayaran kemajuan projek naik taraf jalan dan laluan yang sedang dilaksanakan seperti projek menaik taraf jalan Klang Lama, Laluan 50 dari Batu Pahat-Air Hitam- Kluang Johor, Jalan Persekutuan 68 dan Simpang Tiga Lee Rubber ke Universiti Islam Antarabangsa Selangor, Laluan 8 Bentong-Kuala Lipis, Jalan Gambang, Lebuhraya Tun Razak, Kawasan Industri Malaysia Electric Corporation, Jalan ke kawasan industri Peramu, Pahang, jalan dua hala Selatan ke Kangar, Perlis, laluan satu jalan Changkat Jering-Taiping, Laluan 58 Jalan Teluk Intan-Bidor, Jalan Lumut-Sitiawan, Laluan 1 jalan Tapah- Gopeng, Laluan 73 Jalan Bruas- Batu Hampar, Manjung Perak, Laluan 6 Bulatan Bagan Jermal Kelawai-Mar Vista Pulau Pinang, Laluan 1 Alor Star-Butterworth, Kilometer 55 hingga Kilometer 57, Laluan 1 Jalan Mesjid Hospital-Alor Star, Kedah dan Laluan 1 Jalan Johor Bahru ke Simpang Pontian, Johor.
- (ii) (ii) Sebanyak RM65 juta untuk membiayai projek memperelok jalan-jalan yang sedang dilaksanakan, seperti jalan dari Gemas Baru ke Air Hitam, Johor; Jalan Persekutuan 98 Temerloh-Jerantut, Jalan Temerloh-Mentakab laluan 87, Pahang; laluan 5 Kapar-Sabak Bernam dan Klang-Banting, Selangor. Sebanyak RM60 juta bagi membiayai bayaran membina jalan-jalan baru yang sedang dilaksanakan, seperti jalan pintas Gebeng-Kuantan, Pahang; Jalan Durian Tunggal-Paya Rumpit, Sungai Udang, Melaka dan pembinaan jalan *primary distributor* di Putrajaya.
- (iii) Sebanyak RM57 juta bagi membiayai projek memperelok jalan-jalan, seperti jalan lintas Sibuga, Jalan Nagoh-Kanibungan, Jalan Semporna-Kunak dan Jalan Pintas, Penampang. Sebanyak RM50 juta bagi membiayai bayaran kemajuan projek jalan-jalan raya baru yang sedang dilaksanakan, seperti Jalan Kuala Kangsar-Gerik, Leboh Raya Timur-Barat Fasa Dua dari Titik Karang ke Gerik; Jalan Pos Betau-Lembah Bertam, Pahang, jalan utama negeri Perlis dari Changloon ke Kuala Perlis dan jalan *elite access* ke Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur.
- (iv) Sebanyak RM57 juta bagi membiayai bayaran membina persimpangan bertingkat dan jejambat yang sedang dilaksanakan, seperti jejambat di persimpangan Jalan Sultan Azlan Shah-Jalan Aziz Ibrahim dari jambatan di bulatan Bayan Baru, Pulau Pinang; jejambat di bulatan Bukit Tengah,

Seberang Perai Tengah, Pulau Pinang; jejambat baru di lintasan kereta api Valdo, Pulau Pinang; jejambat baru kereta api laluan 74, Jalan Simpang, Taiping, Perak dan persimpangan bertingkat Jalan Lingkaran Tengah Dua, Fasa Dua, Kuala Lumpur.

- (v) Sebanyak RM40 juta bagi membiayai bayaran membina jalan-jalan projek baru, seperti jalan penghubung ke pusat pentadbiran Persekutuan baru Sarawak. Sebanyak RM38 juta bagi membiayai bayaran menaik taraf jalan-jalan projek baru yang sedang dilaksanakan, seperti menaik taraf persimpangan bertingkat Jalan Johor Bharu-Kota Tinggi dan Jalan Muar-Melaka, Alor Gajah-Simpang Empat, Melaka.
- (vi) Sebanyak RM36 juta bagi membiayai projek menaik taraf jalan, seperti Jalan Labok-Sandakan, Jalan Marotai-Kalabakan dan Jalan Kota Belud-Ranau Bypass. Sebanyak RM35 juta bagi membiayai bayaran membina jambatan-jambatan baru yang sedang dilaksanakan, seperti projek jambatan baru dan Jalan Tendong ke Wakaf Chek Yek, Kelantan; jambatan baru Sayong, Kuala Kangsar, Perak; jambatan baru Kuala Kurau, Kerian, Perak dan jambatan Chenor, Maran, Pahang.  
[Menyatakan sesuatu secara isyarat tangan]

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya, terima kasih.

**Dato' Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd Salleh:**

- (vii) Sebanyak RM35 juta bagi membiayai projek pemasangan lampu jalan di sepanjang lebuhraya menuju ke Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur. Sebanyak RM21.5 juta untuk membiayai bayaran kemajuan projek jalan yang sedang dilaksanakan dari Lojing ke Pos Blau dan dari Pos Blau ke Kuala Betis, dan bakinya sebanyak RM84.5 juta bagi membina lain-lain projek jalan, jambatan, persimpangan bertingkat, membina persimpangan lampu isyarat dan projek naik taraf jalan.

Sebanyak RM300 juta di bawah Maksud P.34 – Kementerian Kesihatan bagi membiayai projek-projek berikut:

- (i) Sebanyak RM250 juta untuk menampung perbelanjaan pembinaan beberapa hospital baru di Temerloh, Cameron Highlands, Hospital Psikiatri Sungai Petani, Hospital Psikiatri Tampoi dan pembiayaan 10% kos tanah dan bangunan Pusat Perubatan Sabah;
- (ii) sebanyak RM30 juta untuk menampung perbelanjaan pembinaan *Ablutory Care Center*, dengan izin, di Hospital Ipoh, Pulau Pinang, Kuala Terengganu, Klang, Kuantan dan menaik taraf kemodenan hospital;
- (iii) sebanyak RM10 juta untuk menampung perbelanjaan pembinaan projek Kolej Kuching, Kolek Sains Kota Kinabalu, pembayaran yuran bagi program *out-sourcing* latihan asas tenaga pengajar serta naik taraf kemudahan latihan;
- (iv) Sebanyak RM30 juta untuk menampung perbelanjaan pembinaan klinik-klinik kesihatan baru di Perak, Negeri Sembilan dan Pahang, dan pembelian peralatan bagi beberapa klinik kesihatan yang baru siap.

Tambahan yang lain sebanyak RM130 adalah merupakan peruntukan tanda di bawah Maksud-Maksud P.7 – Jabatan Perdana Menteri, P.20 – Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, P.23 – Jabatan Arkib Negara, P.28 – Perbendaharaan, P.36 – Kementerian Luar Negeri dan P.38 – Kementerian Pengangkutan.

Butir-butir dan penjelasan lanjut mengenai Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Keempat 2002 adalah seperti yang dinyatakan dalam penyata anggaran tambahan yang dibentangkan sebagai **Kertas Perintah 3 Tahun 2003** dan dalam memorandum perbelanjaan yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 3A Tahun 2003.

Tuan Yang di-Pertua, saya akan mengemukakan Usul mengenai Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Keempat 2002 selepas ucapan ini. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Douglas Uggah Embas]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

## USUL

### ANGGARAN PERBELANJAAN PEMBANGUNAN (TAMBAHAN) (BIL.4) 2002

#### 4.06 ptg.

**Dato' Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd Salleh:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa Usul yang dikemukakan atas nama Menteri Kewangan dalam Aturan Urusan Mesyuarat yang berbunyi:

"Bahawa Dewan ini, mengikut subseksyen 4(3) Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966, membuat ketetapan bahawa jumlah wang tambahan sebanyak lima bilion empat ratus lima belas juta sembilan ratus sembilan belas ribu dan satu ratus ringgit (RM5,415,919,100) diperuntukkan daripada Kumpulan Wang Pembangunan bagi tahun kewangan 2002, bagi Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) seperti yang dinyatakan dalam ruang pertama dan kedua penyata anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Keempat, 2002 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 3 Tahun 2003 dan yang disenaraikan di sebelah Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) dalam ruang kesebelas dan keduabelas penyata tersebut, hendaklah disahkan."

diserahkan kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis.

Tuan yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah bahawa Rang Undang-undang bernama suatu Akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 2002 dan bagi memperuntukkan jumlah wang itu untuk Maksud-Maksud yang tertentu bagi tahun itu, dibacakan bagi kali yang kedua sekarang, dan masalah bahawa Usul di atas nama Yang Berhormat Menteri Kewangan di dalam Aturan Urusan Mesyuarat ini diedarkan kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis sekarang. Kedua-dua masalah tersebut terbuka untuk dibahas. Yang Berhormat bagi Tambun.

#### 4.08 ptg.

**Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd Hanadzlah [Tambun]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terlebih dahulu saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Anggaran Perbelanjaan ini adalah anggaran tambahan. Jadi, bagi keseluruhan tahun 2002, berapakah jumlah perbelanjaan yang terlibat, selain daripada belanjawan yang telah diluluskan oleh Parlimen pada tahun 2001? Di samping itu, dari segi hasil pendapatan negara bagi tahun tersebut, berapakah jumlahnya? Defisit daripada perbelanjaan itu, macam mana cara pembiayaannya?

Kedua, Tuan Yang di-Pertua, dalam laporan Bank Negara Malaysia yang dikeluarkan baru-baru ini, pihak Bank Negara telah membuat satu kajian menyeluruh ke atas ekonomi negara kita. Amat tepat apabila Bank Negara Malaysia meramalkan bahawa pertumbuhan ekonomi negara kita pada tahun ini akan kurang daripada ramalan yang dibuat pada bulan Oktober, iaitu daripada 6.5% kepada 4.5%.

Di samping itu saya berharap bahawa pihak kerajaan dan Bank Negara akan membuat kajian lebih mendalam lagi oleh kerana kita tahu bahawa situasi tahun ini lebih teruk dari tahun lalu. Pada tahun lalu kita memperolehi pertumbuhan GNP pada kadar 4.2%. Dengan keadaan yang lebih teruk, adakah kita akan dapat memperolehi pertumbuhan pada tahun ini pada kadar 4.5%? Beberapa orang peniaga menyatakan bahawa suasana pada tahun ini di dalam risiko yang begitu besar, membuat pihak peniaga atau *businessmen* merasakan bukan waktunya sekarang untuk membuat pelaburan?

Antara faktor yang diberi ialah ketidaktentuan ekonomi dunia, di mana kita sedia maklum, pertumbuhan ekonomi dunia dijangka jatuh kepada 2%. Ini tidak diambil kira kedudukan sekarang di mana peperangan sedang berlaku. Kedua, masalah keganasan yang membuat ramai peniaga takut. Ketiga, tentang penyakit SARS. Keempat, Perang Iraq, dan kelima, apakah selepas Perang Iraq tidak ada lagi peperangan, kerana dari segi mesej yang disampaikan oleh Amerika dan sekutunya, mereka sudah melihat kepada Iran dan Sudan dan pelbagai negara lain.

Oleh yang demikian, kedudukan ekonomi dan pelaburan amat berisiko tinggi. Sehubungan dengan itu, sebagaimana yang saya nyatakan tadi, bahawa adalah lebih baik bagi kerajaan untuk membuat kajian lebih mendalam supaya kita bersedia untuk menghadapi situasi yang tidak menentu ini. Saya berpendapat elok kerajaan sebagai persediaan, membuat kajian sensitiviti. Melihat kepada tiga senario – satu, secara yang optimistik - optimistik berteraskan kepada pertumbuhan 4.5%. Kemudian, *moderate* – mungkin pertumbuhan 2%; dan pesimistik - tidak ada pertumbuhan. Dan kita menyediakan bentuk-bentuk strategi yang harus dilaksanakan daripada sekarang lagi bagi menghadapi kemungkinan-kemungkinan tersebut.

Di samping itu saya berharap kerajaan dapat memainkan peranan sebagai *advisory role*, dengan izin, kerana kita tahu sekarang ini dari segi permintaan di Timur Tengah, dari segi *order* yang telah dibuat sekarang ini telah ditangguhkan. Di samping itu, kapal kita tidak boleh pergi ke Timur Tengah, kecuali di Abu Dhabi, dan ada beberapa sektor dalam ekonomi kita akan terjejas teruk akibat daripada keadaan itu seperti kelapa sawit, barang-barang konsumer dan sebagainya.

Dan kita juga melihat pada situasi seluruh dunia sekarang ini, masalah peningkatan *freight* yang begitu tinggi, dicampur pula dengan *insurance* dan *reinsurance* yang amat tinggi. Maka rakyat kita, terutama peniaga, memerlukan kepada maklum balas dan juga nasihat dari segi rantau mana yang masih lagi boleh perniagaan dilakukan, ataupun pemindahan daripada Timur Tengah ke rantau mana, dari segi nasihat kewangan dan juga nasihat pemasaran. Jadi, saya berpendapat bahawa pada ketika ini kerajaan harus memainkan peranan *advisory role* tersebut. Mana-mana kementerian yang terlibat dengan urusan antarabangsa mesti memainkan peranan tersebut tetapi hanya setelah satu kajian yang mendalam dilakukan.

Di samping itu, oleh kerana kita lihat bahawa peperangan ini mungkin berpanjangan dan keadaan tidak menentu pada masa akan datang, kita berharap daripada kajian tersebut, seandainya kerajaan mendapati bahawa senario akan datang lebih teruk lagi supaya mesej ini disampaikan kepada rakyat. Dalam masa kita membahaskan usul untuk menyokong usul yang dibentangkan oleh Perdana Menteri untuk mengecam Amerika Syarikat kerana terlibat di dalam peperangan tersebut, semua ahli-ahli politik dalam Parlimen bersetuju untuk memberi kerjasama. Malah seorang Ahli Parlimen menyatakan, seandainya Amerika dan sekutu menyatakan mereka mahu menukar Perdana Menteri kita atas alasan itu, kita akan bersatu untuk memerangi Amerika.

Saya berpendapat bahawa apa yang dikatakan itu tidak cukup sekadar kerana Amerika menyerang Iraq. Dalam situasi sekarang ini, walaupun kita tidak terlibat dengan peperangan tetapi kesan daripada peperangan itu akan mengancam kedudukan kita dari segi kedudukan sosioekonomi kita. Maka saya berpendapat bahawa seluruh rakyat Malaysia harus bekerjasama dari segi orang politik, kerajaan, *businessmen* dan orang ramai. Kita bersetuju bahawa dari zaman Nabi Adam lagi tidak ada dua individu yang sama. Maknanya, dalam perbezaan, dengan izin, *diversity of opinions and ideas*, kita boleh satukan dalam situasi bila kita berhadapan dengan tekanan akibat daripada peperangan tersebut, dan kita maklumkan kepada rakyat bahawa kalau kita akan berhadapan dengan

kesukaran kita maklumkan, supaya persediaan dapat dibuat, daripada kita memberi mesej bahawa tidak ada apa-apa yang akan berlaku, yang akhirnya realiti akan mengambil alih daripada percakapan kita yang hendak memberi *confidence* kepada rakyat.

Saya ingin mengambil contoh mungkin ini berbeza sedikit umpamanya apabila proses globalisasi ini berlaku. Di China, umpamanya pada setiap malam setiap kali melalui media mesej-mesej disampaikan oleh orang-orang intelek, teknokrat, daripada orang politik dan korporat menyampaikan mesej kepada rakyat bahawa kita sudah berada dalam dunia globalisasi dan beberapa tindakan berteraskan kepada falsafah dan prinsip lalu itu tidak lagi boleh digunakan. Kita mesti berpindah kepada falsafah dan pendirian serta prinsip baru. Ini setiap hari dimainkan untuk menyedarkan kepada rakyat kerana kesedaran rakyat itu amat penting untuk rakyat mengambil tindakan balas yang dapat membantu negara seperti yang mana saya katakan negara China.

Jadi, dalam soal ini kita dapati dalam media kita, dalam televisyen kita setiap kali kita bercakap tentang perang, kita menunjukkan tentang peperangan, orang ini mati, dan macam-macam berlaku tetapi kita tidak bercakap dari segi impak perang itu terhadap ekonomi, terhadap kedudukan sosio-ekonomi kita, terhadap kehidupan rakyat negara kita. Saya berpendapat bahawa kita perlu melakukan perkara ini supaya kita dapat *conditioning* pemikiran rakyat kita supaya kita dapat bersedia untuk berhadapan situasi yang amat tidak menentu itu.

Di samping itu, Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini apakah langkah yang kita harus ambil? Saya ingin melihat dari segi sudut kerajaan dan agensi kerajaan terlebih dahulu sebelum saya pergi ke bahagian lain. Dalam bentuk dari segi operasi kerajaan dan agensi kerajaan saya percaya kita perlu *rationalize* projek-projek kita. Ini bermakna kita menekankan kepada konsep *value for money, cost and effect*, dengan izin, dan kita berbalik kepada *basic economy*, dari segi konsep, mengambil kira konsep sunk costs, *concept opportunity costs* ini di dalam kita melaksanakan projek-projek kita.

Pada peringkat ini saya dapat mengambil satu contoh sahaja dan saya percaya banyak contoh-contoh yang akan dilihat oleh pihak kerajaan sendiri. Salah satu projek yang saya rasa kita perlu *rationalize* ialah projek *college community*. Dari segi hasrat awalnya *college community* ini hendak dilaksanakan di semua kawasan Parlimen. Ini bermakna ada 193 kawasan Parlimen kita perlu ada 193 *college communities* dan pada perkiraan saya sekurang-kurangnya RM2 bilion akan dibelanjakan untuk tujuan itu.

Bila kita *rationalize* balik, adakah dengan mengadakan satu *college community* di satu kawasan itu dapat melahirkan *costs and effect* dan *value for money* yang baik? Dengan izin, Tuan Yang di-Pertua. Tidakkah nanti dengan kita mengadakan 193 akhir kita mendapati masalah hendak mencari *trainers*, hendak mencari *students* dan sebagainya. Tidakkah dalam keadaan ini kita *rationalize* semula mungkin kita perlu mengadakan mengikut zon, umpamanya kalau Tambun, Ipoh Timur, Ipoh Barat ini satu kawasan yang rapat, buat di Tambun satu, dikongsi oleh Tambun, Ipoh Timur, Ipoh Barat.

Dengan itu kita akan dapat mengurangkan kos kita, mungkin daripada RM2 bilion hanya RM1 bilion sahaja diperlukan. So, kita buat secara *zoning*. Di tempat yang memerlukan satu kawasan Parlimen satu, yang kawasan luar bandar yang jauh-jauh kita buat satu-satu tetapi bagi kawasan yang kecil seperti Ipoh, Ipoh Timur, Ipoh Barat ini kita adakan. Itulah yang saya maksudkan *rationalize*. Kerana kita tidak perlu berbelanja banyak sangat dalam keadaan sekarang. Mungkin kita kata, kita mempunyai kapasiti dari segi kita boleh mengambil dari segi hutang tempatan, kita banyak *surplus* dari segi *saving* kita, tetapi kita tidak tahu apa yang akan berlaku pada masa akan datang.

Jadi, perbelanjaan kita keluarkan sekarang, katalah tiba-tiba masalah ekonomi ini berterusan, pada masa itu hutang kita sudah banyak, pendapatan yang kita harapkan berlaku, saya kata harap berlaku kerana dalam belanjawan lalu kerajaan telah membuat keputusan, membuat satu pandangan bahawa pada tahun 2005 kita akan mengemukakan belanjawan berimbang. Jadi, adakah kita akan mencapai belanjawan berimbang? Kemungkinan situasi ini memerlukan kita berterusan berbelanja *deficit*. Jadi, kalau daripada sekarang kita tidak berjaga, *deficit* kita begitu besar, pada masa itu nanti kerajaan

akan menghadapi hutang yang begitu banyak. Jadi, dengan itu saya mengesyorkan supaya kita *rationalize* projek-projek kita.

Di samping itu projek-projek *preemptive* yang dilakukan oleh kerajaan, saya berpendapat kita perlu melihat kepada kerja-kerja yang dilakukan kerana *preemptive* ini datang daripada Kementerian Kewangan pergi kepada DO dan DO melaksanakan. Dalam proses itu DO menjalankan dan dilaksanakan oleh kontraktor, sebahagian besar kontraktor kelas 'F'. Daripada kementerian kepada DO kepada kontraktor ini banyak yang berlaku. Ada setengah projek itu yang tidak mencapai kepada tahap kualiti yang kita harapkan. Jadi, ini yang saya katakan *value for money*. Di samping itu sistem kita, apakah sebenarnya falsafah di sebalik kita mengadakan *preemptive* ini untuk kontraktor kelas 'F'?

Saya melihat macam ini, Tuan Yang di-Pertua, kek yang kita beri mungkin beberapa bilion tetapi bilangan kontraktor kelas 'F' ini sudah begitu ramai. Jadi, masing-masing berebut dan dasar kita satu kontraktor kelas 'F' kita beri satu dan kemudian berpusing sampai habis. Katalah seorang dapat RM20,000 atau RM30,000 dia menunggu setahun dapat lagi sekali RM60,000, kemudian menunggu lagi tahun hadapan. Keadaan ini tidak membolehkan satu kontraktor itu *viable* kerana ramai yang berebut. Kalau dapat RM60,000 untung dalam 15%, setinggi-tinggi 20%, RM12,000 keuntungan.

Ia tidak boleh berkembang, jadi akhirnya setelah beberapa tahun kita melaksanakan projek *preemptive* dengan ramainya kontraktor kita diberi kerja, kerja itu memang berselerak ramai tetapi kita tidak dapat melahirkan apa-apa. Yang kita hendak lihat apabila kita berikan kepada kelas 'F' sekurang-kurangnya selepas mendapat projek dia naik taraf, ada pejabat, ada macam-macam, kemudian naik menjadi 'E' atau 'D' kah, tetapi dalam konteks ini dia tidak boleh, kerana saiz *business* yang diperolehi oleh kelas 'F' ini kecil. Jadi, ini masalah-masalah yang harus kita lihat dan katalah tiba-tiba oleh kerana kelas 'F' ini terlampau bergantung kepada kerajaan tahun hadapan kita beri pula *preemptive* apa akan jadi kepada kontraktor ini. Jadi, perkara-perkara ini yang saya ingin bangkitkan bila melihat kepada apa yang saya katakan *value for money* tadi.

Kemudian dari *delivery system* yang dibangkitkan oleh- Timbalan Perdana Menteri pada satu masa lalu dan beliau menyatakan kalau kita hendak mencapai Wawasan 2020, tahap *efficiency* kita mesti tinggi. Saya berharap perkara ini diberi pandangan serius oleh pihak kerajaan kerana terdapat banyak projek, dengan izin, *on the ground* yang kelulusannya bertahun-tahun. *Conversion approval*, dengan izin, *layout approval*, *building plan approval*, memakan masa yang cukup lama. Memang betul kalau dalam isu tanah bukan Kerajaan Persekutuan yang bertanggungjawab tetapi tak kan lah kita macam itu sahaja, bukan tanggungjawab Kerajaan Persekutuan biarkan negeri dan ini akan menjadi kekangan kepada kita hendak melaksanakan pembangunan secara yang cekap, akibat daripada itu.

Begitu juga Majlis Tempatan Bandaraya dan sebagainya hendak meluluskan satu-satu kelulusan itu begitu panjang. Saya berhadapan dengan banyak individu, Tuan Yang di-Pertua, yang terlibat dengan *business* yang lima tahun lalu *viable* dalam masa pertumbuhan ekonomi yang elok hendak membuat satu projek masuk mengemukakan permohonan sampai sekarang tidak lulus, sudah tidak menjadi *viable*. Cuba kita bayangkan lima tahun dahulu sebelum tahun 1997, sebelum berhadapan dengan krisis ekonomi, kita lulus dan dia membuatnya. Syarikat ini sudah memperolehi banyak keuntungan cukai dibayar pada kerajaan tetapi oleh kerana yang menghalang menjadi kekangan, kelulusan-kelulusan sampai sekarang tidak dibuat. Syarikat rugi negara pun rugi dan bila syarikat rugi bermakna syarikat tidak ada pekerja, *the spin-off effect* itu tidak kita perolehi. Jadi perkara ini Tuan Yang di-Pertua, mesti dilihat secara serius macam mana kita hendak panggil *granary* kah apa di bawah Majlis Tanah Negara kah apa memperbetulkan perkara ini. Inilah antara perkara yang merosakkan kita.

Tadi, saya bercakap tentang agensi kerajaan. Saya ingin melihat dari segi struktur pula Tuan Yang di-Pertua. Dari segi struktur satu perkara sahaja saya tidak mahu banyak cerita. Struktur organisasi agensi kerajaan, kita ada Ahli Lembaga Pengarah, kita ada pihak pengurusan. Tujuan kita buat - dengan izin - *separation of powers* ini supaya ada terlaksana konsep, dengan izin *check and balance*. Saya amat bersetuju tetapi dari segi praktiknya dia tidak berlaku, begitu. Kerana apa? Ahli Lembaga Pengarah bergantung

kepada pihak *management*, *management* bentang kepada Ahli Lembaga Pengarah dalam mesyuarat itulah yang diterima. Kalau dia buat *window-dressing* dan sebagainya, dia bentang akan diterima.

Saya berpendapat *the Board of Directors* atau Ahli Lembaga Pengarah ini mesti bukan sahaja diberi kuasa tetapi diberi kepada mereka *support system*, dengan izin, *staff* yang bukan ramai supaya umpamanya, satu setiausaha untuk badan agensi tersebut, mesti datang daripada orang yang melaporkan kepada lembaga dan *appraisal* gajinya dibuat oleh lembaga bukan oleh CEO. Kalau dibuat oleh CEO kalau katalah *meeting* mesti ada tiga bulan sekali, ianya akan bergantung kepada CEO dan CEO pula menutup kelemahan-kelemahan yang berlaku dalam agensi tersebut. Di samping itu pihak Lembaga Pengarah juga mesti diberikan kakitangan supaya dapat dibuat analisis, kertas-kertas keadaan di dalam *office* tersebut dibawa kepada Ahli Lembaga baharu lah kita dapat maklum balas yang betul-betul menggambarkan kedudukan organisasi atau agensi tersebut sama ada elok ataupun tidak elok.

**Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad:** [*Bangun*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya, Parit Sulong berdiri, Yang Berhormat. Ya sila.

**Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad:** Dalam hal ini Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya sahabat saya, Yang Berhormat bagi Tambun, mengenai kedudukan pengerusi jawatankuasa audit sesuatu agensi. Selalunya pengerusi jawatankuasa audit ini adalah menjalankan kerja-kerja audit. Tetapi, apabila auditor dalaman itu juga *appraisal*nya dibuat oleh Ketua Jabatan, jadi, tidak ada kebebasan untuk dia melaporkan perkara yang tidak betul ataupun perkara yang perlu diperbaiki. Apa pandangan Yang Berhormat? Terima kasih.

**Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah:** Ya, saya bersetuju dengan pendapat Yang Berhormat bagi Parit Sulong. Saya pergi semula kepada prinsip. Saya tahu Ahli Lembaga mempunyai tanggungjawab fiduciary, dia ada tanggungjawab yang cukup besar, ada disenaraikan oleh Kementerian Kewangan. Cukup cantik, semua ada di situ. Tetapi siapa yang hendak melaksanakan? Jawatankuasa audit dalaman, Pengerusi memang Ahli Lembaga tetapi yang menjadi setiausaha adalah Ketua Audit Dalaman itu dan kedudukan Ketua Audit Dalaman setiap tahun ditentukan oleh Ketua Eksekutif. Jadi, dia akan tunduk kepada Ketua Eksekutif dan ini berlaku di banyak agensi.

Saya berharap perkara-perkara ini diberi pandangan serius kerana kita berbalik semula kepada prinsip *check and balance* tadi. Saya tidak percaya ada Ahli Lembaga Pengarah dapat memainkan peranan yang mantap jika mereka tidak diberi kakitangan untuk membantu mereka. Itu sebabnya saya rasalah seperti kes Lembaga Tabung Haji dan mana-mana yang menghadapi masalah itu, kita tidak boleh meletakkan 100% kesalahan kepada Ahli Lembaga. Kalau *management* dia membawa kertas hendak membuat pelaburan punya elok *viability* keuntungan dan sebagainya, siapa yang hendak *check* ini apabila pihak pengurusan membawa kepada pihak Lembaga Pengarah hendak membuat pelaburan sebanyak RM200 juta dengan Metro Wangsa? Dan kita tahu Razali Atan salah seorang pakar pelaburan yang terkenal di Malaysia.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Lim Si Cheng) *mempengerusikan Mesyuarat*]

Jadi, dari segi Ahli Lembaga dia hendak *check* dengan siapa? Dia akan terima *on face value*, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua dan inilah punca kepada masalah-masalah yang kita lihat berlaku dan saya percaya kalau perkara ini tidak diperbetulkan.....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, banyak lagi?

**Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah:** Banyak, banyak.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Sebab saya ingin memaklumkan kalau mengikut Peraturan Mesyuarat, di peringkat dasar kita kena menghabiskan pada besok untuk satu hari sahaja. Ini Peraturan Mesyuarat.

**Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah:** Saya akan lajukan, dia banyak tetapi akan lajukan.....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Sebab ini mengikut kebiasaannya kita hanya dapat beri 10 minit untuk peringkat dasar..

**Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah:** Yang saya faham selalu peringkat jawatankuasa 10 minit.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Tidak, ini Peraturan Mesyuarat, bukan suka-suka saya.

**Tuan Husam bin Haji Musa:** Mana boleh ini?

**Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah:** Okey saya akan percepatkan, Tuan Yang di-Pertua.

Mengenai dengan laporan Bank Negara tadi, saya ingin membuat.....

**Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan:** Tidak ada masa.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Tidak apa.....

**Tuan Husam bin Haji Musa:** [*Menyampuk*][*Bercakap tanpa pembesar suara*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat duduk.

**Tuan Saupi bin Daud:** [*Bangun*]

**Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah:** Mengenai dengan laporan Bank Negara, saya ingin membuat beberapa komen Tuan Yang di-Pertua. Duduklah. Pasal apa? Okey.

**Tuan Saupi bin Daud:** Kalau tak angkat peraturan itu hendak tanya macam mana? Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya tertarik dengan apa yang dijelaskan oleh Yang Berhormat tadi. Kita tahu bahawa ahli-ahli lembaga pengarah di bawah anak syarikat yang dibuat oleh kerajaan, apabila kerajaan memberi modal dan melantik ahli-ahli lembaga pengarah ini, kebanyakan daripada syarikat-syarikat tersebut mengalami kerugian yang besar berbanding dengan syarikat-syarikat korporat yang tidak dilindungi ataupun bebas daripada kerajaan. Jadi, adakah perkara-perkara, kerana itu adalah modal dan juga perlantikan yang dibuat oleh kerajaan maka mereka boleh bertindak sesuka hati kerana tidak mendapat apa-apa denda, mendapat apa-apa *punishment* ataupun risiko terhadap kerugian syarikat-syarikat kerajaan itu. Saya minta pandangan daripada Yang Berhormat.

**Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah:** Tuan Yang di-Pertua, kalau Yang Berhormat kata kebanyakan anak-anak syarikat kerajaan itu menghadapi masalah kewangan, saya tak setuju. Kalau kata ada, ada. Begitu juga dari segi syarikat-syarikat korporat ada yang mengalami masalah ataupun tidak. Jadi, saya tak perlu komen apa Yang Berhormat nyatakan. Saya sudah jelas tadi, isu yang saya bangkitkan adalah mengenai dengan agensi kerajaan.

Mengenai dengan laporan Bank Negara Malaysia, saya hendak buat beberapa komen, Tuan Yang di-Pertua. Pertama sekali laporan tersebut menyatakan bahawa ekonomi negara kita akan dibangunkan oleh pihak swasta. Ini isu pertama. Dari segi itu, saya ingin bertanya kepada pihak kerajaan adakah kerajaan sebenarnya yakin atau tidak pihak swasta akan mengambil alih dari segi menjadi peneraju kepada pembangunan ekonomi ini. Kerana saya sendiri lihat, dari segi kapasiti sektor swasta sebenarnya tidak tinggi, dari segi eksport kita, 70% eksport kita adalah datang daripada FDI, daripada kita hanya lebih kurang 30%.

Apabila laporan tersebut menyatakan bahawa masalahnya kerana sektor pengeluaran, *manufacturing sector*, dengan izin, berhadapan dengan masalah *excess capacity* dan ini tidak *diquality* dengan lebih lanjut, saya percaya *excess capacity* ini kerana masalah penjual stok. Stok kita tidak boleh dijual kerana stok kita tidak mempunyai kualiti yang boleh bersaing di peringkat antarabangsa. Jadi, bukan *excess capacity* setakat *full stop* di situ. *Excess capacity* ini mesti dikaji dengan lebih mendalam. Bermakna di sini apa

yang perlu dilakukan oleh kerajaan adalah untuk membangun sektor swasta, dengan izin, memerlukan kepada *capacity building*. Dan dari segi itu secara ringkaslah, saya sentuh oleh kerana masa Tuan Yang di-Pertua beri kepada saya singkat.

Pertama dari segi falsafah sektor swasta itu sendiri yang perlu diperbetulkan dari segi konsep berpandukan kepada *entrepreneurship*, berpandukan kepada *creativity*, terlibat dalam *global supply change* sekarang ini. Meletakkan diri dalam *global supply change* dan meletakkan kepada *competitiveness* sebagai asas kepada persaingan di peringkat antarabangsa.

Kedua, meletakkan kepada konsep *productivity*, menekankan kepada teknologi dan juga kepada kos. Dari segi *productivity* ini saya hendak sentuh sedikit, Tuan Yang di-Pertua, ini laporan *productivity* negara. Saya hendak baca di sini, Tuan Yang di-Pertua. Dari segi tahap *productivity* negara kita, kita banding dengan negara yang kita hendak kejar negara maju. Jepun....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, suka saya mintalah kepada Yang Berhormat cuba meringkaskan, sebab nanti kalau saya hadkan masa...

**Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah:** Ya, baik. Saya hendak ringkaslah ini, kalau tidak saya panjang. Saya sentuh sekali...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** .....jika tidak, tidak adil kepada yang lain. Sebab ini peruntukan yang tercatat dalam Peraturan Mesyuarat.

**Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah:** Ya, saya ambil lebih kurang dalam 15 minit lagi. Saya lajukan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Baik, kalau boleh Yang Berhormat, habiskan dalam lima minit.

**Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah:** Baik, dalam masa?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Lima minit.

**Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah:** Lima minit mana hendak habis.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, ini saya hanya mintalah, sebab ini Peraturan Mesyuarat.

**Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah:** Tak mengapa, saya tak payah bercakaplah. Okay terima kasihlah. Saya berhenti sahaja, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Baik.

**Beberapa Ahli: [Bangun]**

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Saya benarkan setiap Ahli Yang Berhormat berucap 10 minit. Ini sebab dalam Peraturan Mesyuarat sebaik-baiknya, selebih-lebihnya satu hari hendaklah diuntukkan bagi perbahasan di bawah Peraturan Mesyuarat 67(1)(5). Di peringkat Jawatankuasa Yang Berhormat juga diberi peluang berucap juga. Ya 10 minit, Yang Berhormat bagi Marang, sila.

**Tuan Kerk Kim Hock:** Peraturan Mesyuarat berapa?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** 67(1)(5).

**Tuan Kerk Kim Hock:** Masa tak tambahkah?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Tak. Ini ada masa, kita tak hadkan masa, minta maaf.

**Tuan Kerk Kim Hock:** Dasar 10 minit, committee 10 minit.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Lima minit. Sila

**Tuan Kerk Kim Hock:** Mana boleh. Semua tak payah cakaplah!

**Beberapa Ahli:** *[Menyampuk]*.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, ini Peraturan Mesyuarat. Saya menjalankan tugas, kena habiskan dalam...

**Tuan Kerk Kim Hock:** RM59 bilion macam mana mahu cakap, 10 minit, 5 minit?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat sudah marah saya.

**Tuan Kerk Kim Hock:** Saya pun tak mahu cakaplah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Kalau semua orang tak mahu cakap, saya memang tak payah hadkan masa.

**Tuan Kerk Kim Hock:** Ini bukan suka-suka, ini bukan *joke!*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Kalau Yang Berhormat yang lain tidak mahu...

**Tuan Kerk Kim Hock:** 10 minit!

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat bersabar, jaga badan, kesihatan mahu jaga.

**Tuan Kerk Kim Hock:** *[Menyampuk]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, sekiranya...

**Puan Chong Eng:** Tolonglah!

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, sekiranya tak ramai hendak berucap, saya boleh benarkan, saya boleh ambil kira kalau tak ramai, sebab peruntukan yang diberikan hanya untuk sehari. Kalau tak ramai. Okay 67(1)(5).

**Tuan Kerk Kim Hock:** *[Menyampuk]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Peraturan Mesyuarat.

**Tuan Kerk Kim Hock:** Kita gantung Standing Order,... *[Disampuk]* tak praktikal lagi!

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, selama ini kita telah menggunakan Peraturan Mesyuarat ini, mengapa Yang Berhormat tak mahu mempersoalkan?

**Puan Chong Eng:** Selalu kita soalkan!

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Maka Yang Berhormat boleh buat pindaan. Buat cadangan pindaan.

**Tuan Kerk Kim Hock:** Satu hari, ini tak praktikal, kita gantungkan sahaja, supaya Tuan Yang di-Pertua di sini ada kuasa untuk panjangkan tempoh perbahasan, sila gunakan kuasa itu!

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Peraturan Mesyuarat, saya gunakan Peraturan Mesyuarat. Yang Berhormat Marang. Kalau Yang Berhormat tak mahu berucap, saya boleh berikan masa yang lebih untuk Yang Berhormat bagi Marang.

**Tuan Kerk Kim Hock:** Bukan cakap satu orang. Kita memang bagi...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Okay berapa orang, tengok, berapa orang? *[23 Ahli Bangun] [Dewan riuh seketika]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Saya faham, Yang Berhormat seorang lawyer, ini Peraturan Mesyuarat. Kita kena habiskan...

**Tuan Kerk Kim Hock:** Ini tak praktikal.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** ....dalam 67(1)(5).

**Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar:** Tak boleh, ini apa.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Tak mengapa, Yang Berhormat Marang sila berucap.

**Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar:** Tidak boleh. Kita kena buat keputusan dahulu! Buat keputusan yang munasabah!

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** 10 minit! 10 minit!

**Beberapa Ahli Pembangkang:** *[Menyampuk]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Ataupun Yang Berhormat semua bersetujukah kalau sampai esok pukul 4.00 saya *stop*, berapa orang berucap itu sahaja, berapa orang yang berucap. Ini mungkin Yang Berhormat Ketua Pembangkang berucap dalam tiga jam, Yang Berhormat Parit Sulong mungkin tiga jam. Kita kena adil. *[Dewan riuh seketika]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Okay, Yang Berhormat, kalau ramai bersetuju, saya beri Ketua Pembangkang setengah jam, nanti BBC setengah jam, selepas itu saya kiralah berapa. Yang Berhormat Marang sila.

**Puan Chong Eng:** *[Menyampuk]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, itu jangan soallah. Yang Berhormat, sila setengah jam. *[Dewan riuh seketika]*

**Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Haji Awang:** Tuan Yang di-Pertua, saya...

**Tuan Kerk Kim Hock:** Sampai malamlah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Sila.

**Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar:** Mee Maggie pun dua minit. Satu bungkus sahaja dua minit, mee Maggie.

**Beberapa Ahli:** *[Menyampuk]*

**Datuk Bung Moktar bin Radin:** Duduklah! *[Dewan riuh seketika]*

**Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Haji Awang:** Sudah buat keputusan, Tuan Yang di-Pertua?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Setengah jam, selepas itu kita kira berapa ramai. *[Dewan riuh seketika]*

**Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar:** *[Menyampuk]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat. Kalau semua tak mahu...

**Puan Fong Po Kuan:** Kalau tak bising...

**Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Haji Awang:** Tuan Yang di-Pertua. *[Dewan riuh seketika]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, mereka memenuhi Peraturan Mesyuarat. Yang Berhormat bagi Marang, sila. *[Dewan riuh seketika]*

**4.41 ptg.**

**Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Haji Awang [Marang]:** Tuan Yang di-Pertua, assalamualaikum dan selamat sejahtera. Terlebih dahulu saya merasa dukacita kerana perbincangan tentang peruntukan tambahan ini bukan sahaja dari segi perkara-perkara yang dibincangkan dan peruntukan yang diberi, tidak memberi penekanan secara objektif kementerian-kementerian. Sebagaimana yang disebut oleh Yang Berhormat bagi Tambun, perlu kita mengambil kira kepada dunia yang ada sekarang ini yang berada dalam suasana

peperangan. Nampaknya seolah-olah kita membincangkan dalam dunia yang biasa sahaja. Kita tidak tahu apakah perkara yang tidak menentu yang akan berlaku di masa yang akan datang.

Oleh kerana itu, sebaik-baiknya maka perlu diberi peluang untuk kita memberi pandangan dengan cara yang serius. Sebagai contoh, kita melihat peruntukan tambahan yang diberikan kepada Kementerian Luar Negeri tidak lebih daripada peruntukan tanda sebanyak RM10. Kita baru sahaja menjadi tuan rumah kepada Persidangan NAM dan baru sahaja menghantar Ketua Kerajaan, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ke Persidangan OIC. Adakah peruntukan yang diberikan kepada persidangan ini sekadar untuk tambang, berucap dan untuk bertanding pidato dalam forum antarabangsa?

Dengan kita tidak mengambil kira supaya Kementerian Luar Negeri bertindak secara yang proaktif, merealisasikan resolusi-resolusi OIC dan NAM khusus bagi memulihkan PBB seolah-olah menjadi satu pertubuhan antarabangsa yang tidak relevan yang terkapai-kapai yang tidak boleh membuat apa-apa, sedangkan pertubuhan yang sangat penting ini perlu memainkan peranan untuk keamanan dunia dan perlu melakukan satu reformasi bagi menyelamatkannya supaya tidak diperalatkan oleh kuasa besar untuk kepentingan mereka.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Kinabatangan bangun.

**Datuk Bung Moktar bin Radin:** Penjelasan.

**Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Haji Awang:** Tak ada masa.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Tak ada masa.

**Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Haji Awang:** Dengan berbagai-bagai cara, seperti penguasaan terhadap Bangsa-Bangsa Bersatu melalui peruntukan kewangan yang bergantung kepada Amerika, penyumbang yang paling besar, sehingga Bangsa-Bangsa Bersatu juga dipengaruhi oleh politik wang macam yang berlaku dalam UMNO, yang berlaku dalam parti yang memerintah. *[Disampuk]* Berlakunya ugut mengugut. Ini diakui oleh kepimpinan negara.

Kita perlu berusaha membuat perubahan. Adakah tidak mungkin berusaha memindahkan Pejabat Bangsa-Bangsa Bersatu ke negara berkecuali seperti Geneva, bukan di New York dan sebagainya? Kita perlu mewujudkan kuasa pengimbang secara *collective* termasuk dengan mengambil peluang daripada negara-negara kuasa besar sendiri yang tidak sehaluan dengan Amerika, yang tidak menyokong peperangan dan pelbagai langkah perlu diambil supaya kuasa besar yang tunggal itu tidak bermaharajalela. Kita perlu mengambil peluang daripada keadaan yang dimaklumkan oleh media. Amerika sendiri tidak mencapai matlamat sebagaimana yang dirancang, maka peluang perlu diambil untuk mendekati negara-negara besar dan negara berkecuali secara kolektif bagi menyubur dan menggagahkan, menguat dan memperkasakan Bangsa-Bangsa Bersatu ini.

Sebagaimana yang disebut oleh rakan saya Yang Berhormat bagi Tambun tadi, kadang-kadang kita tidak berfikir secara serius untuk menghadapi cabaran yang berlaku termasuk dalam negara kita sendiri, untuk mewujudkan suasana perpaduan yang baik, yang ditunjuk ketika Perdana Menteri mengemukakan usul, mengutuk serangan yang dilakukan. Tetapi di sana ada tanda-tanda yang menunjukkan pihak kerajaan tidak menunjukkan sesuatu yang positif, yang berubah.

Dalam Kementerian Dalam Negeri masih berlaku tindakan secara *double-standard* melayani *reports* yang diadakan, yang membezakan di antara *report* yang dikemukakan oleh Barisan Nasional dengan pembangkang oleh NGO. Bila ada *report* daripada Pemuda UMNO, dalam tempoh yang cepat polis datang untuk membuat siasatan, tetapi bila aduan daripada pihak pembangkang, pihak NGO yang dianggap lemah maka dilambat-lambatkan, tidak tahu bila hendak datang siasat.

Tindakan terhadap majlis-majlis ceramah masih ada lagi. Ada majlis-majlis ceramah yang tidak diganggu oleh pihak polis bila dikira kawasan itu Barisan Nasional kuat. Bila mereka melihat kehadirannya ramai, boleh mengancam kedudukan parti yang

memerintah maka polis diarah untuk bertindak. Kita kasihan kepada polis dan kita tidak mahu berkelahi dengan polis dalam hal yang seperti ini.

Sebagai contohnya, menangani demonstrasi yang aman yang diadakan pada hari Sabtu di KLCC. Di sana ada satu pihak berdemonstrasi yang diberi kebenaran, demonstrasi yang dianjurkan oleh pembangkang dan NGO tidak diberi kebenaran. Pada hal kita baru sahaja bersama, seolah-olah kita tidak menghargai sensitiviti rakyat dan tidak menghargai sokongan yang diberi oleh pembangkang di Parlimen. Penyertaan bersama dalam demonstrasi, bantahan .....

**Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Tebrau bangun. *[Disampuk]*

**Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Haji Awang:** ..... di Kedutaan Amerika Syarikat .

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Tidak ada masa, ha?

**Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Haji Awang:** Tidak ada masa.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Tidak ada masa.

**Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Haji Awang:** Sepatutnya diberi sokongan secara bertali arus. Kita tidak mahu demonstrasi sebagai pesta berhiburan, tidak serius. Kita mahu satu demonstrasi yang serius, yang boleh mengubah sikap kuasa besar sebagai suatu tekanan, bukan untuk berhibur. Sepatutnya kita malu kepada dunia luar termasuk negara-negara komunis yang mempertahankan *dictatorship*, tidak membenarkan demonstrasi.

Tetapi dalam hal ini mereka membenarkan demonstrasi termasuk negara-negara yang menyertai peperangan dalam negaranya masih mengamalkan demokrasi dan kebebasan. Di Amerika sendiri, di UK, di mana saya dimaklumkan demonstrasi di UK diadakan 24 jam, sepanjang masa, yang melibatkan pelajar-pelajar, yang melibatkan semua pihak di kalangan pegawai kerajaan, di kalangan orang ramai dan sebagainya. Ada masa yang ditentukan untuk pelajar-pelajar dan ada masa yang ditentukan untuk pegawai kerajaan dan untuk orang ramai. Demonstrasi diadakan di hadapan Parlimen British, demonstrasi juga diadakan di Australia, yang kuat menyokong US. Ini semua sepatutnya menjadi contoh.

Dan kita melihat bagaimana contoh yang ditunjukkan oleh pembangkang yang berfikir dingin di Iraq. Walaupun mereka menerima tekanan yang begitu zalim daripada Saddam Hussein, ada yang hidup dalam buangan, ada yang dijatuhkan hukuman mati, ketika berada di luar negara. Namun dalam hal ini mereka lupa semua, segala krisis dilupakan. Mereka bersatu dalam menentang pencerobohan Amerika dan sekutu-sekutunya. Bahkan yang anehnya termasuk .....

**Tuan Mohamad bin Sabu:** Boleh atau tidak sekali. Sekali sahaja, Yang Berhormat Ketua Pembangkang. *[Disampuk]*

Kami berdemonstrasi hari Sabtu di KLCC dalam keadaan yang aman, aman itu pun kena gas dan 16 orang kena tangkap. Sedangkan dalam Parlimen kita bersatu dari segi menghadapi kuasa besar ini tetapi dihadiahkan gas kepada kami. Terpaksa lari berselerak, dikejar sampai dalam KLCC. Jadi, apa punya kerajaan macam ini? Rakyat, anak-anak muda dan semuanya termasuklah profesor-profesor dan bekas profesor yang turun. Ketua Pembangkang beri ulasan ini, dia buat tindakan macam kebudak-budakan dan kami terpaksa lari berselerak, kena gas, kena rotan dan sebagainya.

Dalam sokongan terhadap, termasuk yang hadir Ahli Yang Berhormat bagi Kepong dan beberapa orang yang lain. Beginikah sikap? Dan, di Kedah kena tangkap, seorang ditangkap dan didakwa dan dijamin RM4,000 kerana demonstrasi lepas sembahyang Jumaat, hendak menyokong rakyat Iraq dalam menghadapi Amerika. Minta Ketua Pembangkang ulas sedikit perkara ini. Kerajaan kena lihatlah, perkara ini serius bukan hanya Aman Malaysia hendak pergi seronok-seronok begitu seperti di Bukit Jalil tetapi yang serius kena hentam dengan polis dan kami kena gas kelmarin. Sudahlah sakit jantung kena gas lagi. Minta ulas sedikit. *[Ketawa]*

**Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Haji Awang:** Yang penting Tuan Yang di-Pertua, ialah perubahan sikap. Kalau kita membelanjakan duit yang banyak, sikap tidak berubah maka kita tidak dapat menjalinkan perpaduan dalam erti kata yang sebenar. Di antaranya ialah Kementerian Pendidikan sebagai contoh.....

**Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan:** [Bangun]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat bagi Tebrau bangun.

**Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Haji Awang:** Nanti sekejap.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Sekejap. Nanti.

**Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Haji Awang:** Kementerian Pendidikan sebagai contoh. Tindakan terhadap pelajar-pelajar yang dikatakan tidak menyokong kerajaan, dipotong biasiswa, dihentikan pinjaman kerana menyokong parti pembangkang. Dalam masa yang sama ditubuhkan Kelab UMNO di luar-luar negara, dalam masa yang sama mengempen pelajar-pelajar di pusat-pusat pengajian untuk menyertai UMNO. Di mana letaknya demokrasi, menyuburkan demokrasi?

Akta-akta Universiti yang mengongkong kalangan akademi, yang mengongkong pelajar masih berlaku, membendung fikiran mereka, tidak menggalakkan perkembangan ilmu. Bahkan berlaku keadaan yang tidak menentu dalam membina sekolah baru sebagai contoh. Di Terengganu saya pun tidak faham bagaimana tidak boleh diadakan penyelarasan di antara Jabatan Pendidikan yang melaksanakan program bina sekolah baru, diserahkan kepada kontraktor untuk memilih kawasan ikut suka kontraktor. Sehingga ada projek yang menimbus saliran-saliran air, pada hal sudah ada saliran air itu, ditimbusnya kerana kontraktor mengejar hendak dapat projek, hendak selesaikan projek. Tidak ada penyelarasan.

Ini sebagai contoh dan banyak lagi contoh-contoh yang lain. Kadang-kadang kita terlalu mengejar, mendapat keuntungan tanpa perhitungan, ini akan menjahanamkan segala perancangan. Dan, kita melihat masih berlaku sebagai contoh, kita tidak menghidupkan rakyat dengan minda yang terbuka yang boleh menjejaskan kefahaman yang betul, kita menimbulkan masalah, media Barat tidak adil dalam memberi maklumat apa yang berlaku di Teluk sekarang.

TV-TV kita menyiarkan kenyataan-kenyataan itu, tetapi kita tidak membuat perubahan di negara kita sendiri. Di mana maklumat-maklumat sebelah pihak masih menghentam sebelah pihak, tidak ada peluang bagi pembangkang untuk menjawab, dan kita tidak diberi peluang untuk melaksanakan media-media dengan cara yang dibenarkan oleh kerajaan. Akhbar *Harakah* sebagai contoh, daripada dua kali seminggu bila terlalu laris, maka diberi kebenaran kepada dua minggu sekali. Hendak disempitkan fikiran, ini sebagai contoh.

Dan terdapat berita-berita yang mengelirukan, tergamak mengelirukan kenyataan yang dibuat oleh Penyimpan Mohor Raja-Raja Melayu yang berkait dengan SAR sebagai contoh, seolah-olah Majlis Raja-Raja sudah bersetuju, sudah perkenan dengan segala keputusan. Terpaksa membuat kenyataan yang kedua, ini menandakan kita tidak cermat. Di dalam memberi kebebasan pemerintahan dan mengolah pemberitaan kepada rakyat, menyebabkan rakyat mendapat maklumat-maklumat yang tidak jelas, yang tidak betul, yang boleh mengelirukan. Kerajaan sendiri yang mengelirukan.

Begitu juga sebagai contoh. Tidak ada makna kita menyediakan peruntukan kepada BPR di bawah Jabatan Perdana Menteri sebagai contoh, pada hal tidak boleh menangani masalah rasuah, masalah penyelewengan. Masalah PERWAJA masih tidak selesai bertahun-tahun [Disorak] dengan pelbagai alasan, bukan alasan kerana Jepun tidak beri kerjasama, satu itu sahaja, banyak lagi alasan-alasan yang lain dan di sana ada perkara-perkara yang tersirat. Sebagai contoh, kita di Terengganu hendak mendedahkan penyelewengan yang berlaku di masa kerajaan yang lalu oleh badan Hisbah yang kita tubuhkan. Insya-Allah akan memberi kerjasama kepada BPR.

Tetapi yang menjadi masalah, yang dicatat ialah pegawai-pegawai, pegawai-pegawai yang menulis minit, sedang kita tahu di belakangnya ialah orang-orang politik yang tersirat, yang membuat arahan, yang menekan, yang mengugut pegawai-pegawai. Pegawai yang tidak tahan ini terpaksa menulisnya, menandatangani, membuat minit, yang tertulis, yang tersurat inilah yang akan dihukum, yang tersiratnya terlepas. Ini menjadi masalah. Oleh itu perlu ada undang-undang supaya mendedah dan membongkar mereka yang tersirat untuk menyelamatkan mereka yang dipaksa untuk membuat kenyataan yang bersurat ini.

Tadi kita bincang pasal isu tanah. Yang Berhormat bagi Tambun juga menyebut juga isu tanah. Kita tidak dapat lagi menyelesaikan masalah, kelemahan-kelemahan untuk mengendalikan masalah tanah. Kononnya menuju ke arah setinggan yang sifar. Bagaimana hendak menyifarkan setinggan kalau setinggan itu diberikan lesen terus menjadi setinggan dengan meletakkan *signboard* cawangan apa. Bukan untuk menyelesaikan masalah tanah mereka. Ini menjadi masalah. Kita di Terengganu, cuba menyelesaikan secara ini.....

**Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Amat Berhormat, Yang Amat Berhormat, ada sepuluh minit lagi.

**Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Haji Awang:** Ya, terima kasih.

**Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan:** *[Mengetuk pembesar suara]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Amat Berhormat.

**Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Haji Awang:** Kita terpaksa menyelesaikan masalah birokrasi.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Amat Berhormat, Tebrau bangun.

**Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Haji Awang:** Birokrasi.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Ahli Yang Berhormat bagi Tebrau bangun.

**Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Haji Awang:** Hendak meluluskan sesuatu permohonan tanah. Saya tidak bagi. Tidak cukup masa, cuma sepuluh minit lagi.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Tidak bagi.

**Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan:** Tadi sudah janji *[Menghalakan pandangan ke arah Ketua Pembangkang]*

**Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Haji Awang:** Terpaksa. Bukan janji bertulis *[Ketawa] [Disorak] [Dewan riuh]* Bukan janji yang bertulis, ya?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat.

**Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Haji Awang:** Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, bukan janji bertulis, jadi tidak ada masa, Yang Berhormat duduk.

**Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Haji Awang:** Hendak lulus satu-satu permohonan tanah terpaksa melalui 27 meja pegawai.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Amat Berhormat, Ahli Yang Berhormat bagi Wangsa Maju bangun.

**Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar:** Lagi dua minit.

**Puan Teresa Kok Suh Sim:** Buang masa sahaja.

**Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Haji Awang:** Di angkat permohonan. Tidak bagi! Tidak bagi!

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Tidak payahlah.

**Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Haji Awang:** Bagi permohonan, dihantar permohonan kepada Pejabat Tanah Daerah, bagi kepada Perancang, Pejabat Saliran, kepada Pentadbir Tanah Daerah naik ke PTD, pergi ke Perancang, Saliran, Perancang Bandar, pergi kepada Menteri Besar, turun kepada SUK, pergi kepada EXCO, balik SUK balik, balik Menteri Besar balik, pergi SUK balik, turun balik satu, satu sampai 27 meja.

Ini yang berlaku di seluruh negeri. Di seluruh negeri berlaku perkara ini. Kalau satu meja, 10 hari - 270 hari. Adakah boleh berlaku 10 hari satu meja? Mungkin lebih lagi. Oleh kerana itulah hendak selesai masalah tanah dalam 100 atau 200 sahaja setahun. Bagaimana hendak menyelesaikan masalah beribu-ribu rakyat yang menghadapi masalah tanah ini?

Kami cuba mencari penyelesaian, bincang dengan pegawai-pegawai, orang-orang politik mesti terbuka dengan pegawai. Bincang dengan pegawai. Gerakkan jentera masyarakat, kerahkan segala tenaga, bukan sahaja kerajaan tapi termasuklah pihak-pihak profesional. Sehingga hari ini kami dapat menyelesaikan 50,000 permohonan dalam setahun [*Tepuk*] termasuk kawasan setinggian.

**Dato' Haji Noh bin Haji Omar:** Kawasan balak. Kawasan balak.

**Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Haji Awang:** Kami tidak ke UMNO.

**Dato' Haji Noh bin Haji Omar:** Kawasan balak ada? Kawasan balak.

**Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Haji Awang:** UMNO? Tidak ada harapan bagi UMNO untuk melakukan seperti dahulu dalam masalah balak ini. Tidak ada harapan. Kita mempunyai statistik .....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Amat Berhormat.

**Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Haji Awang:** ..... di mana pembukaan kawasan balak adalah kecil daripada zaman Barisan Nasional tetapi kewangannya yang lebih besar berlipat kali ganda [*Tepuk*].

**Dato' Zulhasnan bin Rafique:** [*Bangun*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Amat Berhormat, Wangsa Maju bangun.

**Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Haji Awang:** Saya tidak bagi peluang. Tidak bagi peluang.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Tidak bagi.

**Seorang Ahli:** Jalan terus.

**Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Haji Awang:** Tidak bagi peluang Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron:** Ini bangun, dia payah sedikit.

**Tuan Mohd. Amar bin Abdullah:** Wangsa Maju punya Ahli Parlimen bangun, tidak payahlah.

**Beberapa Ahli:** [*Menyampuk*]

**Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Haji Awang:** Di sana ada perkampungan Cina.

**Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar:** Teruskan.

**Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Haji Awang:** Dua buah perkampungan Cina yang tinggal di kawasan perkampungan yang dinamakan Perkampungan Baru di zaman penjajah British dahulu, di zaman darurat sejak 50 tahun.

**Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar:** Allah.

**Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Haji Awang:** 50 tahun, tidak boleh selesai masalah milik tanah.

**Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar:** Wah! UMNO teruk betul, heh!

**Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Haji Awang:** Orang Cina ini bukan PAS, bukan BA, bukan DAP. Mereka tidak ada parti, bahkan sebahagian besarnya adalah MCA.

**Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar:** Mengaji Sekolah Agama Rakyat kot?

**Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Haji Awang:** Saya tidak tahu sama ada yang kongsi gelap ataupun tidak, saya tidak tahu [*Ketawa*]. Itu bukan urusan saya. Kita selesaikan. Tiap-tiap pilihan raya bagi borang. Lepas pilihan raya diam.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Amat Berhormat, Wangsa Maju.

**Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Haji Awang:** Ini yang berlaku! Kami telah selesaikan dalam masa setahun, dua tahun. Yang menyedihkan Tuan Yang di-Pertua, ada yang datang sudah bongkok. Yang meninggal dunia, anak dia datang. Satu kawasan perkuburan sebagai contoh, hendak minta kawasan perkuburan, berpuluh tahun. Tidak dapat. Terpaksa mengebumikan jenazah 20 kilometer jauh daripada kampung. Kita selesaikan dalam masa setahun. Diselesaikan.

**Tuan Liow Tiong Lai:** [*Bangun*]

**Dato' Zulhasnan bin Rafique:** [*Bangun*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Amat Berhormat.

**Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Haji Awang:** Kita tidak tanya kamu ini parti apa.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Bentong, Wangsa Maju, bangun.

**Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Haji Awang:** Ini yang kita buat, yang kita lakukan.

**Beberapa Ahli:** [*Menyampuk*] [*Bercakap tanpa pembesar suara*]

**Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Haji Awang:** Dan disiarkan oleh akhbar Cina. Saya tidak tahu Bahasa Cina.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Amat Berhormat.

**Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Haji Awang:** Cuma ada orang Cina tunjuk kepada saya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Amat Berhormat, ingin memberikan laluan?

**Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Haji Awang:** Tidak bagi. Tidak bagi.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Tidak bagi.

**Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Haji Awang:** Saya tidak bagi. Saya tidak bagi. [*Dewan riuh*]

**Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron:** UMNO malu ini, UMNO malu.

**Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Haji Awang:** Termasuklah kawasan pertanian, kawasan Tanah Pinggir, termasuk kawasan Felda, peneroka telah meneroka tanah 20 tahun tidak dapat milik, kami selesaikan bagi milik. Bila kami panggil dia hendak bagi geran, ada pemimpin UMNO yang kempen jangan pergi, ini geran palsu [*Dewan riuh*]. Bila geran dibagi, separuhnya datang, separuh lagi tidak datang. Yang tidak datang ini ambil daripada geran ini cuba pergi ke bank untuk cagar. Bank kata ini boleh, ini geran betul.

**Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar:** UMNO dok ingat dia.....

**Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Haji Awang:** Kami pergi ke kampung Orang Asli. Orang Asli – di Kemaman, kampung Orang Asli kawasan Yang Berhormat Kemaman. Kami pergi, Orang Asli juga tidak selesai masalah geran tanah. Dalam masa 20 tahun juga kami bagi tanah. Kami jemput Orang Asli, semua Orang Asli datang.

**Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron:** Ingat, Orang Asli .....

**Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar:** *[Ketawa]*

**Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Haji Awang:** UMNO tidak datang semua. Nampaknya dalam hal ini orang Orang Asli lebih bijak.

**Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar:** Daripada UMNO.

**Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Haji Awang:** Mereka datang terima geran.

**Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar:** UMNO sahaja cerdik.

**Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Haji Awang:** Ini sebagai contoh.

**Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar:** UMNO Tanjung Karang.

**Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Haji Awang:** Jadi hal-hal yang seperti inilah yang perlu ditingkatkan. Kita hendak memajukan ekonomi bukan sahaja pandangan-pandangan daripada Menara Gading, daripada kalangan atasan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Amat Berhormat.

**Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Haji Awang:** Peranan rakyat sangat penting.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Ahli Yang Berhormat Ahli Yang Berhormat bagi Wangsa Maju bangun.

**Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar:** Tak adalah!

**Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Haji Awang:** Tidak bagi.

**Beberapa Ahli:** *[Menyampuk] [Dewan masih riuh]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Tidak bagilah.

**Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Haji Awang:** Oleh kerana itu, maka hendaklah diberi kepada rakyat.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Orang sudah berdiri, minta jalan, bagilah *[Dewan riuh]*.

**Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan:** Bagi bagilah *[Dewan riuh]*.

**Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Haji Awang:** Baiklah, saya berilah satu. Saya imbang.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Bagilah kepada Ahli Yang Berhormat Wangsa Maju itu.

**Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar:** Bagilah satu.

**Beberapa Ahli:** Bagilah, bagilah.

**Dato' Zulhasnan bin Rafique:** Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Marang yang telah memberi laluan kepada saya.

**Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan:** Allah.

**Dato' Zulhasnan bin Rafique:** Sebab saya bangga tadi, saya dengar prestasi Terengganu tadi. Saya hendak tanya satu soalan sahaja. Sebab saya nampak di dalam Laporan Ketua Audit Negara ini. Saya tidak tahu sama ada ini masalah tanah atau bukan masalah tanah. Sebab di dalam itu dia kata, 150 projek pembangunan negeri berjumlah RM85 juta termasuk 28 projek di bawah Setiausaha Kerajaan Negeri tidak dibelanjakan langsung ....

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Hah.

**Dato' Zulhasnan bin Rafique:** ....dan Kerajaan Persekutuan juga tidak memberi peruntukan sebanyak RM28 juta dalam tahun 2001 untuk projek perumahan kos rendah. Ini pun tidak dibelanja langsung. Sila, terima kasih.

**Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Haji Awang:** Tuan Yang di-Pertua, saya juga baca Laporan Audit. Tetapi kebanyakan masalah yang dikemukakan oleh Audit Negara tentang kewangan negeri Terengganu adalah penyakit-penyakit yang ditinggalkan di zaman Barisan Nasional [*Tepuk*]. Bukan di zaman kami [*Dewan riuh*].

**Tuan Abd. Rahman bin Yusof:** [*Bangun*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Amat Berhormat ada dua minit lagi.

**Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Haji Awang:** Ya, sila, sila.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Ada dua minit lagi.

**Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron:** Panjang-panjang lagi.

**Puan Teresa Kok Suh Sim:** [*Menyampuk*]

**Tuan Abd. Rahman bin Yusof:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Dato' Seri Ketua Pembangkang. Saya hendak tanya penjelasan daripada Dato' Seri bahawa sedarkah Yang Amat Berhormat bahawa pada tahun 2002, pelaburan asing ataupun pelaburan langsung asing yang ditanggung ke Malaysia ini daripada RM11 bilion, RM4.7 bilion pergi ke negeri Terengganu menjadikan negeri Terengganu yang paling tinggi menerima FDI tahun 2002. [*Tepuk*] Minta penjelasan.

**Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Haji Awang:** Saya sedar ini ialah kerana iklim, kerana suasana, kerana perkembangan yang ada di negeri Terengganu, wujudnya ketelusan, wujudnya pentadbiran yang [*Tepuk*] sangat memuaskan hati pelabur-pelabur di mana suasana inilah yang menyebabkan pelabur datang. Apa yang menjadi masalah mereka sekat di Kuala Lumpur. Mereka kempen supaya jangan datang. Ini yang menjadi masalah.

**Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar:** Ini pelabur minyak gamat, heh.

**Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Haji Awang:** Bukan sahaja pelabur hendak datang mereka kempen, bahkan kalau mereka sekat segala kemudahan-kemudahan pentadbiran. Ini menjadi satu masalah yang amat besar, Tuan Yang di-Pertua. Saya tidak tahulah ini cara parti *Baah* atau parti apa.

**Beberapa Ahli:** [*Ketawa*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat boleh gulunglah.

**Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Haji Awang:** Ya. Saya mengharapkan supaya dalam membincangkan perbekalan tambahan ini, kita perlu mengambil kira suasana yang ada bagi menyelamatkan negara dalam menghadapi cabaran yang tidak menentu yang kita tidak tahu, yang di luar daripada ramalan kita. Dan marilah memikul tanggungjawab bersama, memikul kewajipan bersama dan Pembangkang akan bersama-sama dalam menghadapi cabaran yang membahayakan negara, insya-Allah. Sekian terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat bagi Parit Sulong. Yang Berhormat, bagi Yang Berhormat masa yang sama akan saya berikan. lepas itu saya akan buat keputusan untuk mengehendkan masa bagi setiap Ahli Yang Berhormat yang ingin berucap. Sila Yang Berhormat.

**5.13 ptg.**

**Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad [Parit Sulong]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Setengah Jam.

**Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, saya telah pun mendengar ucapan daripada Yang Amat Berhormat Ahli Parlimen sebentar tadi iaitu Ketua Pembangkang yang menyatakan keberkesanan pemerintahan negeri Terengganu.

**Tuan Kerk Kim Hock:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Ahli Yang Berhormat bagi Parit Sulong, ada apa?

**Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad:** Heh? Ini waktu saya ini.

**Tuan Kerk Kim Hock:** Tuan Yang di-Pertua. Peraturan Mesyuarat 90(2). Memandangkan Peraturan Mesyuarat 67(5) mengehendkan bahawa Dewan cuma boleh menggunakan satu hari untuk membahaskan perbahasan dasar tetapi oleh kerana begitu ramai hendak berucap, saya mencadangkan di bawah Peraturan Mesyuarat 90(2) supaya Tuan Yang di-Pertua memberi kebenaran kepada saya untuk mencadangkan satu usul bahawa Peraturan Mesyuarat 67(5) itu digantung sementara supaya Tuan Yang di-Pertua boleh menggunakan kuasa dan memberikan tempoh dua hari untuk perbahasan dasar *[Tepuk]*

**Puan Teresa Kok Suh Sim:** Ya, saya sokong.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, memandangkan kita ada lagi bil-bil lain yang akan kita selesaikan pada sidang mesyuarat ini dan saya terpaksa menggunakan peraturan mesyuarat 67 untuk menyelesaikan perbahasan Perbekalan Tambahan. Yang Berhormat bagi Parit Sulong, sila.

**Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya telah pun mendengar ucapan Yang Amat Berhormat Ketua Pembangkang sebentar tadi, khususnya apabila beliau meniup *trumpet* dan menggariskan seluruh rekod kecemerlangan kepimpinan beliau di negeri Terengganu. Saya hairan. Sekiranya benar-benarlah PAS bernafsu untuk memerintah negara, mengapa tidak bertanding di seluruh kawasan Parlimen di seluruh negara?

**Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar:** Itu jawab lain.

**Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Haji Awang:** *[Bangun dan meninggalkan Dewan]*

**Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad:** Yang keduanya, pada tahun 1986, Yang Amat Berhormat Ketua Pembangkang, ketika itu mungkin seorang Ahli Undangan Negeri, ada berceramah di Terengganu mengatakan, sekiranya PAS memerintah Terengganu maka seluruh Tanah Rizab Melayu di Terengganu akan dibatalkan. Sehingga hari janji ini belum lagi dilangsungkan oleh pihak PAS. Jadi, saya harap perkara ini akan jadi *food for thought*, dengan izin, kepada Yang Amat Berhormat Ketua Pembangkang.

**Beberapa Ahli:** *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

**Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, Perang Teluk yang pertama telah pun melahirkan satu sistem kewartawanan dan juga penyiaran yang agak moden, iaitu secara *interactive*, terus menerus atau dipanggil sebagai sistem *simulcasting* ataupun dengan izin, *simultaneous broadcasting* yang dibuat menerusi CNN. Sekarang ini Perang Teluk yang kedua, iaitu lebih kurang 12 tahun kemudian, sistem penyiaran dan juga kewartawanan *simulcasting* telah menjadi satu perkara yang lumrah sehingga ada pihak yang cuba menjadikan sistem *simulcasting* ini sebagai satu *war machine* - dengan izin - untuk mempengaruhi pemikiran dan minda rakyat seluruh dunia.

Hari ini kita melihat bahawa sebilangan besar saluran-saluran televisyen Barat, khususnya CNN, BBC atau CNBC telah menjadi sebahagian daripada - dengan izin - *war machine* di dalam peperangan Perang Teluk kedua. Kita juga melihat beberapa saluran lain sekarang ini menjadi saluran alternatif kepada peperangan tersebut, khususnya Al Jazeera, CCTV dan DW yang berpangkalan di Jerman.

Lebih kurang lima atau enam tahun dahulu, di Dewan yang mulia ini, saya pernah mencadangkan supaya Malaysia sebagai pelopor Pergerakan Negara-negara Berkecuali,

sebagai suara negara ketiga yang berkesan, perlu memelopori kewujudan satu saluran televisyen antarabangsa yang membawa suara-suara alternatif. Sekarang ini bukannya sukar untuk kita mewujudkan rangkaian televisyen yang melaksanakan sistem *simulcasting* atau *simultaneous broadcasting*.

Kita mempunyai *videophone*, kita mempunyai rangkaian satelit, kita mempunyai internet. Terlalu mudah kalau berbanding dengan dahulu. Soalnya, adakah kita mahu memberi *political will* atau kepimpinan politik? Kita juga harus mempunyai satu asas dasar untuk mengemukakan perkara ini. Saya amat yakin Malaysia, sebagai Pengerusi Persidangan Negara-negara Berkecuali dan tidak lama dan tidak lama lagi sebagai Pengerusi Persidangan OIC, akan dapat memainkan peranan ini. Gembungkan kekuatan NAM, gembungkan kekuatan OIC dan gabungkan kedua-dua kekuatan ini dengan rakan-rakan kita seperti Jerman, Perancis, Russia, China dan juga India dan Pakistan.

Dengan cara ini, boleh mewujudkan satu saluran televisyen *international* yang membawa suara alternatif yang melambangkan hasrat dan aspirasi rakyat Dunia Ketiga. Saya minta Malaysia memelopori hal ini. RTM kini mempunyai kompleks penyiaran yang canggih. Kita juga mempunyai *Asia Broadcasting Centre*. Ini bermakna infrastruktur untuk kita mewujudkan saluran televisyen telah pun ada. Yang diperlukan cuma kepimpinan dan juga garis panduan kerja yang sewajarnya.

Saya minta perkara ini disegerakan kerana kita tidak lagi mengizinkan diri kita atau merelakan diri kita untuk dipengaruhi oleh apa yang sedang berlaku. Sekarang ini, Amerika Syarikat yang kononnya memelopori kebebasan akhbar, sebenarnya tidak lagi menghormati kebebasan akhbar. Ini tidak menghairankan kerana Amerika Syarikat sebagai pelopor PBB sekarang ini telah pun membunuh PBB. Amerika Syarikat dengan menyangkutkan atau, dengan izin, perkataan "*embedded*", .....

**Tuan Haji Mohamad bin Sabu:** Minta jalan.

**Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad:** Saya tidak ada masa Yang Berhormat, nanti saya beri jalan, nanti saya beri. Di dalam peperangan hari ini, Amerika Syarikat telah pun menjadikan kepentingan kewartawanan dan penyiaran itu sebagai salah satu *war machine*. Sebab itu timbul satu *new terminology* yang dipanggil "*embedded journalists*". Bermakna wartawan disangkutkan dengan mana-mana *division* tentera artileri. Dengan cara ini apabila wartawan telah berinteraksi secara intim, *reporting* mereka bias. Tidak lagi menggambarkan sebenarnya. Kalau tidak, kita tidak berhadapan dengan laporan-laporan yang bercanggah. Contohnya, pada hari kedua peperangan ini, Amerika Syarikat mendakwa menerusi *war machine* nya bahawa Basra telah pun ditawan. Tetapi sehingga hari ini belum ada kepastiannya.

Ada juga dikatakan bahawa kini timbul satu *uprising*, dengan izin, di Basra, sebagaimana yang berlaku pada tahun 1991. Tetapi hal ini juga tidak benar. Jadi, berapa lama dunia ini khususnya kita, harus mendengar kepalsuan yang disalurkan oleh pihak yang menguasai *war machine* ini? Dan berapa lamakah kita harus berdiam diri, walaupun kita mempunyai kemampuan untuk berbuat sesuatu?

Jadi, saya harap peperangan ini akan mendatangkan satu iktibar kepada kita supaya soal mewujudkan network televisyen alternatif ini dilihat secara serius. Saya minta perkara ini diambil secara serius supaya kita tidak lagi dibelenggu dengan apa yang sedang berlaku. Sekarang kita mempunyai infrastrukturnya. Contohnya TV3 mempunyai *correspondence* yang berada di London, mempunyai *correspondence* yang berada di sempadan Jordan dengan Iraq. Tetapi TV1 tidak pula menggunakan berita TV3 ini mungkin kerana koordinasi di antara seluruh badan penyiaran kita. Dalam keadaan sekarang, apa gunanya *competition*? Apa gunanya perlumbaan? Demi masyarakat Malaysia, seharusnya dikoordinasikan. Apa yang TV3 ada mungkin boleh dikongsikan dengan RTM.

Sebab itu, kita perlu menggembungkan *resources* kita. TV swasta, TV3, Astro, ntv7, RTM, Bernama dan beberapa *news agencies* seperti *The New Straits Times* sebagai salah satu gagasan kewartawanan yang besar, *Utusan Melayu Berhad*, *The Star*, wajarlah menggembungkan sumber mereka untuk dijadikan asas menggerakkan kewujudan satu saluran kewartawanan dan juga *broadcasting* yang menyalurkan suara alternatif Dunia Ketiga untuk mencerminkan *fairness and justice* di dalam kewartawanan dan penyiaran.

Tuan Yang di-Pertua, kita dapat melihat bahawa sejak Peristiwa September 11 kewartawanan di negara Barat telah pun berubah paksinya. Saya sedang membaca satu buku ini, *Journalism After September 11*. Ia menghuraikan bagaimana perubahan paradigma kewartawanan, sama ada *broadcasting* ataupun *reporting*, di negara Barat, setelah terjadinya Peristiwa September 11, segala-galanya diketepikan. Kewartawanan di Barat hari ini membunuh *freedom of the press* kerana dorongan *phobia* atau keghairahan yang negatif, bahawa tanah Amerika mesti dipertahankan demi Amerika. Kerana kalau tidak, Amerika tidak lagi menjadi *leader of the world*. Kepada saya, perkembangan ini merbahaya. Merbahaya kerana pada satu ketika mereka menyebarkan satu doktrin kebebasan keakhbaran ataupun kewartawanan tetapi pada satu ketika lagi, mereka juga membunuh kebebasan tersebut kerana *they want to stuff their belief* kepada kita, sedangkan kita di sini tidak rela dengan apa yang hendak disogokkan ke rongga kita.

Saya harap pihak Kementerian Penerangan, Kementerian Tenaga, Komunikasi dan Multimedia yang menguasai *content* akan meneliti perkara ini. Gagasan ini juga boleh dikemukakan menerusi ASEAN dan menerusi Malaysia dialog dengan negara-negara Afrika.

Yang keduanya, berkaitan dengan kesihatan awam. Saya amat bimbang apabila mendengar dan membaca kisah mengenai SARS ataupun penyakit misteri yang dipanggil *Severe Acute Respiratory Syndrome*, (SARS), bukan SAR tetapi SARS. Apabila PAS sibuk dengan SAR, dunia berhadapan dengan SARS. Saya hendak bertanya dengan pihak kerajaan, apakah langkah-langkah yang diambil untuk memastikan penyakit ini tidak merebak ke wilayah kita. Apakah langkah-langkah yang dilakukan di pintu-pintu masuk, (*entry points*), di Singapura, di lapangan terbang, di Tambak Johor, dan sebagainya? Saya bimbang kerana sekarang ini WHO telah pun mengkategorikan negara-negara seperti Hong Kong, China, Taiwan, Vietnam dan Singapura sebagai negara-negara SARS. Jadi orang tidak melawat ke sana. Apakah yang kita akan lakukan untuk mengelakkan negara kita dilonggokkan dalam klasifikasi itu?

Sehingga ini saya monitor surat khabar, belum ada lagi langkah-langkah yang sewajarnya. Yang diadakan cuma disebar *leaflets* untuk mengenal pasti *symptom* atau tanda-tanda penyakit SARS. Tetapi, orang yang beribu-ribu masuk dari Singapura ke sini, pekerja kita yang keluar ke Singapura dan *commute* balik ke Malaysia pada setiap hari, apa langkah-langkah yang dilakukan? Saya bimbang kerana ini adalah satu penyakit yang boleh menjejaskan *tourism industry* kita, yang boleh menjejaskan kemasukan pelawat ke negara kita, apatah lagi negara kita telah pun cuba dilabelkan sebagai pelindung *terrorist*. Apabila SARS merebak ke Malaysia, siapa yang akan memperjuangkan hal Malaysia dalam soal kemasukan pelancongan?

Perkara ini serius. Saya minta Kementerian Kesihatan memberitahu kepada negara, sudah atau belum diberikan garis panduan kepada MAS. Mungkin ada, tetapi bagaimana kawalan di pintu masuk? Oleh kerana sekarang ini Singapura salah satu tempat yang berhadapan dengan wabak ini, kawalan masuk di Tambak Johor. Macam mana rupanya? Kawalan masuk di KLIA Airport macam mana rupanya?

Memang ada sesetengah pengusaha penerbangan di Singapura yang melaksanakan *random checking*. Tetapi persoalannya, dengan izin, *how thorough is this random checking?* Berapa prihatinkan perkara ini dibuat dan bagaimana untuk mencegah orang itu supaya tidak masuk ke sini dan bagaimanakah *preventive measures* yang dilaksanakan? Saya prihatin penyakit ini belum ada ubat dan ia boleh menjadi satu *full-blown disease* yang boleh membawa maut dalam masa sepuluh hari dan mungkin sebulan. Ini satu bahaya. Kita harus mengumumkan satu langkah *preventive* yang komprehensif.

Saya tidak mahu nanti apabila sudah berlaku baru kita hendak tengadah. Kita sudah tahu perkara ini sudah berkeliaran di wilayah kita lebih kurang dua, tiga minggu yang lalu. Oleh itu, saya minta Malaysia yang mempunyai potensi menjadi tempat pelancongan, khususnya daripada pelancong-pelancong di Asia Barat datang ke sini, umumkanlah kepada dunia, apakah *preventive measures* yang akan kita laksanakan mengenai SARS.

Yang keduanya, bagaimanakah cara-caranya untuk kita keluar negara. Sekarang ini saya tahu, kita kena buat *innoculation*, kena buat *injection*, kalau kita hendak keluar

negara. Berapa menyeluruhkah perkara ini? Adakah perkara ini mandatori? Kalau tidak buat apa yang hendak dikenakan? Mesti ada satu *temporary measure*, satu penalti yang sementara. Kalau orang ingkar melaksanakan perkara ini mesti dikenakan tindakan. Kalau tidak, saya bimbang perkara ini akan merebak ke Malaysia dan Malaysia akan menjadi sebuah negara yang disenaraihitamkan dari senarai pelancong-pelancong yang cuba datang ke negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, itulah di antara beberapa perkara yang saya hendak sebutkan. Saya harap kita akan bertindak dengan segera secara *coordinated* atau bermakna secara diselaraskan. Jangan Kementerian Kesihatan membuat satu pengumuman, Imigresen tidak tahu, Kastam tidak tahu, pengusaha *airport* tidak tahu dan sebagainya. Saya minta diadakan satu *task force*, diadakan satu jawatankuasa *ad hoc* yang melibatkan semua mereka yang terlibat dengan pelancongan, dengan penerbangan dan kawalan keselamatan, *border control*, dengan izin. Saya minta perkara ini dilaksanakan dan saya harap akan dilaksanakan dengan seberapa segera.

Dengan itu, Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Gelang Patah. Yang Berhormat, sepuluh minit.

**5.27 ptg.**

**Tuan Chang See Ten [Gelang Patah]:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Saya ingin timbulkan dalam hal yang berkenaan yang terlibat dengan Kementerian Dalam Negeri dalam perbahasan Akta Perbekalan ini.

Tuan Yang di-Pertua, sejak kebelakangan ini, masyarakat kita dilanda masalah jenayah yang kian berleluasa di samping pelbagai kemelut sosial yang telah pun mengancam ketenteraman awam.

Secara umumnya masalah-masalah yang dihadapi oleh masyarakat kita terbahagi kepada empat masalah utama:

- (i) kegiatan-kegiatan jenayah yang kian berleluasa;
- (ii) ancaman kongsi-kongsi gelap;
- (iii) pusat-pusat perjudian haram, mesin slot atau *cyber café*;
- (iv) pusat-pusat hiburan dengan pengedaran pil khayal, ecstasy pills.

Tuan Yang di-Pertua, yang pertama, tentang kegiatan-kegiatan jenayah yang kian berleluasa, dewasa ini kegiatan-kegiatan jenayah telah mengancam keselamatan dan kesejahteraan sekalian warga negara dalam negara kita, kes-kes pecah rumah atau cubaan pecah rumah dan kegiatan samun berlaku dengan kerap. Daripada maklum balas orang ramai, tiga jenis kes jenayah yang sering berlaku ialah seperti berikut:

- (i) pecah atau ceroboh rumah atau cubaan pecah rumah secara berkumpulan khususnya pada lewat malam;
- (ii) samun atau rompak berkumpulan, di mana dua orang perompak menaiki motosikal menikam tayar kenderaan mangsa lalu merampas wang atau harta mangsa ketika mereka mahu atau sedang menukar tayar gantian;
- (iii) perampas beg tangan dari belakang pejalan kaki.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, ada lagi tujuh minit, sila sambung esok.

**Tuan Chang See Ten:** Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan yang mulia ini ditangguhkan sekarang sehingga pukul 10.00 pagi hari esok.

**Dewan ditangguhkan pada pukul 5.30 petang.**

